



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES
DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session
KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6395]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 6429]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Keempatbelas) —

Jadual —

Kepala B. 53 dan B. 54 [Ruangan 6432]

Kepala B. 55 hingga B. 62 [Ruangan 6448]

Kepala B. 63 [Ruangan 6514]

Kepala B. 64 dan B. 65 [Ruangan 6526]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada
Peraturan Mesyuarat [Ruangan 6429]

Anggaran Pembangunan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Keempatbelas) —

Kepala P. 53 dan P. 54 [Ruangan 6432]

Kepala P. 55 hingga P. 62 [Ruangan 6448]

Kepala P. 63 [Ruangan 6514]

Kepala P. 64 dan P. 65 [Ruangan 6526]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD. S.S.D.K. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATO HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.L.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN K.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.L.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

- Yang Berhormat TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- .. TUAN AZHARUI ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- .. TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- .. DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- .. TUAN CHIENG TIONG KAI @ CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- .. TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- .. PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- .. TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- .. DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- .. TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- .. TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. DR. HEE TIEN LAI @ HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- .. TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).
- .. TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- .. TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- .. TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- .. TUAN LIBEN ANAK KATO @ WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- .. TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- .. DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- .. TUAN LIM KIAM HOON @ LIM AH YING (Padang Serai).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- .. DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).
- .. TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat** **TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).**
- „ **DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).**
- „ **TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).**
- „ **TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).**
- „ **DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).**
- „ **TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).**
- „ **TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).**
- „ **DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).**
- „ **TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).**
- „ **TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).**
- „ **TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).**
- „ **DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).**
- „ **TUAN MUSTAPHA @ HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).**
- „ **TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).**
- „ **DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).**
- „ **RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).**
- „ **TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).**
- „ **TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).**
- „ **TUAN OH KENG SENG (Petaling).**
- „ **TOH PUAN ONN ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).**
- „ **TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).**
- „ **TUAN PANG SUI CHEE @ ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).**
- „ **TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).**
- „ **TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).**
- „ **TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N., (Sungei Siput).**
- „ **TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).**
- „ **DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).**
- „ **TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).**

- Yang Berhormat DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).
- .. TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG
(Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- .. TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- .. TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- .. DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- .. TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- .. DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- .. TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- .. TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- .. WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN-PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 15hb Disember, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PENCEMARAN SUNGAI
LARUT/MATANG**

1. **Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan samada beliau sedar beberapa buah sungai dalam Daerah Larut dan Matang menjadi kotor menyebabkan ikan-ikan habis mati dan bau terlalu busuk serta terdapat ada penduduk-penduduk yang berhampiran sungai tersebut hilang mata pencarian sebagai nelayan, ada yang sakit disebabkan minum air yang tersebut. Hal ini telahpun dikemukakan kepada beliau beberapa kali, tetapi tidak diambil sebarang tindakan, jika sedar, mengapakah beliau melambat-lambat tindakan yang diperlukan bagi mengatasi perkara ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar atas hal ini. Sebenarnya Pegawai-pegawai Kementerian saya telahpun melawat tempat yang berkenaan dan menjalankan penyasatan pencemaran di Sungai Larut dan Sungai Matang pada 15hb Jun, 1977. Hasil penyasatan itu didapati pen-

cemaran itu berpunca dari pelepasan-pelepasan daripada sebuah kilang getah, pelepasan-pelepasan kelapa sawit dan juga pelepasan daripada sebuah kilang memproses makanan. Perakuan-perakuan telahpun dibuat kepada pihak Pengurus kilang-kilang tersebut untuk mengambil tindakan yang berkesan untuk mengurangkan pencemaran daripada effluen-effluen dari kilang-kilang yang berkenaan. Seperti yang telah dimaklumkan kepada Dewan yang mulia dalam masa soal-jawab pada 17hb November, 1977, peraturan-peraturan di bawah Alam Sekeliling yang dibuat atas nasihat Majlis Kualiti Alam Sekeliling akan dikuatkuasakan dengan penuh dan ini akan mengurangkan pencemaran dengan cara sistematik.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa peraturan-peraturan itu akan dikuatkuasakan tidak berapa lama lagi dengan sepenuhnya. Sebagai Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ini, tidakkah pihak Kementerian ini berasa bertanggungjawab penuh di atas hal ini dan bertanggungjawab untuk memberi kepercayaan kepada mereka yang mengadu bahawa Kementerian ini memang berminat mengambil tindakan di dalam perkara ini? Apa yang saya hendak ketahui adakah pihak Menteri sekurang-kurangnya menghubungi Peguam Negara supaya dengan nasihat Peguam Negara itu mungkin barangkali pihak Kementerian ini menasihatkan masyarakat yang membuat pengaduan ini mengambil tindakan yang boleh diambil sekarang seperti tindakan di bawah public nuisance ataupun

injunction yang boleh dibuat sekarang ini kalau betul bau busuk seperti yang timbul dalam soalan ini. Adakah Yang Berhormat Menteri mengambil tindakan seperti ini?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, masaalahnya undang-undang ini tarikh kuatkuasanya belum sampai, sebab itu kita tidak dapat mengambil tindakan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar, 1977. Itulah masaalahnya.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Soalnya bukan hendak menguatkuasakan di bawah peraturan undang-undang yang akan diadakan. Maksud saya di bawah common law, public nuisance misalnya. Tindakan di bawah public nuisance boleh diambil bila-bila masa sahaja ataupun kalau sesuai injunction. Mengapakah Yang Berhormat Menteri tidak mengambil tindakan?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Akta itu sendiri belum berjalan tarikh kuatkuasanya. Lebih baik di bawah Akta itu daripada menggunakan common law dan seumpamanya.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, jika kita mengambil tindakan di bawah common law, saya fikir seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum lama juga kes-kes di hadapan mahkamah pada masa sekarang belum dapat dibicarakan. Oleh itu saya fikir lebih elok lagi kita ambil tindakan di bawah Akta ini.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Jawapan kepada soalan saya, saya tidak berpuas hati. Tuan Yang di-Pertua, masaalah kelambatan itu adalah masaalah mahkamah, tetapi masaalah yang saya bangkitkan samada Kementerian ini mengambil seberapa tindakan yang boleh, yang boleh diambil sekarang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri ini hendak ambil tindakan di bawah Aktanya sendiri lebih baik lagi.

PEJABAT-PEJABAT TANAH — KEKURANGAN KAKITANGAN

2. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan mengapa pejabat-pejabat tanah tidak dibesarkan dan bilangan kakitangannya tidak ditambah memandang beban kerja yang bertambah kerana pembangunan yang pesat di negara kita di peringkat Negeri dan daerah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang perkara ini. Pada amnya saya juga bersetuju Pejabat-pejabat Tanah perlu disesuaikan, besar bangunannya dengan kehendak-kehendak semasa. Saya juga sedar bahawa pegawai dan lain-lain kakitangan di dalam Pejabat Tanah perlu ditambah. Di Semenanjung Malaysia ada 100 buah Pejabat Tanah, 89 daripadanya ialah Pejabat Tanah Daerah dan 11 ialah Pejabat Tanah Pendaftaran. Oleh kerana jumlah yang besar ini mempunyai masaalah setempat (local problem) yang berlainan maka adalah perlu dipastikan pembesaran Pejabat-pejabat Tanah dan tambahan Pegawai-pegawai Tanah menasabah dengan kehendak setempat. Kementerian ini bersama dengan Yunit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia di Jabatan Perdana Menteri sedang mengadakan kajian yang menyeluruh berkenaan hal yang tersebut di atas, amnya Pejabat Tanah di Semenanjung Malaysia dapat dibagikan kepada tiga kategori:—

- (1) Pejabat tanah kawasan bandar.
- (2) Pejabat tanah kawasan peralihan antara bandar dengan luar bandar.
- (3) Pejabat tanah kawasan luar bandar.

Aktiviti pejabat tanah dalam kategori ini adalah berbeza. Kemahiran yang perlu ada pada pegawainya juga berbeza. Pemusatan kerja-kerja tanah itu sendiri juga berbeza di dalam beberapa aspek. Contohnya, satu pejabat tanah luar bandar akan lebih banyak

menghadapi masalah memberi milik tanah pertanian, menukar jenis tanah pertanian getah kepada kelapa umpamanya atau lain-lain dan kerja harta pusaka. Satu-satu Pejabat Tanah Bandar akan banyak dibebankan oleh permohonan perumahan dan perindustrian. Oleh kerana bandar adalah pusat aktiviti ekonomi maka pejabat tanah bandar itu juga menghadapi masalah pendaftaran urusan-niaga. Tuan tanah di bandar-bandar memerlukan kemudahan kredit yang lebih daripada tuan tanah kawasan luar bandar. Kita yakin bawa membesarkan pejabat-pejabat tanah dan menambah pegawai-pegawai dan kakitangannya adalah perlu tetapi ia perlu diuruskan dengan rancangan yang komprehensif. Saya sukacita beritahu bahawa rancangan ke arah itu sedang giat dijalankan oleh Kementerian saya dengan bantuan yang baik dari Yunit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia di Jabatan Perdana Menteri. Di beberapa buah negeri kakitangan Pejabat tanah telah ada juga ditambah dan pejabatnya dibesarkan menasabah dengan kehendak se tempat.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, baharu tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan Kerajaan akan mengkaji untuk mengambil tindakan kekurangan masaalah kakitangan di Pejabat tanah di Semenanjung Malaysia, tetapi kita ada dengar di dalam Dewan ini tiap-tiap kali apabila kita timbulkan masalah kekurangan kakitangan di Pejabat-pejabat tanah, Kerajaan menjawab akan mengkaji dan mengambil tindakan tetapi satu tindakan yang tetap belum diambil lagi. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu bilakah satu masa yang kita boleh selesaikan kekurangan kakitangan di Pejabat-pejabat tanah? Jika ada dalam kajian bolehkah diberitahu bilakah kita boleh selesaikan ataupun kita boleh dapat satu hasil daripada kajian itu?

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masalah tanah ini seperti yang saya sebutkan dahulu ialah

masaalah rumit walaupun telah ada tambahan pegawainya tetapi beban kerja juga bertambah dari semasa ke semasa, ini menyebabkan pegawai tidak juga cukup tetapi Kerajaan tidak berdiam diri sehingga hari inipun sudah ada kita tambah pegawai, diperelok dan diperbesarkan Pejabat tanah. Dengan sebab itu, rancangan kita dari setahun ke setahun berjalan tetapi oleh sebab beban kerja itu bertambah kita semua tahu kadang-kadang sampai 200% beban kerja bertambah jadi penambahan pegawai itu tidak kita nampak, banyak lagi kerja belum selesai. Walau bagaimanapun, seperti saya katakan tadi pihak Jabatan Perdana Menteri sendiri telah mengambil perhatian berat dengan mekoordinasikan Kementerian ini dengan Jabatan Permodenan Pentadbiran dan Tenaga Manusia akan menjalankan kajian untuk membaiki keadaan ini.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:

Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya berpuas hati di atas kesedaran Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu menyatakan Pejabat tanah ini akan dibesarkan dan bilangan pegawai-pegawainya akan ditambah, tetapi sebagaimana soalan tambahan daripada rakan saya dari Sungai Siput tadi menyatakan bilakah target date atau masa yang ditentukan, tahun 1980kah atau 1985kah baharu pentadbiran ini dapat diselesaikan. Inilah yang menyedapkan hati rakyat seluruhnya?

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sukar hendak menyebut target date oleh sebab matlamat Kerajaan tidak ada target date yang boleh menentukan kerja habis selagi kita berkerajaan, selagi kita mempunyai pentadbiran dan hendak memajukan negara kita, saya rasa tidak ada satu target date yang boleh ditentukan hendak menyelesaikan masalah ini.

Tuan S. Samy Vellu: (*Bangun*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apakah yang tidak puas hati lagi?

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu adakah di dalam Kementerian beliau satu senarai yang menunjukkan di tiap-tiap daerah berapakah kekurangan kakitangan sekarang ini dan apakah tindakan yang kita akan ambil? Satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberitahu di Dewan ini di kawasan saya seorang pemuda dia mohon mendapatkan sekeping tanah 70 tahun yang lalu baharu....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Berapa tahun dahulu?

Tuan S. Samy Vellu: 17 tahun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Oh! 17. Pemuda itu berapakah umurnya?

Tuan S. Samy Vellu: Masa itu umur pemuda itu 21 tahun dan sekarang umurnya 38 tahun dan sudah mempunyai seorang anak (*Ketawa*). Bolehkah saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu senarai itu dan bolehkah diberitahu macam mana kita mengambil tindakan untuk menyelesaikan kedudukan di dalam Pejabat Tanah itu?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jawapannya sudah diberi tadi setengahnya sudah bertambah tetapi bila ditambah di sana, yang baharu pula datang, termasuk pemuda ini, sudah jadi belia, daripada belia sudah jadi tua — dewasa.

Dato' Haji Embong bin Yahya: Seperti yang saya katakan yang sebenarnya kita ada senarai tetapi saya tidak boleh bercakap di sini; saya minta notis. Masaalah pemuda yang minta tanah tidak dapat selama 17 tahun itu tidak boleh menjadi alasan bahawa pejabat tanah itu tidak ada bekerja. Boleh jadi tanah yang diminta itu tidak sesuai maka tidak diberi oleh Kerajaan Negeri, pada pandangan Exco tidak patut oleh sebab Kerajaan Negeri ada strateginya sendiri. Jadi, itulah menyebabkan lama

hendak dapat, boleh jadi selama-lamanya pun tidak dapat kalau sekiranya tanah itu tidak perlu diberi oleh Kerajaan kepada pemuda itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pemuda ini pun 17 tahun dan baharu ada seorang sahaja anak.

RUMAH DIBINA DI WILAYAH PERSEKUTUAN

3. Tuan Lee Boon Peng (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan bilangan rumah yang telah dibina di Wilayah Persekutuan semenjak pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dan antaranya berapa rumah itu rumah murah. Antara sebanyak 13,000 unit yang disarankan bagi Wilayah Persekutuan, berapa unit telah siap dibina setakat ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, bilangan rumah yang telah dibina di Wilayah Persekutuan semenjak pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga tidak dapat diakui dengan tepat oleh kerana:

- (1) Belum ada banci perumahan dilaksanakan.
- (2) Berhagai agensi organisasi dan orang-orang perseorangan adalah terlibat dalam pembinaan rumah-rumah itu.
- (3) Pembinaan rumah yang tidak lebih daripada 4 buah adalah tidak tertakluk dengan Akta yang berkenaan bagi mengawal dan melesen pemaju-pemaju perumahan.
- (4) Orang-orang perseorangan yang membina rumah mereka sendiri tidak perlu merujuk perkara itu kepada Kementerian saya.
- (5) Setinggalan-setinggalan juga membina rumah-rumah dalam kawasan Wilayah Persekutuan dan bilangannya tidak diketahui dengan tepat.

Walau bagaimanapun, setakat yang diketahui bilangan yunit yang telah siap termasuk rumah-rumah awam kos rendah adalah 5,056 yang terdiri daripada rumah sesebuah, rumah berkembar, rumah teres, rumah kedai dan rumah pangsa. Daripada angka yang tersebut bilangan rumah murah adalah bergantung kepada apakah yang dimaksudkan dengan rangkai kata rumah murah itu, oleh kerana Yang Berhormat tidak memberikan istilahnya maka saya tidak dapat menentukan bilangannya. Mengenai berapa yunit telah siap daripada 13,000 yunit yang disarankan bagi Wilayah Persekutuan, saya tidak dapat menjelaskan oleh kerana soalan ini tidak menjelaskan program yang mana satu beliau maksudkan itu.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan atas projek perumahan di Wilayah Persekutuan tetapi apa saya dapat tahu dalam rumah-rumah yang sudah siap dalam Wilayah Persekutuan sekarang peluang diberi kepada orang setinggan sahaja dan pekerja-pekerja yang bersara daripada Kerajaan tidak dapat peluang. Jikalau kita ikut polisi ini pada fikiran saya bolehlah dalam masa yang akan datang orang yang bersara daripada Kerajaan tidak dapat peluang untuk mendapatkan rumah dalam rancangan perumahan ini, dia mestilah jadi setinggan, kalau mengikut undang-undang itu. Sebab itu bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri timbang dan memberitahu atau mendapat satu polisi yang kita beri rumah bukan kepada orang setinggan sahaja tetapi pekerja-pekerja yang bersara daripada Kerajaan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, rumah-rumah yang telah siap yang diberikan kepada penghuni-penghuni itu saya menafikan bahawa Lembaga Pemilihan yang ditugaskan iaitu bagi pihak Kerajaan-kerajaan Negeri dan Wilayah Persekutuan dan terserlah kepada Lembaga Pemilihan itu. Kita tidaklah bermaksud mengutamakan atau memberi kepada orang setinggan khususnya tetapi kita memberi keutamaan dan mengikut

dasar-dasar yang saya telahpun juga merangkaikan dasar-dasar misalnya dia ada anak lima orang dan dia tinggal di sini lebih daripada dua tahun dan dia tidak ada mempunyai sebarang rumah dan sebagainya. Jadi, pada dasar itu yang kita memberi. Masaalah pemberian-pemberian itu adalah kita memberi secara adil dan pegawai daripada Kementerian saya juga dan wakil-wakil rakyat juga turut di dalam Lembaga Pemilihan rumah-rumah itu. Inilah dasar yang saya dapat jelaskan dalam Dewan ini.

Tuan S. Samy Vellu: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tidak lama dahulu selepas satu atau dua minggu dahulu saya ada juga merayu kepada Dewan Bandaraya atas satu atau dua permohonan yang ada points yang kita tanya tetapi apa jawapan saya dapat daripada Jawatankuasa Perumahan di Dewan Bandaraya ini mereka memberi peluang kepada setinggan sahaja yang khas, orang bersara daripada Kerajaan tidak dipedulikan. Ini saya terima, saya dengar di telinga saya terus daripada Pegawai Perumahan di Dewan Bandaraya. Jikalau mahu saya boleh beri satu proof. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri timbang memberi nasihat kepada pegawai-pegawai yang ada di dalam Dewan Bandaraya sekarang janganlah timbang satu bahagian sahaja, orang miskin bukan di dalam satu bahagian....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan!

Tuan S. Samy Vellu: Saya minta, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beri nasihat atau siasatan atas perkara ini?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah menafikan orang setinggan yang juga mendapat rumah tetapi bukan bermaksud rumah itu disediakan untuk orang setinggan sahaja. Kalau dan biasa dalam Dewan Bandaraya dan juga negeri-negeri yang ada Lembaga boleh Ahli Yang Berhormat sendiri membuat objection kalau sekiranya rumah itu diberi dengan secara

tidak betul. Jadi boleh dibuat bantahan diberi tempoh dalam masa 2 minggu kalau ada orang-orang yang tidak layak bagi mendapatkan rumah-rumah yang telah siap itu.

Tuan Farn Seong Than: Tuan Yang di-Pertua, dua hari yang lepas Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ada satu projek perumahan rendah yang dibina oleh Dewan Bandaraya dan UDA di Salak South, kawasan Sungai Besi yang saya tahu projek ini sudah dibuat hampir 2 tahun tetapi sekarang 2 tahun baru sahaja pihak membina projek ini mengadakan infrastruktur. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu Dewan ini apa sebab terjadi kelambatan ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini terkeluar daripada soalan asal.

BUMIPUTRA DALAM SEKTOR PERNIAGAAN

4. **Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah peratus bilangan Bumiputra yang telah memasuki sektor perniagaan secara persendirian atas bantuan Kerajaan, ataupun syarikat dan adakah beliau berpuashati dengan kedudukan tersebut.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, bilangan Bumiputra yang telah memasuki sektor perniagaan secara persendirian adalah bertambah dari semasa ke semasa. Di antara bidang perniagaan yang telah dimasuki oleh Bumiputra secara yang agak berkesan sebagai contohnya ialah sebagai Pengedar dan Wakil Pengedar yang dilantik. Angka-angka contoh yang saya tunjukkan di sini menunjukkan bahawa bukan sahaja bilangannya bertambah bahkan kita sudahpun mencapai matlamat 30 ataupun kalau tidak lagi mencapai 30%, kita sudah hampir kepada angka 30% walaupun target (matlamat) 30% ini telah ditetapkan

bagi tahun 1990. Di bawah ini saya turunkan beberapa contoh umpamanya di dalam perkara mengedar rokok bagi tahun 1977 kita ada 20% bumiputra yang telah dilantik menjadi pengedar. Susu umpamanya bilangan pengedar yang mengedar sekarang ini ada 66 iaitu 20.2%. Motokar/lori kita sudah mendapat lebih kurang lima pengedar dan 118 wakil pengedar iaitu menunjukkan angka percentage 22.7% dengan wakil pengedar kepada angka 34.6%. Besi dan besi waja bilangan pengedar sekarang sudah meningkat kepada 52 iaitu 33.1% dari seluruh jumlah pengedar-pengedar yang mengedar barang-barang ini.

Satu lagi contoh yang menunjukkan kemajuan penyertaan Bumiputra dalam bidang perniagaan ialah bilangan Bumiputra yang telah berdaftar dengan Pejabat Pendaftaran Perniagaan hingga 30 September, 1977 adalah sebanyak 60,144 iaitu 23.6% daripada kesemua syarikat yang berdaftar. Selain daripada itu banyak juga yang telah berdaftar dengan Pejabat Pendaftaran Syarikat dan sebagai contoh dalam tahun 1975 sebanyak 851 buah syarikat Bumiputra telah berdaftar iaitu menunjukkan angka 20.1% dari semua syarikat perniagaan yang berdaftar dengan Pejabat Pendaftaran Perniagaan.

Kedudukan projek-projek perindustrian juga menunjukkan kemajuan yang diperolehi oleh Bumiputra swasta yang diluluskan di antara tahun 1971 hingga 1976 sebagaimana yang terdapat pada bulan Jun, 1977 ialah 108 daripada 221 projek berada di dalam pengeluaran, peralatan sedang dipasang ataupun kilang sedang dibina.

Juga sebagaimana Yang Berhormat maklum, bilangan pemborong-pemborong yang mengendalikan kerja-kerja pembinaan bangunan adalah sekarang ini lebih ramai lagi daripada masa-masa yang lepas walaupun kita tidak lagi berpuas hati di atas bilangan pemborong-pemborong di peringkat kelas-kelas yang agak tinggi. Dalam pada itu bilangan pemborong keseluruhannya daripada

kaum bumiputra adalah lebih ramai lagi daripada masa-masa yang lepas.

Kejayaan bumiputra dalam bidang perniagaan bukanlah setakat ini sahaja tetapi ternyata juga dalam bidang perkhidmatan-perkhidmatan profesional seperti doktor, peguam, akitek, jurutera, akauntan dan lain-lain yang mana nyata sekali kalau 10 — 15 tahun dahulu kurang sekali bilangan bumiputra di dalam bidang profesional yang saya sebutkan tadi. Sekarang ini kita boleh nampak pertambahan bilangan mereka dari setahun ke setahun dan sebahagian besar kejayaan ini adalah hasil bantuan Kerajaan kepada pelajar-pelajar bumiputra untuk melanjutkan pelajaran mereka di beberapa institusi pelajaran di Malaysia dan juga di seberang laut.

Walau bagaimanapun, saya masih lagi belum berpuas hati dengan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai setakat ini kerana saya berpendapat masih ada peluang lagi bagi kita mencapai kemajuan yang lebih pesat lagi dan saya percaya dan saya yakin bahawa kita dapat mencapai kejayaan yang lebih pesat lagi kalau kita, Kerajaan dan orang ramai juga terutamanya daripada kaum bumiputra lebih-lebih lagi bergiat bagi mencapai kemajuan yang lebih.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa mengikut angka-angka yang disebutkan tadi pengedar dan wakil pengedar barang-barang telah banyak didaftarkan? Tetapi pengedar atau wakil pengedar ini selalunya kurang mendapat bekalan dan akhirnya perniagaan ataupun usahanya mati tidak berkubur.

Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari dari segi angka dan bilangan pengedar-pengedar, wakil pengedar bumiputra adalah memuaskan, dari segi kemajuan saya mengakui bahawa volume barang yang diberi kepada pengedar-pengedar ataupun wakil-

wakil pengedar masih lagi tidak memuaskan. Kerajaan menerusi Kementerian saya adalah mengambil perhatian berat dalam perkara pemberian volume ataupun jumlah bilangan barang-barang yang diberi itu supaya selaras dengan bilangan pengedar ataupun wakil pengedar yang dilantik.

RUMAH URUT DI WILAYAH PERSEKUTUAN

5. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah bertanya kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan:

- (a) berapa banyak rumah urut yang berlesen di Wilayah Persekutuan dan bagaimanakah cara lesen-lesen itu boleh diberi;
- (b) berapa banyak rumah urut yang tidak berlesen di Wilayah Persekutuan dan kiranya Kerajaan sudah mendapatinya mengapakah tidak diambil apa-apa tindakan dengan segera dan adakah apa-apa kerugian kepada Kerajaan kiranya Kerajaan memberi lesen bagaimanakah Kerajaan dapat menolong mereka mendapatkan lesen supaya tidak ada kebimbangan dan kesusahan bagi kedua-dua pihak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Dr. Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Terdapat sebanyak 19 buah rumah urut yang berlesen di Wilayah Persekutuan dan pemberian lesen-lesen rumah urut hanya dipertimbangkan sekiranya permohonan itu dibuat di Hotel-hotel Kelas Pertama sahaja. Selain daripada itu lesen-lesen rumah urut tidak dikeluarkan.
- (b) Terdapat 58 buah rumah urut yang tidak berlesen di Wilayah Persekutuan. Tindakan saman sentiasa diambil terhadap rumah-rumah urut yang tidak

berlesen, setelah dilakukan lawatan-lawatan mengejut dan mendapat bukti-bukti yang cukup. Di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976 denda yang lebih tinggi telah dikenakan terhadap rumah-rumah urut tanpa lesen di mana jikalau bersabit kesalahan pengusahapengusaha rumah urut boleh dikenakan denda sehingga \$2,000 atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya. Pengeluaran lesen-lesen rumah urut tidak boleh ditimbangkan dari sudut hasil kewangan semata-mata tetapi mestilah juga ditinjau dari sudut sosial, agama dan keperibadian bangsa.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada pelesenan kepada rumah-rumah urut adakah Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan bercadang akan mengadakan suatu Akta untuk melesen tukang-tukang urut, kerana dengan cara itu mereka akan diberi perhatian tentang cara-cara mengurut yang tidak berbahaya dan....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Urut yang berbahaya ini macam mana? (*Ketawa*)

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Macam salah urat atau tergeliat. (*Ketawa*) Selain daripada itu Tuhan sahaja yang memeliharanya!

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Salah urat!

Dr. Ling Liong Sik: Ini akan ditimbangkan dari setiap segi.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN SUNGEI WAY, KUALA LUMPUR

6. **Tuan Farn Seong Than** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada terdapat apa-apa peruntukan di

bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk membina/meluaskan bangunan-bangunan yang ujud sekarang kepunyaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Sungei Way, Selangor kerana sekolah tersebut tidak dapat menampung bilangan murid-murid yang kian meningkat, jika ya, nyatakan bilangan bilik-bilik darjah yang akan dibina, jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran akan membina lapan bilik darjah tambahan bagi SRJK (I) Sungei Way untuk mengatasi masaalah yang ada.

RUMAH KEDAI BUMIPUTRA DI SARAWAK

7. **Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapa banyak rumah kedai yang sudah didirikan oleh Kerajaan untuk membantu Bumiputra di Sarawak dalam tahun 1975 dan 1976, jika tidak ada, adakah Kerajaan bercadang membina rumah tersebut pada masa yang akan datang.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan melalui MARA telah membina sebuah bangunan perniagaan dua tingkat mengandungi 10 yunit di bandar Seriang berharga \$399,500 dalam tahun 1975 dan telahpun dimasuki oleh peniaga-peniaga Bumiputra dalam tahun 1976.

Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) melalui Syarikat Usahasama dengan pihak swasta sedang membina 10 yunit rumah kedai dan akan membina 50 yunit lagi dalam sekim Perumahan Tabuan Jaya di Kuching, pada tahun 1978 yang mana sekurang-kurangnya 30% dari rumah-rumah kedai itu akan ditawarkan kepada kaum Bumiputra.

Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sarawak pula sedang dan merancang membina 159 buah rumah-rumah kedai sehingga tahun 1980.

PENANAM LADA HITAM — SUBSIDI

8. Tuan Latip bin Haji Dris minta Menteri Pertanian menyatakan peraturan bagi bantuan subsidi seperti baja dan wang yang diberi kepada penanam lada hitam atau jenis-jenis tanaman lain di seluruh negara. Adakah perbezaan di antara sebuah negeri yang tertentu dengan negeri-negeri lain dalam Malaysia. Jika ada perbezaan kenapakah begitu?

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, masing-masing Jabatan Pertanian di Semenanjung dan Sarawak telah menetapkan peraturan-peraturan tertentu cara memberi subsidi.

Di Sarawak, petani-petani boleh membuat permohonan apabila ada pengumuman melalui radio dan akhbar. Semua permohonan akan diterima, dan diproses oleh Jabatan Pertanian sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Tindakan Daerah untuk pertimbangan. Pemilihan dibuat berasaskan kepada kriteria yang ditentukan bagi tiap-tiap rancangan subsidi berkenaan.

Di Semenanjung, bantuan adalah diberi di bawah Rancangan Subsidi Input dan Mempelbagaikan Pertanian. Bantuan akan disalurkan melalui jabatan-jabatan Pertanian Negeri dan jabatan-jabatan itu juga akan menerima dan memproses segala permohonan.

Di bawah Rancangan Subsidi Input dan Mempelbagaikan Pertanian, tidak ada perbezaan di antara negeri-negeri di Semenanjung. Tetapi selain dari itu, Kerajaan-kerajaan Negeri ada juga mengadakan rancangan bantuannya sendiri.

Tetapi di antara Sarawak dengan Semenanjung mungkin terdapat perbezaan kerana pertanian adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing.

PEJABAT POS DAN TALIKOM PADANG SERAI, KEDAH

9. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Perhubungan menyatakan:—

- (i) adakah Kementerian ini sedar bahawa bangunan Pejabat Pos dan Talikom Padang Serai, Kedah sudah lama dan perlu kepada sebuah bangunan yang baru dan lebih lengkap memandangkan bilangan pengguna kian bertambah pada masa ini; dan
- (ii) adakah Kementerian ini sedar bahawa sistem pembahagian pondok talipon setahun satu bagi satu-satu daerah itu adalah tidak mencukupi memandangkan bilangan tempat yang memerlukan sangat banyak bagi tiap-tiap daerah. Adakah disyorkan supaya dikaji semula sistem ini.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan perlunya untuk mengganti Pejabat Pos yang ada di Padang Serai. Seperti di Padang Serai terdapat juga beberapa tempat lain yang mempunyai bangunan-bangunan Pejabat Pos lama yang perlu diganti. Ini akan digantikan secara beransur-ansur berdasarkan keutamaan tiap-tiap kes dan apabila peruntukan diperolehi. Pejabat-pejabat Pos lama yang mana tidak boleh digantikan dengan serta-merta akan diubahsuaikan untuk memenuhi kehendak-kehendak sekarang. Kaunter Pejabat Pos di Padang Serai telah diubahsuaikan dalam bulan Disember, 1973.

Ibusawat talipon yang ada sekarang di Padang Serai adalah di dalam bangunan Pejabat Pos. Namun demikian sebuah tapak baru telahpun diperolehi dan bangunan

Ibusawat talipon yang baru telahpun didirikan baru-baru ini di atas tapak tersebut. Alat-alat baru untuk sebuah Ibusawat talipon yang bermuatan 400 talian sedang dipesan untuk menggantikan Ibusawat yang ada sekarang. Pembahagian talipon-talipon awam luar bandar adalah tertakluk kepada peruntukan wang tahunan dan usaha-usaha sentiasa dibuat untuk mengadakan talipon awam yang mencukupi di semua kawasan-kawasan yang meminta. Walau bagaimanapun, oleh sebab bilangan permintaan yang sangat tinggi di kawasan-kawasan luar bandar dan juga oleh kerana peruntukan wang yang terhad maka Jabatan Talikom tidak dapat mengadakan talipon-talipon awam untuk memenuhi semua permintaan.

Peruntukan-peruntukan talipon-talipon awam adalah berasaskan kepada:—

- (a) bilangan penduduk-penduduk di sesuatu kawasan.
- (b) kawasan-kawasan yang tiada kemudahan talipon selalunya diberi keutamaan. Apabila peruntukan wang tambahan diperolehi maka bilangan talipon awam di kawasan luar bandar akan ditambah.

BANK SIMPANAN DARAH — “PIAWAIAN TEKNIK”

10. Tuan S. Samy Vellu (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau bercadang mengemukakan satu Undang-undang untuk mengawal “Piawai Teknik” ke atas Bank Simpanan Darah di dalam Malaysia, mengawal impot dan eksport darah dan ‘Plasma Fractions’ serta melarang penjualan darah oleh penderma-penderma darah profesional.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, Kementerian saya tidak bercadang untuk mengadakan undang-undang bagi mengawal mutu teknik

tabung darah di Malaysia, mengenai impot-ekspot ataupun penjualan darah.

Kebanyakan tabung darah adalah di hospital Kerajaan ataupun Hospital Universiti sahaja. Pengumpulan darah dari hospital per-sendirian adalah jarang sekali dibuat.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian saya sedang mengkaji beberapa undang-undang serta peraturan tentang tabung darah dari luar negeri. Undang-undang akan diadakan jika perlu di masa hadapan.

SYARIKAT BAS SRI JAYA

11. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau akan menimbang membenarkan syarikat-syarikat bas lain untuk menjalankan operasi di jalan-jalan yang kini dimonopoli oleh Syarikat Bas Sri Jaya dengan tujuan memberikan satu perkhidmatan yang lebih cekap kepada pengguna-pengguna bas memandangkan bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat Sri Jaya adalah jauh dari memuaskan serta menimbulkan beberapa kesulitan kepada penumpang-penumpang.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa jalan-jalan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya telah dimonopoli oleh Sri Jaya Kenderaan Sendirian Berhad oleh kerana jalan-jalan tersebut adalah terbuka juga kepada perkhidmatan bas mini dan teksi.

Saya akui memang ada aduan diterima mengenai perkhidmatan bas Sri Jaya Kenderaan Sdn. Bhd. yang kurang memuaskan. Walau bagaimanapun, Syarikat tersebut telah diminta memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut. Dengan sebab itu saya berpendapat bahawa adalah lebih wajar memberi peluang supaya Syarikat tersebut memperbaiki perkhidmatannya daripada membenarkan syarikat-syarikat bas yang lain menjalankan operasi di perjalanan yang sama.

BENA PERANG/BENA PUTEH

12. Tuan Haji Jamil bin Ishak minta Menteri Pertanian menyatakan memandangkan begitu merbahaya dan hebatnya serangan satu jenis serangga yang dikenali sebagai Bena Perang/ Bena Puteh (Brown Plant Hopper) kepada pokok-pokok padi di kawasan Tanjong Karang, apakah hasil kajian dan siasatan yang telah dilakukan dan apakah langkah-langkah positif yang diambil bagi mencegah dan memusnahkan serangga ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, bena perang adalah serangga yang dianggap paling merbahaya kepada tanaman padi di Tenggara Asia dan telah dilaporkan melaku kerosakan yang meluas di India, Indonesia, Jepun, Korea, Thailand, Vietnam, Philippines dan Sri Lanka. Di Malaysia serangga secara kecilan dilaporkan berlaku dari masa ke semasa, tetapi tiada meluas seperti yang terjadi di Tanjong Karang dipertengahan tahun ini.

Kemungkinan serangga ini membiak dan melakukan kerosakan meluas kepada tanaman padi di Malaysia memang ada. Semenjak bulan Mac, 1976 MARDI telah menjalankan penyelidikan untuk mengetahui dengan lebih lanjut bagi sifat-sifat serangga ini dan cara mengawalinya. Penyelidikan ini telah menghasilkan maklumat-maklumat berkenaan pusingan hidup (life cycle), suasana yang sesuai serangga ini boleh membiak dan merebak dan kimia-kimia yang dapat mengawalinya.

Semenjak serangga di Tanjong Karang itu berlaku, satu Jawatankuasa Kecil Petugas telah dibentuk yang dianggotai oleh pegawai-pegawai Jabatan Pertanian dan MARDI. Tujuan Jawatankuasa itu ialah untuk membincangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengawal sebarang serangga dari serangga itu.

Langkah-langkah untuk mengawal serangga tersebut yang dilaksanakan secara ber-

peringkat-peringkat adalah seperti berikut:

- (a) mempergiatkan lagi penyelidikan-penyelidikan di bidang biologi, ekoloji dan cara-cara serangga membiak di Malaysia; menilai racun-racun kimia baru dalam mengawali serangga; mengetahui peranan-peranan serangga dan lain-lain makhluk yang menjadi musuh kepada bena perang; dan mengkaji kesan-kesan iklim;
- (b) melaksanakan program pembiak (breeding) yang dapat menghasilkan jenis-jenis padi yang tahan (resistant) kepada bena perang. Di negara-negara jiran di mana serangga ini melakukan kerosakan yang meluas, jenis-jenis padi yang tahan telah ditanam;
- (c) memperkuatkan program pengawasan bagi seluruh negara. Di antara lain, program ini akan membantu bagi menentukan ketika yang diperlukan untuk membuat semboran. Lazimnya pengawasan ini dilakukan melalui pemeriksaan tanaman pada tiap-tiap minggu atau melalui penggunaan perangkap berlampu untuk mengetahui bilangan serangan di sekitar kawasan padi.

Selain dari itu, kursus-kursus akan dijalankan supaya petani-petani dapat mengenai serangga bena perang dan cara kawalannya. Bagi tujuan ini, Jabatan Pertanian telah dan sedang menyediakan dan mengedarkan risalah-risalah mengenai serangga ini. Petani-petani juga akan diminta melaporkan segera kepada Jabatan Pertanian, jika terdapat serangga berlaku di mana-mana. Jabatan Pertanian akan menambah lagi mesin-mesin penyembur dan penyembur kabus. Tanaman padi bagi sesuatu kawasan hendaklah dilakukan dengan serentak dan tidak cara berperingkat-peringkat.

Serangga yang berlaku di Tanjong Karang itu dapat dikawal dalam tempoh 45 hari. Cara yang sama juga telah digunakan dengan jayanya di dalam kawasan padi di Langkap dan Sungai Manik dalam Negeri Perak.

**PERUMAHAN AWAM KOS
RENDAH/MURAH — PEMBINAAN**

13. Datuk Loh Fook Yen (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Perkampungan menyatakan apa tindakan-tindakan konkrit yang telah diambil oleh Kementerianya supaya menjamin:

- (a) bahawa matlamat-matlamat pembinaan rumah-rumah murah, termasuk sasaran tahunan, supaya apa yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dapat dicapai; dan
- (b) bahawa rumah-rumah murah itu adalah diperuntukkan dengan adil kepada semua kaum.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua,

(a) Jika "rumah murah" yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah rumah awam kos rendah, maka ingin saya menegaskan di sini iaitu Kerajaan (Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri) memang memberi perhatian yang berat terhadap pembinaan rumah-rumah awam kos rendah dan murah bagi memastikan matlamat pembinaan rumah-rumah tersebut tercapai. Berbagai-bagai langkah telah diambil, antaranya:

1. Kementerian saya telah mengadakan rundingan-rundingan dan memberi panduan-panduan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak Bandaraya Kuala Lumpur yang bertanggungjawab untuk membina rumah-rumah awam kos rendah.
2. Satu Jawatankuasa Teknikal telah dibentuk di Kementerian saya supaya projek-projek dan pinjaman-pinjaman baginya dapat segera diputuskan.
3. Perkhidmatan Jabatan Perumahan Negara adalah ditawarkan kepada negeri-negeri dengan percuma un-

tuk membantu mereka dalam melaksanakan projek-projek mereka.

4. Kerajaan-kerajaan Negeri juga telah diminta memperkukuhkan jentera pentadbiran dan pelaksanaannya bagi maksud mempercepat dan memesatkan lagi pelaksanaan projek-projek perumahan awam kos rendah.
 5. Di samping itu Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian saya sedang diperkuatkan lagi dengan menambah lebih ramai pegawai dan kakitangan professional dan teknikal untuk memberi bantuan teknikal seberapa yang boleh kepada negeri-negeri yang memerlukan; di samping menyelaras dan memberi nasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dalam usaha mereka melaksanakan projek perumahan awam kos rendah.
- (b) Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kerajaan-kerajaan Negeri, yang bertanggungjawab melaksanakan projek-projek perumahan, telah dan sedang memberi perhatian dalam semua aspek perumahan dan menyelaraskan tindakan mereka masing-masing, termasuklah pembahagian rumah-rumah awam kos rendah. Berdasarkan garis-garis panduan tertentu mereka memperuntukkan yunit-yunit rumah itu supaya matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat demi perpaduan dan keselamatan negara tercapai. Bahagian Penyelarasan dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian saya juga memberi perhatian yang berat dalam hal ini dan sentiasa berhubung rapat dengan pihak Dewan Bandaraya serta Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memastikan pencapaian matlamat itu.

PELABUHAN KELANG

14. Wan Zainab binti M.A. Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan menyatakan apakah Menteri sedar yang pada waktu ini pengeksport-pengeksport barang ke Malaysia dari Negara-negara Jepun, Amerika dan Australia sedang menimbang mencari pelabuhan lain seperti Singapura untuk menghantar barang-barang mereka. Apakah akan jadi kepada Pelabuhan Kelang kalau shippers tidak mahu menggunakannya dan apa pula kesannya terhadap industri-industri yang menggunakan bahan mentah dari negeri-negeri ini. Tentu-lah ongkos akan naik. Apa langkah-langkah yang akan diambil bagi menyelesaikan perkara ini.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar tentang kedudukan ini, setahu saya yang menentukan pelabuhan yang hendak menggunakan untuk membawa masuk dagangan ialah pengimpot bukanlah pengeksport. Sungguhpun ada beberapa masalah yang sedang dihadapi oleh Pelabuhan Kelang pada masa ini, masalah-masalah ini tidaklah begitu buruk sehingga kurang barang dagangan yang datang ke Pelabuhan Kelang. Sebaliknya, tarif yang dikendalikan dari setahun ke setahun telah meningkat seperti berikut:—

1975	Impot	2,173,507 tan
	Ekspot	2,763,523 tan
	Jumlah	<u>4,937,030</u>
1976	Impot	2,425,978 tan
	Ekspot	2,938,665 tan
	Jumlah	<u>5,364,643</u>
1977 (Januari hingga September)	Impot	1,914,005 tan
	Ekspot	2,121,355 tan
	Jumlah	<u>4,035,360</u>

PERUMAHAN DI KAMPUNG-KAMPUNG BARU

15. Datuk Loh Fook Yen minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan adakah apa-apa rancangan untuk membina rancangan perumahan bagi kampung-kampung baru seperti Kampung Gajah, Kampung Nyior, Kampung Paya, Paloh, Chaah dan Bekok.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat ini adalah tidak jelas, samada yang dimaksudkan oleh beliau itu rancangan perumahan awam atau rancangan oleh sektor swasta. Walau bagaimanapun, pada umumnya rancangan-rancangan perumahan adalah diadakan di mana terdapat keperluan dan permintaan baginya, termasuk di kampung-kampung baru. Bagi perumahan awam kos rendah pula, soal samada projek-projek perumahan itu akan diadakan di tempat-tempat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu belum dapat dipastikan lagi.

Datuk Loh Fook Yen: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar apabila Yang Berhormat Menteri dalam lawatan ke Kampung Baru Paloh ini pada tahun 1975 telah berjanji akan membuat rumah kos rendah bagi penduduk-penduduk kampung baru di Paloh itu? Saya ingin hendak tahu sejauh manakah rancangan ini telah diusahakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang, tahun 1975 beliau belum lagi, pada ingatan saya. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mana?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, maksud beliau itu Yang Berhormat Menteri, bukan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Menteri ada melawat barangkali memberi jaminan atau membuat janji dan sebagainya. Ini memang tiap-tiap satu tempat lawatan-lawatan daripada

Menteri dan saya memang kita ambil perhatian masaalah permintaan itu. Walau macam manapun, itu tertaklukkan kepada rujukan kepada Kerajaan Negeri. Kalau Kerajaan Negeri itu siapkan project paper dengan cepat dan dengan kerjasama oleh Ahli Yang Berhormat bolehlah saya ambil perhatian perkara ini.

PEGAWAI PENGUATKUASA ALAM SEKITAR

16. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan samada Kerajaan bercadang menempatkan pegawai-pegawai penguatkuasa di tiap-tiap negeri untuk mengatasi masaalah pencemaran alam sekitar dan udara di negara kita.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, adalah niat Kerajaan untuk menguatkuasakan dengan penuh dan rapi segala peraturan di bawah Akta Alam Sekeliling 1974 yang dibuat dari masa ke semasa atas nasihat Majlis Kualiti Alam Sekeliling. Untuk membolehkan Kementerian saya bertindak dengan berkesan, bilangan pegawai petugas akan ditambah pada awal tahun depan seperti saya telah maklumkan dalam Dewan yang mulia ini dalam masa menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang pada 13hb Disember, 1977.

BIRO PENUNTUT-PENUNTUT MASUK KE UNIVERSITI

17. Tuan Lim Cho Hock (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri, Pelajaran menyatakan samada beliau akan menubuhkan suatu biro untuk menjaga 20,000 pemohon-pemohon yang layak tetapi gagal mendapatkan tempat di universiti-universiti tempatan supaya mendapatkan mereka tempat di universiti-universiti di seberang laut dan juga memberi pelajar-pelajar miskin bantuan kewangan dalam bentuk biasiswa, pinjaman atau grants.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan biro seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kerana bukanlah menjadi dasar Kerajaan untuk menempatkan semua pemohon-pemohon yang layak ke universiti-universiti di seberang laut. Kerajaan sememangnya telah bertindak untuk memberi berbagai bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar yang miskin dan kurang mampu untuk melanjutkan pelajaran. Tetapi Kerajaan tidak dapat menentukan iaitu semua penuntut miskin yang layak akan diberi bantuan kerana (1) peruntukan wang adalah terhad dan (2) seperti telah berkali-kali ditegaskan tidak ada faedah menambah bilangan rakyat yang berpelajaran tinggi jika tidak ada peluang kerja untuk mereka.

UNIT BERGERAK KEWARGANEGARAAN

18. Tuan Lim Cho Hock (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada:

- (i) beliau akan mengkaji membentuk sebuah unit bergerak terdiri dari pegawai terlatih yang bergerak dari satu tempat ke suatu tempat bagi memberi nasihat di atas perkara-perkara yang berkaitan dengan warganegara dan membantu dalam permohonan-permohonan untuk menjadi warganegara oleh mereka-mereka yang didapati kewarganegaraan mereka tidak betul;
- (ii) menyegerakan pengeluaran warganegara kepada mereka-mereka yang telah memohon dan kertas-kertas warganegara mereka betul;
- (iii) jumlah orang-orang asing sekarang yang mendiami tetap di Malaysia.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak bercadang hendak menubuhkan

yunit bergerak untuk memberi penerangan-penerangan mengenai soal kewarganegaraan seperti yang disyorkan itu. Langkah ini dianggap tidak perlu memandangkan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara telahpun mengadakan pusat-pusat pendaftaran di tiap-tiap daerah dan pejabat wakil-wakil pendaftaran di merata-rata tempat di seluruh negeri ini untuk menjalankan urusan-urusan pendaftaran. Untuk kepentingan mereka yang tinggal di kawasan-kawasan pendalaman dan terpencil pula lawatan-lawatan khas oleh Pegawai-pegawai Pendaftaran diadakan dari masa ke masa.

- (ii) Jawapan bagi soal ini telahpun kerap kali dikemukakan dalam Dewan ini, satu daripadanya pada 30.11.1977; 9.12.1977 dan juga semasa ucapan menggulung Anggaran Belanjawan pada 13.12.1977. Dengan itu tidaklah perlu saya menambah lagi.
- (iii) Jumlah penduduk-penduduk tetap di Malaysia daripada tahun 1972 hingga bulan September, 1977 ialah seramai 24,724 orang.

RUMAH-RUMAH DI PEKAN PADANG SERAI

19. Tuan Lim Kiam Hoon minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan adakah Kementerian ini sedar bahawa di Pekan Padang Serai, Kedah masih kekurangan rumah murah kerana rancangan yang lalu hanya sebanyak 50 buah sahaja. Adakah Kerajaan bercadang untuk menambah dengan rancangan baru. Diharap mendapat perhatian dan tindakan segera.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar tentang kekurangan rumah-rumah di seluruh negara dan usaha-usaha untuk menambah bekalan rumah-rumah sedang dipergiatkan, tetapi pembinaan rumah-rumah awam itu ter-

paksa dilaksanakan berperingkat-peringkat mengikut keutamaan. Padang Serai sebagaimana juga banyak lagi tempat-tempat dan bandar-bandar lain harus menunggu gilirannya mengikut susunan keutamaan yang telah diteliti oleh pihak Kerajaan Negeri.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUCHING, SARAWAK

20. Tuan Latip bin Haji Dris minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah rancangan untuk membesarkan lagi Dewan Bahasa dan Pustaka Kuching supaya dilengkapi dengan mesin cetak untuk mencetak buku-buku bagi keperluan sekolah-sekolah rendah dan menengah Kerajaan di Sarawak serta menambah kakitangan yang terlatih dan fasih dalam Bahasa Kebangsaan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin): Tuan Yang di-Pertua, untuk sementara waktu ini tidak ada rancangan untuk membesarkan lagi Dewan Bahasa dan Pustaka Kuching supaya dilengkapi dengan mesin cetak untuk mencetak buku-buku bagi keperluan Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah Kerajaan di Sarawak kerana semua kerja percetakan telah dikelolakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

Setakat ini Dewan Bahasa dan Pustaka didapati belum ada keperluan menambah kakitangan yang terlatih dan fasih dalam Bahasa Kebangsaan kerana sebahagian besar daripada 45 orang pekerja Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Kuching adalah fasih dalam Bahasa Kebangsaan dan yang lain sedang diambil tindakan untuk meningkatkan lagi kebolehan dan kepakaran mereka dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan.

KEWARGANEGARAAN

21. Datuk Loh Fook Yen (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

menyatakan:—

- (a) bilangan permohonan-permohonan kewarganegaraan yang belum diselesaikan, mengikut bilangan kaum hingga 30.6.77; dan
- (b) tindakan-tindakan yang telah diambil atau akan diambil supaya mencepatkan penyelesaian permohonan-permohonan itu.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan permohonan-permohonan kewarganegaraan yang belum diselesaikan sehingga akhir bulan Jun 1977 adalah sebanyak 19,985. Bukanlah menjadi dasar Kementerian ini untuk menyimpan rekod-rekod mengikut pecahan kaum.
- (b) Seperti yang seringkali saya beritahu dalam Dewan yang mulia ini kelambatan dalam memproses dan memberi keputusan terhadap permohonan-permohonan kewarganegaraan bukanlah sengaja dibuat-buat oleh Kementerian ini.

Di samping meneliti permohonan-permohonan, dokumen-dokumen dan menghalusi latarbelakang pemohon-pemohon demi kepentingan dan keselamatan negara; Kementerian ini juga terpaksa berhati-hati dalam mengeluarkan Sijil Kewarganegaraan agar tidak sampai ke tangan mereka yang tidak berhak menerimanya. Tambahan pula adanya usaha-usaha untuk membuat dokumen-dokumen palsu seperti Paspot dan Kad Pengenalan orang mati yang mana telah dapat dibongkar oleh Kementerian ini baru-baru ini. Dari usaha-usaha seperti inilah menimbulkan kecurigaan, kebimbangan dan Kementerian sentiasa berhati-hati dalam memproses permohonan-permohonan tersebut. Pada hemat Kementerian ini biarlah lambat asalkan negara selamat.

TOL DI SLIM RIVER

22. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan mengapa kutipan tol di Slim River belum dibatalkan sungguhpun matlamat sudah sampai.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu saya ingin memaklumkan bahawa sebenarnya Kerajaan tidak pernah menetapkan matlamat untuk kutipan tol di Rumah Tol Slim River. Walau bagaimanapun, memang benar bahawa jumlah kutipan telah melebihi kos pembinaan jalan dan rumah tol yang berkenaan itu.

TOTO MALAYSIA

23. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa Toto Malaysia belum bayar cukai pendapatan sebanyak \$2 juta. Apa tindakan sedang dijalankan tentang ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, Sports Toto Malaysia telah menyelesaikan dengan sepenuhnya cukai pendapatan bagi semua tahun-tahun sehingga dan termasuk tahun taksiran 1976. Berkenaan dengan cukai bagi tahun taksiran 1977 suatu notis taksiran telah dikeluarkan pada 8hb Oktober, 1977 dan Sports Toto telahpun membuat peraturan-peraturan yang memuaskan dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk menyelesaikan cukai 1977 itu.

HAD LAJU DI KUALA LUMPUR/ PETALING JAYA

24. Datuk Loh Fook Yen (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa had laju 40 b.s.j. atas Lebuhraya (Federal Highway) Kuala

Lumpur—Petaling Jaya telah dilanggar oleh kebanyakan kenderaan-kenderaan yang berjalan di Lebuhraya ini:

- (a) oleh kerana Lebuhraya telah diperlembarkan menjadi lorong di beberapa tempat tertentu, adakah selamat menambah had laju di lorong sebelah dalam sementara mengekalkan 40 b.s.j. di lorong sebelah luar;
- (b) dengan menambah had laju dapatkah jalan itu menampung lebih banyak kenderaan. Berapakah banyaknya kenderaan boleh ditambah jika had laju dinaikkan (i) 50 b.s.j. (ii) 60 b.s.j.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada setengah-setengah pemandu kenderaan telah melebihi had laju yang ditetapkan di atas Lebuhraya Kuala Lumpur—Petaling Jaya.

- (a) Lebuhraya Kuala Lumpur—Petaling Jaya adalah satu kemudahan “multi lane” yang pertama kali siap di Kuala Lumpur dan had laju yang lama iaitu 40 batu sejam masih lagi digunakan. Walau bagaimanapun, tindakan akan diambil untuk mewartakan Lebuhraya ini kepada had laju yang bersesuaian.
- (b) Boleh. Walau bagaimanapun bilangan kenderaan yang boleh ditambah tidaklah dapat dipastikan dengan tepat kerana ianya bergantung kepada faktor-faktor lain yang harus dipertimbangkan.

PERLAWANAN TINJU ALI/BUGNER — CUKAI HIBURAN

25. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Kewangan menyatakan samada cukai hiburan berkenaan perlawanan tinju antara Ali/Bugner yang disusun oleh Tinju Dunia Sdn. Bhd. telah dikumpulkan. Jika ada berapa banyak. Jika tidak, mengapa.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, Tinju Dunia telah memohon pengecualian daripada Cukai Hiburan di atas tiket-tiket yang telah dijual untuk perlawanan itu. Perbendaharaan telah tidak dapat setuju kepada permohonan itu tetapi bersetuju bahawa perkara itu boleh dipertimbangkan apabila pendapatan daripada perlawanan itu diketahui tetapi akaun syarikat itu masih belum dibereskan dan oleh yang demikian kedudukan yang sebenar buat masa ini tidak dapat ditentukan.

Tuan Lim Cho Hock: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi sebab-sebab bagaimana Kerajaan bersetuju menghapuskan entertainment tax?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tidak kata dihapuskan tetapi akaun ini belum selesai lagi.

Tuan Lim Cho Hock: Belum selesai lagi. Sudah dua tahun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa hendak buat kalau belum selesai.

Tuan Lim Cho Hock: Kalau saya ada buat itu saya mesti kena masuk mahkamah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mana tahu? Baiklah, dijemput Yang Berhormat Menteri.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, pihak Perbendaharaan masih menunggu penyelesaian akaun itu dan apabila akaun itu selesai kita boleh pertimbangkan.

Tuan Lim Cho Hock: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di sini ada favouritism atau tidak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak payah tanya.

Tuan Lim Cho Hock: Itu soalan yang penting.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dalam Standing Orders tidak boleh tanya fikiran. Baca Standing Orders.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi mengujudkan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan menyediakan perkara-perkara yang berkenaan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG ODIT (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Odit, 1957; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Anggaran-

anggaran Perbelanjaan, 1977 diluluskan bagi Kementerian-kementerian:—

- (1) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar,
- (2) Kementerian Perhubungan,
- (3) Kementerian Kebajikan Am, dan
- (4) Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Anggaran-anggaran Perbelanjaan, 1977 diluluskan bagi Kementerian-kementerian:—

- (1) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar,
- (2) Kementerian Perhubungan,
- (3) Kementerian Kebajikan Am, dan
- (4) Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1978

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang

Undang-undang Perbekalan, 1978 dan Anggaran Pembangunan, 1978 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (14hb Disember, 1977).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperkerusi* Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa Dewan bersidang sebagai Majlis Mesyuarat tadi telah diluluskan satu usul iaitu tidak akan ditangguhkan Dewan ini sehingga selesai 4 Kementerian iaitu Bekalan B. 53 sampai 54, 55 hingga 59, 63 sampai 64. Begitu juga di dalam pembangunan. Ini bererti 4 Kementerian yang agak banyak dan kalau ramai yang bercakap memakan masa yang lama. Jadi, bagaimana yang diistiharkan oleh Yang di-Pertua dua hari yang lalu kita hanya ada esok sahaja lagi mesti selesai. Dengan sebab itulah keempat-empat Kementerian ini mestilah habis pada hari ini juga. Saya mintalah kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kalau bercakap itu tidak usahlah bercakap mukadimmahnya panjang sangat atau pembukaannya itu, teruskan kepada Kepala mana, Pecahan-kepala mana, terus kepada perkara itu. Saya ingat sudah patut dikenakan syarat bercakap tidak lebih daripada 10 minit, melainkan ada sesuatu yang difikirkan penting itu boleh dilanjutkan juga — tidak begitu ketat. Tetapi saya ingat 10 minit sudah cukup kalau bercakap terus kepada perkara yang hendak dibincangkan atau dibahasakan dalam mesyuarat ini.

Dan pada hari semalam masa Dewan ditangguhkan Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar hendak mengakhiri ucapan mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Kementerianya. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri menyambung ucapannya.

Kepala B. 53 dan B. 54 (Jadual) — Kepala P. 53 dan P. 54 (Anggaran Pembangunan, 1978) —

3.38 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Pengerusi, sekali lagi saya bangun untuk menyambung kepada pembentangan anggaran yang saya kemukakan semalam. Jika diperhatikan di bawah Kementerian saya pada tahun 1978 Kepala P. 53 peruntukan yang paling banyak dikehendaki ialah untuk kawalan alam sekitar. Ini adalah memandangkan keadaan negara sekarang memerlukan perkara alam sekitar ini hendaklah diberi perhatian yang bersungguh-sungguh. Di samping itu rancangan kontinjensi kebangsaan bagi mencegah dan mengawal pencegahan minyak di Selat Melaka adalah juga perlu diberi perhatian kerana Selat Melaka adalah merupakan selain daripada lalulalang kapal-kapal ia juga merupakan kawasan bagi nelayan-nelayan kita menggantungkan mata pencarian mereka.

Untuk makluman Dewan, pada tahun hadapan Kementerian saya juga akan memberi perhatian yang berat kepada pemeliharaan dan perlindungan hidupan liar dan taman-taman negara. Ini jelas terbukti daripada permohonan Kementerian saya terutama bagi Kepala B. 53 peruntukan kepada Perlindungan Hidupan Liar dan Taman-taman Negara adalah sebanyak \$4,057,120. Pertambahan ini ialah hampir-hampir 50% jika dibandingkan dengan tahun ini. Pertambahan ini adalah disebabkan oleh permohonan Kementerian saya untuk menambahkan lagi kakitangan-kakitangan bagi Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman-taman Negara supaya matlamat Kementerian saya iaitu untuk mencapai kemajuan kebendaan menerusi sains dan teknologi tidak mengakibatkan pencemaran alam sekitar dan tumbuhan dan haiwan secara berleluasa. Matlamat itu mestilah diseimbangkan supaya kemajuan yang hendak kita capai tidak menggugat alam sekeliling yang kita sayangi ini.

Tuan Pengerusi, oleh kerana segala keterangan yang perlu adalah terkandung di dalam dokumen-dokumen berkenaan iaitu Kertas-kertas Perintah No. 37 dan No. 38 yang telah dikemukakan, maka saya rasa tidaklah payah lagi saya memberi penjelasan yang lanjut lagi dan dengan ini saya berharap kelulusan akan diberikan kepada Anggaran-anggaran Belanjawan Mengurus dan Pembangunan untuk Kementerian dan Jabatan-jabatan serta Ajensi-ajensi di bawah tanggungjawab saya seperti yang berikut di bawah:

- (a) Sebanyak \$14,102,000 di bawah B. 53.
- (b) Sebanyak \$27,042,296 di bawah P. 53.
- (c) Sebanyak \$4,674,000 di bawah B. 54.
- (d) Sebanyak \$365,880 di bawah P. 54.

Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Anggaran-anggaran ini diluluskan, dan menjadi sebahagian di dalam jadual Rang Undang-undang Belanjawan 1978 dan di dalam usul Pembangunan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

3.43 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di bawah P. 53, muka surat 394, Butiran 6 — Kawalan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri atas beberapa masaalah yang dihadapi oleh pihak tuan-tuan punya kilang minyak kelapa sawit apabila kilang-kilang itu dibina dan mereka cuba mengikuti peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 yang akan dikuatkuasakan pada bulan Julai, 1978.

Memandangkan pembinaan kilang-kilang kelapa sawit sedang bertambah dari sehari ke sehari, undang-undang tertentu patut diadakan untuk mengawal alam sekitar kita. Tetapi terdapat beberapa pelabur kecil yang telah menghadapi kesulitan tentang pelaksanaan effluent discharge system kerana mereka tidak mendapat perkhidmatan consultant yang

layak untuk menyediakan rekabentuk discharge system kilang-kilang kelapa sawit mereka. Ini disebabkan beberapa pelabur kecil telah membeli satu-satu kilang kelapa sawit lama, meruntuhkan kilang itu dan kemudian membina semua kilang itu di suatu kawasan yang baru. Biasanya consultant yang terdapat sekarang hanya membuat rekabentuk (design) untuk satu kilang sepenuhnya (complete mill) dan enggan membuat rekabentuk bagi sebahagian kilang sahaja iaitu effluent discharge system sahaja. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya menubuhkan satu bahagian penyelidikan di mana tugas-tugasnya termasuk menyediakan rekabentuk-rekabentuk yang standard (to prepare a number of standard design) bagi effluent discharge system kilang-kilang kelapa sawit sebagai panduan kepada pelabur-pelabur kecil. Buat sementara ini, saya mendapat tahu hanya satu bahagian penguatkuasa (enforcement section) telah ditubuhkan dalam Kementerian ini. Bahagian itu hanya melulus atau menolak pelan-pelan yang disampaikan kepada pejabatnya dan tidak menyediakan design discharge system yang boleh diikuti oleh pelabur-pelabur. Jika cadangan untuk menubuhkan bahagian penyelidikan itu tidak dapat ditimbang, Kementerian ini sekurang-kurangnya patut menyediakan garis-panduan-garis-panduan bagi kegunaan pelabur untuk mendirikan effluent discharge system itu. Pada masa sekarang pejabat bahagian penguatkuasa telah memberi satu gambaran (impression) di mana pegawai-pegawai hanya meluluskan pelan-pelan yang boleh diterima dan pelan-pelan yang tidak boleh diterima ditolak, tanpa apa-apa pertolongan selain daripada menasihatkan tuannya kilang itu supaya berjumpa consultantnya sekali lagi.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya memahami bahawa pembinaan kilang-kilang kelapa sawit tidak dibenarkan didirikan di kawasan-kawasan water catchment. Tetapi pada keseluruhannya faktor ini tidak diketahui oleh orang ramai. Oleh yang demikian, saya meminta Yang Berhormat Menteri

membuat suatu pengumuman supaya pelabur-pelabur yang ingin menjalankan perusahaan mengilang kelapa sawit dapat dipandu dengan sewajarnya (properly guided). Saya ingin mencadangkan suatu risalah kecil yang memberi keterangan-keterangan tentang perusahaan itu diterbitkan untuk pengetahuan orang ramai. Kawasan-kawasan catchment patut ditentukan (pin-pointed) dan diterbitkan juga dalam risalah itu supaya pelabur-pelabur tidak membeli tanah dalam kawasan-kawasan catchment itu untuk pembinaan kilang kelapa sawit mereka. Ini akan mengelakkan timbulnya salahfaham bahawa Kerajaan hanya membuat syarat-syarat atau peraturan-peraturan untuk mengeciwakan (to frustrate) pelabur-pelabur sahaja. Risalah itu boleh menjelaskan bahawa syarat-syarat itu dikuatkuasakan untuk menjaga kebersihan alam sekitar dan kesihatan orang ramai, di samping menggalakkan perusahaan dan perdagangan.

3.49 *ptg.*

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan izinkan saya menyentuh P. 53, Butiran 6 — Kawalan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri bahawa di kawasan saya ada sebatang sungai iaitu Sungai Bernam dan sungai ini amat penting kepada sawah padi dan kepada penduduk di kawasan saya, Tanjong Karang, Sungai Besar dan termasuk juga Sabak Bernam kerana bekalan air diambil dari sungai itu. Apa yang terjadi kepada sungai itu sangatlah menyedihkan kerana sudah polluted oleh kilang-kilang yang didapati didirikan di tebing sungai di sebelah atas kawasan Sungai Bernam itu dan juga terdapat perkhbaran illegal mines di tebing sungai itu yang mengalirkan segala lodak ke dalam sungai itu. Perkara ini patut diambil perhatian apakala telah dikemukakan masalah ini ke Jabatan Pertanian mengatakan ini tanggungjawab Jabatan Parit dan Tali-

air. Tetapi yang sebenarnya itu adalah berkenaan kelolaan sungai tetapi ini adalah kecemaran air sungai. Itulah sebabnya saya kemukakan dalam Kementerian ini supaya dapat diambil perhatian dan mencegah keadaan ini kerana air sungai Sabak Bernam itu 60% daripadanya adalah untuk kegunaan sawah padi dan perbekalan air minum. Sawah padi yang berjumlah lebih kurang 7,000 ekar menggunakan air dari sungai itu dan penduduk lebih kurang 50,000 orang di kawasan itu menggunakan bekalan air minuman diambil dari sungai itu. Jadi, terdapat apabila air sungai surut maka kita dapati banyak kelodak ini bertakung di dalam tapisan (filter) pam air yang disediakan oleh JKR dan Jabatan Parit dan Taliair. Dari pengalaman tiga empat tahun yang sudah, saya difahamkan, diberitahu mendatangkan gangguan yang sangat berat kepada pam-pam air yang diperuntukkan untuk yang saya sebutkan tadi untuk bekalan air ke sawah padi dan bekalan air minum. Ini patutlah diambil perhatian dan saya minta Yang Berhormat Menteri memberi jaminan dalam Dewan ini iaitu bertindak tegas supaya kecemaran air Sungai Bernam ini tidak berlaku lagi pada masa akan datang.

Selain daripada itu juga mendatangkan halangan iaitu mendatangkan kerugian kepada nelayan-nelayan kecil yang bergantung hidup dengan menangkap udang galah dan sebagainya pada masa sekarang sudah kekurangan oleh sebab kelodak ini. Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi.

3.53 *ptg.*

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, di samping saya menyokong peruntukan Kementerian yang berkenaan, biarlah saya bercakap seberapa ringkas yang boleh — Alam Sekitar.

Bagaimana disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi maka pada pendapat saya terdapat di seluruh tempat. Kalau Tanjong Karang berlaku maka di Perlis pun berlaku. Maka saya berharap Kementerian yang berkenaan berikhtiar menasihati atau memberi arahan supaya tiap-tiap

perusahaan yang akan dijalankan dengan berjuta-juta ringgit biarlah mereka ini berikhtiar mengadakan sedikit takungan air supaya jangan air di perusahaan mereka itu, air sungai yang dilalui sehingga tidak boleh digunakan oleh manusia termasuk binatang dan ikan pun mati.

Saya berharaplah pihak-pihak perusahaan seperti kilang-kilang ini yang dapat mengeluarkan berjuta-juta ringgit ikhtiarlah mengadakan saluran khas ataupun membuat tasik kecil supaya air yang agak busuk tidak boleh digunakan oleh orang lain itu tidak mendatangkan bahaya.

Tuan Pengerusi, begitu juga saya berharap segala perusahaan-perusahaan, segala ternakan-ternakan yang kita dapati sekarang ini kalau kita lalu berhampiran dengannya berbau sangat busuk. Saya berharap kalau boleh dicari satu bahan supaya apa yang dikeluarkan oleh ternakan itu tidak menghalang lalulintas kerana kadang-kadang ini mendatangkan bahaya kerana apabila lalulintas terpaksa kita tutup hidung kerana bau yang sangat busuk. Oleh itu hendaklah satu bahan bagi menghilangkan bau busuk itu ataupun diikhtiarkan supaya dijauhkan belaan itu daripada jalanraya. Begitu juga seperti getah-getah dan sebagainya yang berbau busuk, ikhtiarkan satu bahan yang dapat menghilangkan bau busuk itu.

Begitu juga perkara-perkara yang dibawa melalui jalanraya, kadang-kadang kita dapati lori-lori itu membawa barang terlalu busuk sampai ke rumah pun tidak habis, carilah satu jalan apa bahan yang boleh menghilangkan bau-bauan itu.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada P. 53, saya sokong sangat tentang Institusi Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia. Saya berharap Kementerian ini berikhtiar sedaya upaya menyelidik bahan-bahan yang ada di luar bandar moga-moga dapat dijadikan industri yang mana dapat dijadikan hasil kepada negara dan mata pencarian kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, B. 54 — Jabatan Kimia. Saya berharap sangatlah satu-satu benda yang dibuat, baik dalam makanan atau ubat dan sebagainya hendaklah disiasat seberapa yang boleh. Kadang-kadang ada makanan itu yang belum tentu haram atau halal setengah manusia itu ingin hendak makan sangat. Setengah itu sudah terkena dahulu, baharulah disiasat. Saya berharap satu-satu makanan yang was-was disiasat seberapa segera yang boleh. Begitu juga seperti baja dan sebagainya kadang-kadang terkena sampai padi rosak satu sawah baharulah pihak pejabat yang berkenaan dapat menyiasat dan kadang-kadang terpaksa diadu dahulu, itupun lambat baharu dapat diambil tindakan yang tegas.

3.56 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak):

Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Saya menyentuh Kepala B. 53, muka surat 391, Butiran 1100, Aktiviti (3) Alam Sekitar. Kecemaran air pada tiap-tiap buah sungai waktu akhir-akhir ini berlaku secara berleluasa. Perbuatan ini dilakukan oleh manusia yang tidak bertanggungjawab. Kecemaran ini berpunca daripada pembukaan lombong yang begitu banyak dan kawalan yang kurang rapi. Walaupun ada undang-undang yang mengatakan tiap-tiap lombong hendaklah diusahakan secara menggunakan air itu semula dan lodak hampas pula dibuang pada tiap-tiap 400 gram dibuang pada segelen lodak sahaja.

Peraturan yang dikenakan pada tiap-tiap sebuah lombong tetapi apakah akan jadi seperti yang berlaku di kawasan saya Sungai Bidor yang airnya digunakan untuk pertanian perairan Changkat Jong. Di tepi tebing Sungai Bidor ini sahaja ada terdapat 40 buah lombong terdiri daripada 36 lombong pam kelikir dan 4 buah kapal korek. Demikian juga di Sungai Kinta hampir 100 buah lombong yang terdapat di kawasan ini dan sekeliling Changkat Pinggan sahaja terdapat

15 — 20 buah kapal korek. Begitu juga di Sungai Batang Padang yang mengairkan sawah untuk sawah padi di Mukim Sungai Manik dan Labu Kubung seluas 17,000 ekar. Adakah boleh dikawal pada tiap-tiap sungai dengan lombong yang banyak sedangkan pegawai yang mengawasinya kurang maka sudah tentu segala peraturan yang diperuntukkan itu tidak dapat dilaksanakan. Tentulah mana-mana lombong tidak akan memberi akuan yang sebenarnya bahawa hampas lodak itu adalah daripada lombong itu sendiri. Akibatnya air sungai akan menjadi keruh dan berlodak pekat bercampur lumpur. Keadaan ini akan lebih hebat lagi apabila musim hujan yang mendadak dan berturut-turut hari. Batas-batas ampangan lombong pecah, hampas lodak mengalir deras dalam sungai yang kecil. Air akan melimpah dan masuk merosakkan tanaman-tanaman yang hijau yang dijangka mendatangkan hasil kepada petani-petani, pekebun-pekebun kecil. Di samping itu hidupan liar di daratan akan mati dan demikianlah juga kehidupan di air. Hasil ikan dan udang galah tidak akan diperolehi lagi oleh penduduk-penduduk yang berhampiran dengan tebing sungai. Oleh itu, saya suka mencadangkan, pertama Kerajaan hendaklah menubuhkan jawatankuasa khas untuk mengkaji dan menimbang jumlah kerugian yang ditanggung oleh penduduk-penduduk yang terlibat dan tuntutan kepada pengusaha-pengusaha seluruh pelombong hendaklah dibuat.

Kedua, Kerajaan hendaklah juga menetapkan tiap-tiap sungai yang digunakan oleh pelombong hendaklah membuat takungan air kotornya berhampiran dengan lombongnya sendiri dan sudah didapati bersih baharulah dialirkan ke sungai.

Ketiga, pihak Kerajaan sendiri membuat takungan yang terakhir kepada semua lombong-lombong di sebelah ulu itu daripada takungan ini ditapis dan air bersih sahaja baharu dikeluarkan ke sungai. Dengan yang demikian, saya rasa tentulah air yang bersih ini dapat digunakan oleh kehidupan baik

manusia ataupun binatang dan mungkin boleh menjadikan sebagai sumber mata pencarian kepada penduduk-penduduk.

Keempat, tiap-tiap lombong yang hendak diluluskan, pengusaha untuk mencarigalnya hendaklah menyiapkan ampangan air sebaik-baiknya 5 hingga 10 rantai daripada sungai. Oleh yang demikian, bila ada sahaja hujan yang mendadak tentulah bund ataupun ampangan ini tidak pecah dan tidak mencemarkan air sungai yang baik itu.

4.03 ptg.

Wan Zainab binti M.A. Bakar (Sungei Petani): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian menyokong peruntukan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan suka menyentuh P. 53, Butiran 6 — Kawalan Alam Sekitar.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat Menteri Negeri Kedah adalah sebuah negeri yang mempunyai banyak ladang-ladang getah.

Tuan ampunya ladang-ladang itu tidak begitu hirau di mana air-air acid ataupun air cuka getah hendak mengalir, maka habis sungai-sungai di situ seperti Sungai Jerong, Sungai Gurun, Sungai Kuala Ketil dan banyak lagi anak-anak sungai semuanya menjadi kotor dan berbau busuk. Tuan Pengerusi, sudahlah air sungai itu tidak dapat digunakan sehingga apa sahaja kehidupan seperti ikan dan lain-lain habis mati. Tuan Pengerusi, penduduk-penduduk di situ selalu bersungut. Perkara ini telah dibawa atau dibentangkan di dalam mesyuarat tindakan daerah Kuala Muda. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat menghantarkan pegawai-pegawai dari Kementeriannya itu ke Kuala Muda dan melihat sendiri keadaan sungai-sungai dan air-air sungai di situ sehingga menjadi pekat dan warnanya pun sudah bertukar. Kementerian patutlah memberi arahan-arahan atau amaran kepada tuan-tuan ampunya ladang.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara supaya tuan-tuan punya ladang akan mencari jalan bagaimanakah cara hendak membuang air cuka atau acid-acid itu samada dibuat perigi-perigi yang dalam ataupun jalan-jalan yang lebih sesuai daripada mengalir ke anak sungai yang mana penduduk-penduduk di sekeliling itu dapat menggunakan air sungai dan juga nelayan-nelayan kecil yang selalu mencari mata pencariannya.

Tuan Pengerusi, saya harap Yang Berhormat Menteri dapatlah menambah kakitangan supaya pegawai-pegawai yang berkenaan ini dapat menjelajah ke kawasan yang mempunyai perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

4.05 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong bagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan dalam pada itu ingin saya memberi sedikit pandangan untuk perhatian Kementerian yang berkenaan terutama sekali kedudukan Instituit Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (IPPM). Instituit ini bolehlah dikatakan sebuah instituit yang baharu ditubuhkan, maka sudah semestinyalah instituit ini menghadapi berbagai-bagai kesulitan.

Kita semua sedia maklum, Tuan Pengerusi, bahawa negara kita pada hari ini adalah dianggap sebagai semi-industrial nation iaitu sebuah negara yang sedang mewujudkan dan mementingkan pihak pembangunan industri, maka dengan itu tentulah menggunakan berbagai-bagai alat yang moden dan juga akan mengeluarkan barang-barang yang moden yang pada ketika dahulu kita impot tetapi sekarang boleh dibuat di dalam negara kita. Tetapi apa yang penting, yang berlaku adalah sejauh manakah barang-barang keluaran dalam negara kita ini dapat diberikan satu standard dan siapakah yang bertanggungjawab yang menentukan standard barang-barang keluaran supaya penduduk-

penduduk negara kita rasa pengeluaran barang-barang di dalam negara kita ini serupa peringkatnya ataupun taraf dan mutunya, seperti barang-barang yang diimport. Jadi, yang penting ialah instituit inilah peranannya yang patut mengambil bahagian. Maka saya difahamkan dan di dalam lawatan saya sendiri, saya dapati instituit ini tidak mencukupi alat-alat ujian, kerana pihak Perbandaran sendiri tidak menyetujui; pihak Perbandaran boleh jadi memandang bahawa jangka pendek apabila instituit ini mengemukakan pembelian alat-alat ujian bagi kegunaan instituit ini kepada faedah industri-industri yang ada dalam negeri kita. Maka saya mintalah pihak Kementerian dan Menteri mengambil berat dalam perkara ini supaya instituit ini dilengkapi bukan sahaja dengan pegawai-pegawainya walaupun muda tetapi yang telah mempunyai kelulusan dan kemahiran dan juga hendaklah dilengkapi dengan alat-alat ujian yang cukup supaya dapat menilai mutu pengeluaran industri-industri yang ditubuhkan di dalam negara kita.

Setakat ini kita semua sedia mengetahui bahawa kemahiran pekerja-pekerja kita di dalam negara kita telah cukup tetapi masih banyak juga lagi penduduk-penduduk rakyat jelata dalam negara kita ini mementingkan barang-barang yang diimport kerana mereka masih saya percaya mempunyai kepercayaan kerana tidak ada tekanan ataupun pengesahan yang tertentu daripada pihak instituit ini sendiri. Saya percaya pihak instituit ini sendiri ada kalanya takut hendak menentukan jenis mutu samada betulkah atau tidak, kita telah juga dengar di dalam seminar baharu-baharu ini yang mana Consumers Association atau pihak-pihak pengguna mengadakan tekanan meminta kepada pihak Kerajaan supaya barang-barang yang keluaran dalam negeri ini sungguh-sungguh bermutu dan dengan cara itu pihak-pihak pengguna tidak tertipu. Jadi, kuncinya untuk menentukan segala-galanya ini tidak lain tidak bukan ialah pihak instituit ini sendiri maka sebab itulah saya menyokong penuh pihak instituit ini

mengadakan rancangan jangka panjang walaupun memakan perbelanjaan yang besar bawalah ke dalam Parlimen ini kita akan luluskan.

Satu perkara lagi, saya minta juga pegawai-pegawai di pihak instituti ini hendaklah sentiasa bekerjasama menghubungi pihak-pihak swasta yang telah mempunyai penuh pengalaman dan saya mintalah pihak Kementerian supaya mengarahkan pegawai-pegawai itu berhubung rapat dengan swasta-swasta yang telah established mengetahui keadaan yang sebenarnya dan janganlah ada satu perasaan pula pihak instituti ini menyangkakan pihak swasta itu selalu datang hendak menipu sahaja. Jadi, dialog hendaklah sentiasa diadakan dan ada hubungan yang baik dan seelok-eloknya diadakan satu badan seperti di Singapura, negara jiran kita mempunyai satu badan yang mana untuk menentukan mutu, dipanggil pihak swasta menduduki badan tersebut bagi menentukan mutunya. Saya berharap badan tersebut walaupun telah ditubuhkan eloklah; kalau belum lagi eloklah ditubuhkan di dalam negara kita.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, ingin saya menyentuh sedikit masaalah Zoo Negara kita. Zoo Negara kita ini untuk sementara waktu eloklah tetapi peruntukannya sangat sedikit untuk tahun 1978. Sebagai sebuah Zoo yang memainkan peranan yang penting daripada segi pendidikan di kalangan anak-anak muda kita dan juga di kalangan orang luar negeri dan pelancang-pelancang yang datang, saya rasa keadaan Zoo Negara kita pada ketika ini telah terlalu kecil dan tidak melengkapinya walaupun kita telah Merdeka selama 20 tahun tidak ada perubahan sedikitpun. Maka saya inginlah mencadangkan pada hari ini apa salahnya pihak Zoo Negara ini berunding dengan badan swasta ataupun badan antarabangsa walaupun memakan modal yang besar berjuta-juta, tetapi boleh mendapatkan hasil, mengadakan Kampung Malaysia supaya di dalam kampung yang dikatakan Kampung Malaysia itu cukup

dengan segala jenis apa bentuk resam bangunan, pokok-pokok, tanam-tanaman, jenis-jenis ternakan, segala-galanya ada di dalam itu, walaupun mempunyai satu kawasan yang luas.

Misalnya, pada hari ini kalau kita melawat Manila, di kawasan berdekatan dengan Lapanganterbang, ada dikatakan Philippine Village yang di dalam Philippine Village ini mengandungi, kalau kita tidak sempat melawat seluruh Philippine tetapi setelah melawat Philippine Village ini ada segala jenis miniature, segala bentuk, dengan melawat di situ sahaja sekurang-kurangnya di segi pengetahuan am seseorang itu mengetahui serba sedikit, sekurang-kurangnya basic background keadaan Philippine keseluruhannya. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian untuk menggalakkan pihak Zoo Negara bertanggungjawab mengembangkan serta mengadakan pula satu yang dikatakan Kampung Malaysia ataupun Taman Malaysia yang dilengkapi dengan segala jenis alat-alat yang ada di dalam negara kita ini, yang mengandungi segala jenis tanam-tanaman, adat resam, bangunan-bangunan lama dan baru, dan tambahan pula, negara kita ini negara yang berbilang bangsa yang kaya dengan segala jenis kebudayaan. Tetapi malangnya, tidak ada satu usaha yang dijalankan cara-cara begini, maka sebab itulah anak-anak muda kita susah hendak mengetahui selain daripada melihat TV, selain daripada belajar dalam bangku sekolah tetapi hendak lihat dengan mata sendiri tidak ada peluang seperti negara-negara lain. Jadi, saya mencadangkan supaya pihak Zoo Negara mengambil berat mengadakan satu kertas-kerja dalam perkara ini dibincangkan dan saya percaya akan mendapatkan hasil yang banyak dan juga akan memberi pengetahuan kepada anak-anak muda kita.

Setakat itulah sahaja dan saya menyokong sepenuhnya.

Tuan Pengerusi: Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.13 ptg.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan belanjawan bagi Kementerian saya. Saya dengan ringkasnya menjawab pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson untuk menjawabnya saya sukalah memaklumkan kepada beliau memang Kementerian saya sedar tentang kesulitan yang mungkin dihadapi oleh kilang-kilang kelapa sawit yang kecil. Oleh sebab itu, peraturan-peraturan tertentu telah dibuat dengan cara mengadakan generation standard yang memakan masa selama 3 tahun. Di dalam penyelidikan pula, bukan penyelidikan berjalan di negara kita sahaja tetapi juga pakar-pakar antarabangsa seumpamanya daripada UNEP (United Nations Environmental Programme) telah menolong kita. Dalam pada itu kerjasama antara Agensi Kerajaan juga telah dipesatkan. Jabatan Kimia di bawah Kementerian saya juga telah mencapai satu breakthrough di peringkat makmal untuk mengatasi pencemaran daripada kilang-kilang kelapa sawit dan ini akan diuji di peringkat ladang. Cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat telah diambil ingat dan akan dilaksanakan jika didapati sesuai.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang merujuk kepada beberapa masalah; masalah kawasan padi, masalah sungai di Tanjong Karang, kilang-kilang dan merujuk kepada tugas-tugas jabatan-jabatan yang lain seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Parit dan Taliair dan masalah-masalah pencemaran yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan beliau. Kementerian saya sedar dan faham tentang masalah yang dihadapi di Tanjong Karang dan juga di tempat-tempat lain. Kementerian sedang merangka peraturan-peraturan untuk memelihara kegunaan air untuk minuman, pertanian

seperti tanaman padi, perikanan dan lain-lain lagi. Mengikut peraturan-peraturan itu kelak kilang-kilang adalah dikehendaki untuk membersihkan air buangnya supaya sesuai untuk kegunaan air tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar ada menyentuh tentang beberapa masalah mengenai Jabatan Kimia tentang kajian mengenai makanan. Memang penyelidikan dijalankan dengan alat-alat moden dan dengan teliti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kimia adalah ditugaskan menganalisa dan menguatkuasakannya adalah terpulang kepada pihak berkenaan yang menghantar bahan-bahan untuk dianalisa. Walaupun begitu, saya akan memberi perhatian supaya analisa-analisa akan dijalankan dengan lebih bersungguh-sungguh lagi.

Berkenaan dengan perusahaan pengelodakan takungan keluaran dan bau busuk yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar, mengikut peraturan-peraturan yang dirangkakan, pengilang-pengilang adalah dikehendaki untuk membeli sistem pembersihan air supaya kualiti air buangan kilang itu sesuai untuk disalurkan ke kawasan-kawasan air yang digunakan untuk minuman, pertanian, perikanan dan sebagainya. Bagi kilang-kilang yang akan didirikan langkah-langkah akan diambil supaya penempatan kilang-kilang adalah sesuai dengan keadaan sekelilingnya dengan cara mengadakan garis panduan tertentu dan dari segi penempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak ada membuat cadangan membolehkan satu Jawatankuasa untuk menimbangkan tuntutan ganti rugi daripada penduduk mengenai perlombongan, mereka hendaklah membuat ampangan-ampangan. Masalah ini adalah diperbekalkan dalam Mining Enactment. Kementerian saya juga mengkaji perkara ini mengenai kelodakan, satu Jawatankuasa telah ditubuhkan yang terdiri dari ahli-ahli yang mengetahui dalam bidang ini dan kerjasama dari Kementerian Tanah dan Kemajuan

Wilayah dan Kerajaan Negeri ada di dalam kajian masalah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Muda ada sebut berkenaan masalah ladang getah dan kelodakan air dan meminta pegawai-pegawai daripada Kementerian saya melawat ke kawasan itu. Masalah yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah diketahui oleh Kementerian saya. Jawatankuasa-jawatankuasa di Kementerian sedang merangka garis-garis panduan untuk mengatasi masalah kelodakan ini.

Mengenai masalah pencemaran kilang-kilang getah, peraturan-peraturan yang ada akan diwartakan dan dikuatkuasakan tidak berapa lama lagi. Pada tahun 1978 Kementerian ini akan melipatgandakan kakitangan dan masalah seperti ini akan dapat diperhatikan dengan lebih dekat lagi.

Berkenaan dengan SIRIM Ahli Yang Berhormat dari Kangar minta supaya SIRIM membuat penyelidikan untuk mengutamakan perindustrian di luar bandar seperti membuat penyelidikan loji, gas, mika mesin-mesin, perindustrian kecil misalnya memproses keropok, membuat batu-bata. Ini telah dibuat oleh SIRIM dan terus berjalan.

Selain daripada itu, SIRIM juga memberi Perkhidmatan Teknikal dan perundingan kepada industri-industri luar bandar.

Akhir sekali, Ahli Yang Berhormat dari Setapak mengesyorkan supaya SIRIM mengadakan rancangan untuk mengawal mutu bahan-bahan yang dikeluarkan di dalam negara ini. Ini sedang dijalankan oleh SIRIM dan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada beliau yang mengesyorkan supaya peruntukan yang lebih diberi kepada SIRIM supaya dapat alat-alat yang lebih sesuai dan moden untuk mengkaji mutu barangan yang dibuat oleh kilang-kilang tempatan.

Kami akan berhubung dengan Perbandaran mengenai masalah ini. SIRIM memang menggiatkan perhubungan antara pegawai-pegawainya dengan pihak swasta dan saya harapkan pada masa yang akan datang kerjasama antara SIRIM dengan pihak swasta akan dieratkan lagi.

Sekianlah sahaja penjelasan saya kepada pendapat-pendapat yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$14,102,000 untuk Kepala B. 53 dan \$4,674,000 untuk Kepala B. 54 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$27,042,296 untuk Kepala P. 53 dan \$365,880 untuk Kepala P. 54 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

*Kepala B. 55 hingga B. 62 (Jadual) —
Kepala P. 55 hingga P. 62 (Anggaran Pembangunan, 1978) —*

4.25 pgt.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Pengerusi, dengan izin tuan saya memohon membentangkan Anggaran Belanja Mengurus bagi Kementerian Perhubungan dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya, di bawah maksud-maksud B. 55 hingga B. 62 seperti berikut:

B. 55 — Kementerian Perhubungan	\$1,369,000
B. 56 — Jabatan Penerbangan Awam	\$10
B. 57 — Jabatan Penerbangan Awam Sarawak dan Sabah	\$7,703,600
B. 58 — Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca	\$7,820,500

B. 59 — Jabatan Laut	\$5,654,600
B. 60 — Jabatan Laut Sarawak dan Sabah	\$7,424,800
B. 61 — Jabatan Per- khidmatan Pos	\$77,796,900
B. 62 — Jabatan Talikom	\$10
Jumlah semua:	<u>\$107,769,420</u>

dan Anggaran Pembangunan bagi Kementerian Perhubungan dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi maksud-maksud P. 55 hingga P. 62 seperti berikut:

P. 55 — Kementerian Perhubungan	\$93,553,754
P. 56 — Jabatan Pener- bangan Awam	\$18,078,910
P. 57 — Jabatan Penerba- ngan Awam Sarawak dan Sabah	\$24,829,980
P. 58 — Jabatan Perkhid- matan Kajicuaca	\$2,174,030
P. 59 — Jabatan Laut	\$5,590,170
P. 60 — Jabatan Laut Sarawak dan Sabah	\$830,040
P. 61 — Jabatan Perkhid- matan Pos	\$7,745,570
P. 62 — Jabatan Talikom	\$140,000,000
Jumlah semua:	<u>\$292,802,454</u>

menjadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi, secara ringkas Kementerian Perhubungan mempunyai objektif untuk menyelaraskan segala perkembangan dan pembangunan kemudahan perkhidmatan perhubungan supaya ianya menjadi satu sistem perhubungan yang cekap dan "reliable". Kementerian saya pada tahun hadapan akan terus memperkemaskan dasar-dasar yang ada dan juga mengadakan dasar-dasar baru di mana perlu, bagi semua aspek kemudahan

perhubungan seperti perkhidmatan keretapi, laut, udara, kajicuaca, pos dan talikom supaya ianya dapat memberi sumbangan-sumbangan yang berkesan terhadap negara dan segenap lapisan rakyat. Kementerian saya mempunyai tanggungjawab yang berat terutama sekali dalam menentukan dasar-dasar dan menyelaraskan segala aspek-aspek pentadbiran, penyelidikan dan perancangan bagi jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berada di bawahnya.

Mengenai perkhidmatan penerbangan awam, Kementerian saya akan terus berusaha untuk mengembang dan meninggikan lagi taraf perkhidmatan yang diberikan kepada penumpang-penumpang. Kemudahan-kemudahan di Lapanganterbang-lapanganterbang Antarabangsa di negara kita iaitu di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kuching dan Kota Kinabalu sedang diperluaskan samada dengan pembinaan baru bangunan-bangunan perhentian penumpang (terminal buildings) atau memperbaiki lagi bangunan-bangunan yang ada. Di bawah rancangan ini, Pulau Pinang akan mempunyai sebuah lapanganterbang yang membolehkannya menerima pendaratan kapalterbang-kapalterbang jenis badan besar dan bangunan baru bagi perhentian penumpang-penumpang sedang didirikan di negeri itu dan ini akan siap tahun hadapan. Bangunan-bangunan baru bagi penumpang-penumpang juga sedang dirancang dan akan mula dibina di Kuching dan Kota Kinabalu dalam tahun hadapan ini. Bagi Kuala Lumpur pula bangunan penumpang yang ada akan diperbaharui dengan mengadakan tingkatan yang berasingan bagi penumpang-penumpang yang hendak berlepas dan penumpang-penumpang yang tiba. Pembaharuan pembinaan ini akan dimulakan tahun hadapan juga.

Sementara itu Kementerian saya akan terus membaiki dan meninggikan mutu padang kapalterbang (airstrip) di bandar-bandar kecil yang sedia ada seperti Batu Pahat, Bidor, Dungun, Grik, Gua Musang, Kluang, Kroh, Langkawi, Mersing, Muar, Segamat, Sitiawan, Taiping, Temerloh, Bintulu, Keningau,

Kudat, Semanggang, Bario, Belanga, Kapit, Lawas, Limbang, Marudi, Ranau, Sempurna, Sepulut dan lain-lain.

Di peringkat antarabangsa masaalah penggunaan lapanganterbang-lapangterbang antarabangsa di Malaysia ini adalah rumit sedikit oleh kerana hak pendaratan kapalterbang dan hak mengambil penumpang dari satu negara ke satu negara lain adalah tertakluk kepada persetujuan negara-negara yang berkenaan. Dalam lain-lain perkataan, hak-hak tersebut adalah dirunding dan dipertukarkan di antara satu negara dengan satu negara yang lain.

Kedudukan Malaysia dari segi keupayaan mengadakan rundingan dan mendapatkan hak-hak pendaratan di negara-negara lain utamanya di Eropah dan Timur Tengah adalah sederhana sahaja, berbanding dengan negara-negara lain yang mempunyai banyak tumpuan pelancang-pelancang. Oleh itu untuk menambahkan keupayaan kita dari segi mendapatkan hak-hak pendaratan penerbangan MAS di negara-negara lain yang kita kehendaki, maka mustahaklah bagi kita mengadakan strategi-strategi yang tertentu bagi jangka pendek dan panjang. Satu daripada langkah yang sedang dirancangan bagi maksud ini ialah menggalakkan lebih banyak lagi penerbangan-penerbangan yang tidak berjadual dan perkhidmatan kapalterbang sewa ke negara kita dan penerbangan sebaliknya dengan cara yang sama di negara-negara lain.

Bagi perkhidmatan perhubungan laut pula, dasar yang ada sekarang yang mana semua pelabuhan-pelabuhan di Malaysia adalah terbuka bagi kapal-kapal dalam negeri dan asing mengangkut cargo dari satu pelabuhan ke satu pelabuhan lain dalam negara kita akan diubah dengan secepat mungkin. Di masa akan datang, pengangkutan barang-barang di antara satu pelabuhan ke satu pelabuhan yang lain dalam negara kita akan hanya dibenarkan dibuat oleh kapal-kapal yang didaftarkan di Malaysia sahaja. Dasar ini adalah selaras de-

ngan amalan perkapalan antarabangsa yang dijalankan oleh kebanyakan negara-negara di dunia ini. Adalah difikirkan bahawa dasar baru ini yang dikenali sebagai 'Cabotage Policy' akan memberi galakan kepada syarikat-syarikat tempatan untuk menceburkan diri ke dalam perusahaan perkapalan antara pelabuhan-pelabuhan di Malaysia.

Berikutan dengan perubahan yang dibuat atas dasar perkapalan ini, maka adalah mustahak bagi Kementerian saya memperkemas lagi pentadbiran pelabuhan-pelabuhan di Malaysia ini dan menyelaraskan semua aktiviti-aktiviti pelabuhan tersebut. Bagi maksud ini Kementerian saya telah menubuhkan satu Majlis Penasihat Pelabuhan yang dianggotai oleh wakil-wakil Kerajaan dan wakil-wakil pihak swasta termasuk tuannya-tuannya kapal, ejen-ejen perkapalan dan juga Majlis Kapal Kebangsaan.

Dasar-dasar baru mengenai perkhidmatan udara dan laut yang saya sebutkan tadi sedang dirancang dan dilaksanakan dan ini akan memberi kesan yang besar yang akan dapat dirasakan tidak lama lagi.

Tuan Pengerusi, sebagai ringkas sukacita saya menyebutkan di sini beberapa sifat-sifat penting dalam perbelanjaan Jabatan-jabatan dan agensi-agensi di bawah Kementerian saya.

Jabatan Talikom

Jabatan Talikom akan terus berusaha untuk memaju dan memperluaskan rangkaian telefon supaya dapat memberikan perkhidmatan yang baik, cekap dan bermutu tinggi. Untuk mencapai objektif ini Jabatan Talikom telah berusaha memperbaiki lagi jentera pentadbirannya dan mempermodenkan lagi segala peralatannya. Pada tahun 1978 Jabatan Talikom memerlukan peruntukan sejumlah \$320,067,000 bagi melaksanakan projek-projek pembangunannya. Sebanyak \$140 juta daripada jumlah tersebut akan diperolehi daripada pinjaman. Bakinya akan dibiayai daripada hasil perkhidmatan Jabatan Talikom sendiri.

Jabatan Perkhidmatan Pos

Bagi tahun 1978 Jabatan Perkhidmatan Pos memerlukan peruntukan sebanyak \$85,542,470; iaitu terdiri dari \$77,796,900 bagi perbelanjaan mengurus dan sebanyak \$7,745,570 bagi perbelanjaan pembangunan. Projek-projek besar yang dijadualkan bagi tahun hadapan ialah pembinaan bangunan baru Pejabat Besar Pos Kuala Lumpur, Institut Latihan Pos Baru, Pejabat Besar Pos Ipoh dan Pejabat Bungkusan Kuching yang baru.

Keretapi Tanah Melayu

Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu akan terus melaksanakan projek-projek dalam usaha memperbaiki lagi mutu perkhidmatannya. Antara projek-projek penting termasuklah pembelian kereta-kereta rel yang melibatkan kos sebanyak \$10 juta, permodenan sistem semboyan dan perhubungan yang dijangka menelan belanja sebanyak \$4,820,000; dan projek memperbaiki dan memperbaharui jentera-jentera dan loji-loji, jentera menyalenggara landasan dan lain-lain projek pemuliharaan yang dijangka akan menelan belanja sebanyak \$30,115,020.

Jabatan Penerbangan Awam

Jabatan Penerbangan Awam Malaysia Barat memerlukan peruntukan sebanyak \$25,055,000 bagi tahun 1978 bagi melaksanakan projek-projek pembangunannya. Dari sejumlah itu sebanyak \$18,078,910 diperlukan dari pinjaman dan selebihnya didapati daripada hasil perkhidmatan Jabatan.

Di antara projek-projek penting Jabatan Penerbangan Awam iaitu pembinaan Lapanganterbang Antarabangsa Pulau Pinang, pengubahan kepada kompleks terminal di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan pembesaran Lapanganterbang Sandakan bagi membolehkan pendaratan pesawat Boeing 737. Kita juga akan melebihi lagi keperluan-keperluan kelengkapan keselamatan di lapanganterbang-lapanganterbang di negeri kita.

Pelabuhan-pelabuhan

Projek pelabuhan yang besar ialah pelabuhan Bintulu yang akan memberi perkhidmatan kepada kapal-kapal LNG dan lain-lain kargo biasa. Pembinaan pelabuhan Kuantan dijangka siap pada akhir tahun 1978. Kerja-kerja akan dijalankan untuk menambahkan perkhidmatan-perkhidmatan pelabuhan yang boleh didapati di Pulau Pinang khususnya perkhidmatan Kontena.

Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca

Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia memerlukan peruntukan sebanyak \$7,820,500 bagi belanja mengurus dan sejumlah \$2,174,300 untuk membolehkannya melaksanakan projek-projek pembangunannya. Sejumlah besar dari peruntukan pembangunan adalah untuk membina Balai-balai Pemeliharaan, pembelian dan pemasangan alat-alat letronik termasuk sebuah alat Radar Amaran Ribut yang baru bagi daerah Kluang dan sebuah alat "Wind Finding Radar" bagi stesyen di Pulau Pinang.

Jabatan Laut

Jabatan Laut Semenanjung Malaysia memerlukan peruntukan sebanyak \$11,244,770 dalam tahun 1978, iaitu terdiri daripada Belanja Mengurus sebanyak \$5,654,600 dan \$5,590,170 bagi perbelanjaan pembangunan. Salah satu projek terbesar Jabatan Laut dalam tahun 1978 ialah pembelian sebuah kapal korek yang berharga lebih kurang \$6,120,000 bagi menjalankan kerja-kerja mengorek dan mendalamkan Sungai Tumpat di Kelantan.

Tuan Pengerusi, saya memohon mencadangkan supaya peruntukan Belanja Mengurus bagi tahun 1978 bagi Kementerian saya dan jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya di bawah B. 55 hingga B. 62 berjumlah sebanyak \$107,769,420 dijadikan sebahagian daripada jadual dan anggaran pembangunan bagi maksud-maksud P. 55 hingga P. 62 sebanyak \$292,802,454 diluluskan.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan bagi saya memberi keterangan-keterangan lanjut, jadi perkara ini ada di dalam buku yang kita sudah sediakan yang telah diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dengan ringkas mengemukakan cadangan ini.

4.42 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, izinkan saya memulakan perbincangan di bawah peruntukan Kementerian Perhubungan dengan membawa Kepala B. 57, Butiran (Kod) 1100, Aktiviti (1).

Tuan Pengerusi, di dalam Pengurusan dan Pengendalian (Airport Operation and Management) ini termasuklah bahagian-bahagian teknik, ada lebih 20 juruteknik dan engineer daripada bangsa Australia berkhidmat di dalam perkhidmatan MAS. Selain daripada itu ada juga beberapa expatriate daripada East Africa keturunan India iaitu daripada kaum Sikh yang juga bekerja di Bahagian Teknik. Bahagian-bahagian ini adalah Bahagian ASU (Air Service Unit), Bahagian Hangar dan Bahagian Quality Control di antaranya. Apa yang didapati sekarang ada di antara juruteknik-juruteknik engineer yang bekerja di dalam MAS iaitu daripada golongan yang bukan warganegara Malaysia under-qualified ataupun tidak mempunyai lesen sebenarnya membolehkan mereka memberi service kepada kapalterbang kita yang ada empat jenis, iaitu B-737, B-707, DC-10 dan juga F-27 (Fokker Friendship). Ada di antara mereka hanya mempunyai lesen untuk berkhidmat sebagai jurutera (engineer) Fokker Friendship sahaja, tetapi di dalam MAS, expatriate engineer ini diberi pula peluang dibiayai oleh MAS dihantar ke seberang laut untuk mendapat latihan yang khas at our expense. Saya berpendapat mengapa maka orang kita yang banyak mempunyai lesen memberi service kepada F-27 ini tidak diberi peluang memegang jawatan-jawatan engineer untuk memberi maintenance kepada Kapalterbang B-737, B-707 dan DC-10, sebagaimana MAS menghantar jurutera expa-

triate ini ke seberang laut untuk mendapat pengalaman.

Perkara yang wajar disiasat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah berapa engineer expatriate yang telah dihantar oleh MAS dan berapa orang pula daripada mereka yang gagal, kerana saya mengetahui ada mereka ini sudah dibelanjakan berpuluh ribu ringgit tetapi gagal, masih juga berkhidmat sekarang ini. Apakah tindakan MAS kepada orang yang gagal ini dan juga berapa expatriate engineer termasuk daripada kaum Sikh, iaitu daripada East Africa dan lesen-lesennya yang masih bekerja di dalam perkhidmatan kapalterbang kita iaitu MAS.

Saya juga suka menyentuh berkenaan dengan barang-barang, terutamanya spare parts. Barang-barang ganti untuk B-707, B-737 dan DC-10 dibeli menerusi orang tengah, iaitu daripada Sydney. Yang saya hairan mengapa kita perlu membeli spare parts ini menerusi Sydney, daripada Sydney pula kita beli daripada Amerika, mengapa tidak boleh kita beli secara terus (direct) daripada Amerika. Adakah boleh diterangkan di dalam Dewan ini satu-satu perjanjian di mana kita ataupun MAS mesti membeli menerusi Sydney, menerusi orang tengah. Saya syeputkan ini kerana kerap terjadi di mana enjin B-707 ini sesudah dihantar ke Sydney untuk overhaul, dikembalikan ke Kuala Lumpur dan disahkan (certified) oleh orang-orang di sana sebagai sudah baik, sesudah sampai, ditest — rosak. Apakah rosaknya? Sebagai satu contoh, boltnya tidak dimasukkan, kerana itu maka oil pumpnya tersumbat (block).

Tuan Pengerusi: Apa bole?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Bolt — b-o-l-t, macam batang besi bulat.

Tuan Pengerusi: Bukan bole — bolt?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Ya, bolt.

Tuan Pengerusi: Saya tak tahulah (*Ketawa*).

Raja Nasron bin Raja Ishak: Enjin tersebut terpaksa dihantar balik ke Sydney lagi sekali diperbaiki, dikembalikan, sudah dua kali kita membayar dan ini kalau Yang Berhormat Menteri tidak percaya periksalah Aircraft Maintenance Logbook, ada di sana, semua dicatitkan.

Lagi satu contoh yang berlaku lebih kurang 6 bulan dahulu satu enjin telah didapati rosak, kerosakannya adalah engine vibration. Sungguhpun seorang engineer telah diminta oleh Maintenance Manager mencertifykan bahawa enjin ini baik dan kapal terbang ini boleh terbang tetapi engineer itu memandang kepada keselamatan passenger, dia kata tidak boleh. Ini dia sudah test dan didapati kerosakannya engine vibration, kerana itu maka seorang engineer yang lain certifiedkan — enjin itu terbang. Apa sudah jadi, Tuan Pengerusi? Sesudah sampai di Jakarta kapal terbang itu stranded, didapati masa itu kerosakannya adalah engine vibration dan MAS terpaksa membelanjakan US\$275,000 akibat perkara ini. Ini juga semua orang tahu, semua orang di MAS sana tahu, harap periksa.

Satu contoh lagi seorang engineer bangsa Australia, kalau hendak namanya pun boleh saya sebutkan — Bob Pallas — telah merosakkan flap kapal terbang 707 lebih kurang empat bulan dahulu. Kapal terbang tersebut digroundedkan selama tiga hari sudah terpaksa diambil flap gantinya daripada Singapura. MAS kerugian hampir \$1 juta Malaysia dan Bob Pallas ini sungguhpun kononnya seorang engineer kapal terbang yang bertauliah didapati dianya tidak pandai ataupun salah apabila mengangkat flap itu. Kalau flap itu misalnya hendak diangkat di sebelah bawah diangkat di sebelah atas hingga rosak dan pecah. Inilah dia qualified engineer.

Saya suka menyentuh juga di bawah pengurusan ini berkenaan dengan kawalan di setor terutama catering. Ini benar-benar terjadi pada diri saya sendiri iaitu masa saya pergi ke market untuk membeli seekor ayam. Sudah

siap ayam itu disembeli dibungkus dan saya tengok cap MAS pada bungkusan itu. Saya masih tidak ketara bawa balik ke rumah tetapi terfikir oleh saya macam mana ayam cap MAS ini dijual di market dan saya membuat kerja detective sedikit pergi menyiasat, rupanya satu racket ada berjalan di sana — penye-ludupan barang-barang setor MAS iaitu dibuang ke dalam tong sampah, kononnya barang-barang waste, dibuang dalam tong sampah dan datang lori-lori sampah mengambil barang ini daripada setor bawa keluar dan dijual. Bukan sahaja makanan-makanan seperti apa yang saya katakan tadi ayam dan sebagainya, spare part pun beginilah berjalan.

Tuan Pengerusi, kalaulah begini kawalan-kawalan setor tidak diambil, tidaklah kita hairan kalau MAS hanya untung \$1.1 juta sahaja. Saya berharap perkara-perkara ini dapat diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan supaya sejumlah besar daripada wang yang patut kita curahkan untuk catering service ini dapat diselamatkan dan dapat MAS mempunyai rekod yang baik.

Saya juga suka menyentuh satu perkara yang patut disiasat oleh Yang Berhormat Menteri iaitu cara mana ataupun bagaimana seorang jurutera MAS bangsa Malaysia kita yang berkhidmat kurang daripada 10 tahun, gajinya lebih kurang \$2,000 berkhidmat kurang sedikit 10 tahun mempunyai anak isteri dan sebagainya. Di dalam tempoh itu dapat membeli sebuah rumah \$180,000 dan kalaulah kebetulan di masa pembelian ini dibuat baru kita closed the deal for the purchase of DC-10 haraplah siasat kerana ini adalah satu bukti terang bahawa apa yang saya sebutkan tadi ada campurtangan daripada maintenance crew atau sebagainya.

Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada seminit sahaja lagi.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, rakan saya Yang Berhormat dari Tumpat

mengorbankan 10 minit masanya untuk saya menghabiskan katanya tadi.

Tuan Pengerusi: Tidak achi. Biar dia sendiri. Seminit lagi.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh berkenaan dengan Kepala B. 57, 1100 — Aktiviti (2). Yang Berhormat Menteri telah menerangkan bahawa sebelum Boeing 737 yang baru-baru ini terjatuh di Johor terhempas Kapten kapal itu ataupun pilotnya ada berhubung dengan control tower di Kuala Lumpur ataupun Subang mengatakan "hijacker on board". Saya suka meminta Yang Berhormat Menteri menerangkan samada suara Kapten itu ditaperecordkan dan samada suara itu disahkan oleh next-of-kinnya ataupun isterinya, rakan seperjuangannya, sahabat rapatnya benar-benar suara Kapten ataupun suara orang lain imitation.

Penutupnya, Tuan Pengerusi, kita sungguh sedih berkenaan dengan kemalangan ini. Saya tidak boleh mengatakan Yang Berhormat Menteri salah. Yang Berhormat Menteri itu banyak kerja, itu-ini, tidakkan dia boleh mengetahui anak kambing beranak dan cacing bertelor — tidak tahu dia.....

Tuan Pengerusi: Apa bersangkutan kapal-terbang Yang Berhormat?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Ini misalnya. Ini contoh — tetapi yang bertanggungjawab adalah senior executive di dalam MAS iaitu Pengurus Besarnya dan saya meminta kerana the lack of supervision, kawalan-kawalan dan sebagainya di atas kapal ini the direct responsibility oleh Pengurus Besarnya, saya minta Pengurus Besar ini undurkan diri, letak jawatan.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, saya berharap perhatian-perhatian yang saya sampaikan itu dapat diambil berat oleh pihak Yang Berhormat Menteri.

4.57 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, yang pertama saya ingin menyentuh perkara mengenai Keretapi Tanah Melayu.

Tuan Pengerusi, kami sesungguhnya memandang berat terhadap kejadian-kejadian keretapi tergelincir dari landasannya yang berlaku di negara kita sejak akhir-akhir ini. Dalam masa tidak sampai seminggu, tiga kejadian keretapi tergelincir dari landasannya dilaporkan berlaku. Dan pada baru-baru ini satu kejadian ada berlaku yang melibatkan keretapi barang yang tergelincir dekat Kampung Tabuh Naning, lima batu utara dari Tampin, Negeri Sembilan.

Kejadian yang pertama berlaku yang melibatkan keretapi barang tergelincir dari landasannya dekat Slim River di Perak, dan dua hari selepas itu, kejadian seumpama itu melibatkan keretapi barang berlaku dekat Seremban. Selepas itu, lagi satu kejadian berlaku yang melibatkan keretapi Ekspres Rakyat di atas Tambak Johor. Dalam kejadian di Tambak Johor, lima gerabak terlibat.

Tuan Pengerusi, pihak Keretapi Tanah Melayu telah memberikan sebab-sebab kejadian itu yang antaranya menyebut sebuah tangki air yang digunakan bagi maksud kejenteraan yang terletak di perut salah sebuah gerabak dikatakan telah lekang lalu jatuh dan tangki yang berat itu telah digelek oleh roda-roda keretapi tersebut. Bagaimanapun, pihak Keretapi Tanah Melayu tidak pula memberikan sebab-sebab kenapa gerabak-gerabak keretapi barang dalam tiga kejadian lain boleh berlaku dan telah mengakibatkan gangguan kepada keretapi penumpang yang lain.

Pihak kami memandangkan amat berat atas kejadian-kejadian yang telah berlaku yang bukan sahaja membawa kesusahan kepada penumpang-penumpang dan kerugian-kerugian besar kepada kompeni-kompeni tetapi juga kejadian itu telah menjejaskan nama baik, kecekapan dan reliability perkhidmatan rel kita.

Saya menggesa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengadakan satu siasatan penuh atas perkara ini supaya sebab-sebab keretapi tergelincir dari landasan boleh didapati dan langkah-langkah sewajar dapat diambil untuk mengatasinya. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan patut memberi satu penjelasan di Dewan ini mengenai hal itu.

Satu perkara yang saya sekarang ingin merujuk ialah mengenai Jabatan Talikom.

Tuan Pengerusi: Muka surat?

Tuan Lee Lam Thye: Kepala P. 62.

Tuan Pengerusi: P. 62, terima kasih.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, dalam sidang Parlimen yang lepas ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan perkara-perkara tentang kelemahan Jabatan Talikom dalam tugasnya untuk memberi perkhidmatan yang baik dan memuaskan kepada orang ramai.

Sungguhpun banyak telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri dan Timbalannya untuk mempertahankan Jabatan Talikom di Dewan ini, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa masalah yang dirujuk kepada Yang Berhormat Menteri belum diatasi.

Sebagai seorang wakil rakyat, saya masih menerima aduan-aduan tiap-tiap hari berkaitan dengan kurang cekap perkhidmatan Jabatan Talikom kita.

Perkara-perkara seperti kelambatan Jabatan Talikom untuk memperbaiki talipontalipon yang sudah rosak yang telah dilaporkan kepada Jabatan itu termasuk masalah berkenaan dengan salah-kiraan bil-bil talikom untuk pencarum-pencarum bagi panggilan-panggilan yang tidak dibuat oleh mereka masih dirujuk kepada saya tiap-tiap hari apabila saya mengadakan dailog sesi dengan rakyat di kawasan saya.

Tuan Pengerusi, saya tidak bercadang membuat tuduhan kepada Jabatan Talikom yang tidak berasas di dalam Dewan ini, oleh kerana ini tidak patut dibuat, tetapi apa yang dikatakan saya boleh membuktikan dan saya sedia menyampaikan kepada Yang Berhormat Menteri bukti-bukti untuk siasatan beliau.

Saya mengesyorkan dengan seriusnya di sini bahawa adalah perlu perkhidmatan Jabatan Talikom kita diperbaiki lagi supaya dapat kita memulihkan kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap Jabatan itu, dan dalam hubungan ini, saya rasa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bertanggungjawab atas perkara ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang akhir yang saya ingin menyentuh di sini dan saya bangun di sini untuk berucap dengan amat sedih iaitu mengenai Kepala B. 56 Perkhidmatan Penerbangan Awam. Dan perkara yang saya ingin sentuh ialah nahas kapalterbang MAS Boeing 737 di Johor baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, sejak dua minggu lalu, perhatian seluruh negara tertumpu terhadap hempasan kapalterbang di Tanjung Kupang, Johor, dimana nyawa 100 orang terkorban iaitu 93 penumpang-penumpang dan 7 orang anak kapal. Di antara mereka yang mati ialah Menteri Pertanian, Allahyarham Datuk Ali bin Haji Ahmad dan beberapa orang pegawai kanan Kerajaan.

Seluruh negara telah meratapi kematian Menteri Pertanian kita dan lain-lain orang dalam hempasan itu. Dan hempasan tersebut merupakan mala-petaka yang sangat trajik yang berlaku dalam sejarah penerbangan awam Malaysia dan trajidi ini akan diingati untuk beberapa lama.

Tuan Pengerusi, apa yang negara hendak mengetahui ialah bagaimanakah hempasan kapalterbang berlaku. Yang Berhormat Menteri Perhubungan telah memberitahu Parlimen ini tentang apa yang telah berlaku sejak

kapalterbang tersebut berlepas dari Lapanganterbang Bayan Lepas di Pulau Pinang dan sehingga kapalterbang tersebut meletup dan terhempas.

Apa yang penting dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri berkenaan ialah pengesahan beliau bahawa mengikut percakapan di antara Pilot dengan Control Tower terdapat seorang perampas di dalam kapalterbang itu. Soal yang timbul ialah hempasan kapalterbang ini tidak akan berlaku jika sekiranya kapalterbang itu tidak dirampas.

Saya ingin menumpu perhatian saya ke atas perampasan kapalterbang dan dalam pada ini saya rasa adalah menjadi tanggungjawab saya dan rakan-rakan saya di sini sebagai wakil-wakil rakyat untuk menyoal pihak yang berkenaan bagaimanakah perampas kapalterbang itu dapat mengelakkan pihak berkuasa keselamatan dan menaiki kapalterbang MH 653 yang malang itu.

Tuan Pengerusi: Cuba akhiri ucapan Yang Berhormat kerana sudah sampai masa 10 minit.

Tuan Lee Lam Thye: Oleh sebab perkara ini amat mustahak saya harap Tuan Pengerusi memberi masa yang lebih sedikit sebagai yang akhir.

Tuan Pengerusi: Bukan yang akhir! Akhirnya, cuba tamatkan.

Tuan Lee Lam Thye: Oleh sebab ini satu hal yang sangat mustahak saya harap.....

Tuan Pengerusi: Saya faham. Semua orang nanti akan minta juga dilanjutkan kerana semua mustahak.

Tuan Lee Lam Thye: Saya hendak ambil lebih kurang 5 minit lagi.

Tuan Pengerusi: Tak boleh!

Tuan Lee Lam Thye: Baiklah saya boleh pendekkan ucapan saya.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lee Lam Thye: Soalnya ialah mengapakah keselamatan di lapangan-lapanganterbang kita tidak ketat? Apakah kita masih belum lagi mempelajari daripada insiden yang berlaku pada tahun 1975 dimana teroris-teroris dari Tentera Merah Jepun berjaya memasuki ke dalam negara kita dan mengepung Bangunan AIA.

Saya masih teringat apabila saya bangkitkan perkara "siege AIA" ini di Parlimen dalam tahun 1975, saya diberi jaminan bahawa langkah-langkah keselamatan akan diambil untuk memeriksa setiap orang yang masuk ke dalam negara kita dan ini bermakna bahawa langkah-langkah keselamatan akan diperketatkan di semua lapanganterbang.

Tuan Pengerusi: Cukuplah itu!

Tuan Lee Lam Thye: Yang akhir, ini yang mustahak.

Tuan Pengerusi: Perkara yang mustahaklah hendak dicakapkan dahulu. Kalau mustahak, dicakapkan kemudian buat apa?

Tuan Lee Lam Thye: Dalam penutup ucapan saya, biarlah saya ringkaskan sedikit, Parti kami menganggap bahawa trajidi ini ialah satu trajidi yang amat mustahak dan amat menyedihkan.

Dan kami menganggap trajidi ini dengan penuh perhatian dan kami berkehendakkan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memikul tanggungjawab sepenuhnya ke atas perkara ini. Dalam hubungan ini, Parti Tindakan Demokrat berpendapat bahawa Menteri yang berkenaan patutlah meletakkan jawatan beliau kerana gagal menjalankan tanggungjawab beliau bagi menentukan keselamatan di lapanganterbang-lapanganterbang kita dan yang penting sekali ialah

menentukan keselamatan penumpang-penumpang dalam kapalterbang-kapalterbang kita.

5.08 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, bercakap di Bahagian P. 57 Butiran 15 di muka surat 415 — Membaiki Padang Terbang Luar Bandar Negeri Sarawak yang diberikan peruntukan sebanyak \$200,000 bagi tahun 1978 serupa sahaja dengan peruntukan tahun 1977. Ingin saya menarik perhatian Kementerian yang berkenaan, walaupun pernah beberapa kali perkara serupa ini saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini untuk mendapat perhatian pihak yang bertanggungjawab supaya Padang Terbang Mukah diperbaiki bagi kepentingan dan keselamatan rakyat yang menggunakan perhubungan udara pergi dan datang ke situ. Namakannya perkara yang dibangkitkan itu langsung tidak diindahkan.

Saya tidak tahu adakah pihak yang bertanggungjawab sangat mementingkan keuntungan sahaja dari segi ekonomi dengan tanpa memikirkan dari segi keselamatan para penumpang mahupun masalah kesusahan penumpang apabila jadual penerbangan dibatalkan dengan mengejut untuk beberapa kali, disebabkan padang terbang itu tidak dapat digunakan oleh kapalterbang yang kecil jenis BN-2 kerana Padang Terbang Mukah itu licak di waktu hujan. Sekaranglah waktunya yang elok pihak yang berkenaan membuat siasatan.

Padang ini juga dibina cuma sebagai padang bola sepak sahaja yang ditumbuhi rumput. Di waktu hujan lebat turun padang ini menjadi licak dan berair. Inilah satu perkara yang saya rasa sepatutnya diberi perhatian oleh yang bertanggungjawab untuk memperbaiki lagi keadaan Lapanganterbang Mukah itu. Bagi kepentingan dan keselamatan penerbangan awam serta menjaga maruah nama baik Kementerian Perhubungan negara kita ini di samping memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat di bandar dan juga di luar

bandar yang begitu sukar di bidang perhubungan seperti yang dialami oleh rakyat di Mukah untuk ke bandar yang besar seperti Sibul sebagai ibu Bahagian Ketiga.

Tuan Pengerusi, di sini ingin saya menearangkan kegiatan dan jadual pesawat BN-2 mulai daripada 1.11.77 dalam tempoh masa seminggu:—

Mukah ke Sibul	—	11 trip
Mukah ke Miri	—	3 trip
Sibul ke Mukah	—	11 trip
Miri ke Mukah	—	3 trip

Dikira rata penumpang seramai 900 orang sebulan dengan pungutan hasil \$20,000 tidak termasuk bayaran passenger service charge seperti yang dikenakan di lapanganterbang bandar besar. Ini mungkin juga telah menunjukkan kerana keadaan lapanganterbang itu tidak sepatutnya menerimanya. Penumpang senang hati membayar \$2 seorang sebagai bayaran passenger service charge asalkan keadaannya memuaskan. Jikalau lapanganterbang itu baik pihak yang berkenaan boleh memungut hasil daripada service charge sahaja boleh dianggarkan sebanyak \$24,000 setahun serta boleh menggunakan pesawat yang lebih besar lagi singgah di lapanganterbang itu seperti pesawat F-27 (Fokker Friendship) di mana sekarang penumpang telah sentiasa bertambah pada setiap masa menggunakan perhubungan udara.

Tuan Pengerusi, sekarang MAS mendapat keuntungan yang agak besar juga hasil daripada penerbangan kapalterbang yang besar. Jika didapati hasil penerbangan di luar bandar tidak begitu menguntungkan sepertimana yang saya telah sebut awal tadi, kepentingan rakyat di mana cara bidang perhubungan tidak begitu baik juga diambil perhatian yang sama bagi menyesuaikan dasar Kerajaan yang rakyat pilih sejajar dengan maksud Kerajaan untuk mempertingkatkan taraf hidup semua rakyat baik di bandar mahupun rakyat yang mundur di luar bandar. Ini sudah terang dan nyata seperti juga Yang Berhormat Menteri

yang berkenaan telah terangkan untuk mencapai perhubungan yang cekap di negara kita ini. Keadaan perhubungan dengan menggunakan jalan darat dan sungai serta laut umpamanya ke bandar Sibu dari Mukah sebagai contohnya, daripada Mukah ke Sibu naik bas sampai Oyak dan dari Oyak naik motobot melalui terusan Sungai Kut, Dalat ke Batang Igan terus ke Sibu mengambil masa sepuluh sampai empat belas jam dengan tambang sekarang \$9.50. Waktu berangkat tidak tetap mengikut air pasang disebabkan terusan Sungai Kut cetek bila air surut, kadang-kadang penumpang pernah satu malam tidak tidur. Memakai laut tambang dari Mukah ke Sibu \$15 mengambil masa empat belas sampai lima belas jam ini bergantung dengan keadaan cuaca. Memakai udara dari Mukah ke Sibu tambang sekarang \$20 mengambil masa cuma 20 minit sahaja. Beginilah kesusahan perhubungan luar bandar yang saya harapkan atas kelohan rakyat selama ini memandangkan keadaan lapangan terbang itu tidak begitu baik apatah lagi perhubungan darat dengan menggunakan bas dari Mukah ke Oyak terpaksa duduk macam menunggang kuda kerana jalan begitu buruk. Kadang-kadang berdiri lagi dalam motobot kerana penumpang penuh sesak. Adakah Kementerian ini mengambil kira kesusahan yang dialami oleh rakyat seperti ini untuk beberapa tahun lagi.

Tuan Pengerusi, menyentuh peruntukan bertanda \$10 bagi Butiran 17 — Kelengkapan Bomba dan Penyelamat. Ini amat mendukacitakan mengikut pandangan saya seolah-olah di bahagian ini sudah beres 100% di negeri Sarawak. Saya tidak tahu dan tidak nampak tidak ada projek seperti itu hendak dibuat lagi. Walaupun tanda itu sebagai satu cara untuk mendapatkan peruntukan tambahan bila-bila dikehendaki, sekurang-kurangnya projek-projek juga ditentukan lebih awal lagi di mana kelengkapan bomba dan penyelamat seperti yang saya ketahui sendiri yang terdapat di Lapangan terbang Mukah belum lagi lengkap dengan istilah penyelamatan yang sebenarnya. Saya yakin Kementerian ini dapat menyelidik

apa yang sebenarnya oleh kerana sekarang negara kita banyak mempunyai pakar-pakar dalam bidang ini. Saya berharap Kementerian ini dapat melaksanakan tanggungjawabnya yang begitu sukar serta berkehendakkan peruntukan banyak. Sebagai satu Kementerian yang menjadi tumpuan dan perhatian rakyat seluruh negara dapat menunjukkan segala tanggungjawab serta usaha yang berkesan dari segi keselamatan perhubungan yang betul-betul baik dan cekap. Akhirnya, saya menyokong sepenuhnya peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian ini bagi tahun 1978.

5.16 ptg.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh kepada B. 55 Kod 1200 Aktiviti (1) — Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, permintaan kaum Bumiputra dalam bidang Perkapalan. Kapal Barang Antarabangsa (International Cargo Shipping), Kapal Barang Perairan Pantai (Coastal Shipping) dan Kapal Tangki Air Pantai (Coastal Oil Tankers) amatlah berkurangan dan sebahagian besar dari yang dimonopoli oleh tuan-tuan punya kapal negara jiran dan lain-lain lagi. Hingga hari ini menurut Persatuan Tuanpunya Kapal (Malaysia Ship Owners Association), TEMASA hanya tiga buah syarikat yang layak menjadi ahli Persatuan tersebut. Mereka ialah Malaysia International Shipping Corporation, Gaya Shipping Sdn. Bhd., Bumi Maritime Tankers Sdn. Bhd. Dari Syarikat-syarikat tersebut hanya Bumi Maritime Tankers Sdn. Bhd. sahaja yang dimiliki 100% oleh Bumiputra awam yang mengendalikan perkhidmatan kapal tangki minyak perairan pantai. Kemerosotan penyertaan kaum Bumiputra dalam bidang ini disebabkan oleh beberapa faktor:—

- (a) pihak Kerajaan tidak menyediakan kemudahan mendapatkan kewangan untuk memiliki kapal;
- (b) pihak Kerajaan tidak memberi galakan (incentive) kepada tuanpunya kapal

Bumiputra yang mendaftarkan kapalnya di Malaysia;

- (c) pihak Kerajaan tidak memberi perlindungan kepada tuan-tuan punya kapal Malaysia dan Bumiputra.

Walaupun ada satu Akta Perkapalan yang baharu tetapi tidak dikuatkuasakan kononnya belum sampai masanya. Merujuk kepada faktor pertama tadi pihak Kerajaan hendaklah mengadakan kemudahan kewangan kepada projek perkapalan Bumiputra yang menguntungkan. Pihak Kerajaan juga patutlah mengarahkan bank-bank swasta memberikan kemudahan pinjaman kepada projek-projek perkapalan Bumiputra yang disahkan menguntungkan.

Syarat-syarat pinjaman dengan faedah yang menasabah seharusnya ketat tetapi hendaklah jangan mendesak faedah selagi projek itu belum dilancarkan dan mendatangkan pendapatan malahan patut diberi jangka masa pengecualian dari pembayaran (grace period) sebagaimana yang pernah diberikan oleh pihak bank luar negeri.

Dalam faktor kedua pula, pihak Kerajaan hendaklah memberi daya penarik (incentive) seperti pengecualian cukai impot, pengecualian cukai pendapatan syarikat untuk beberapa tahun, kebebasan pengguna-pengguna anak-anak kapal yang mahir dari mana-mana negeri dan sebagainya untuk menggalakkan kaum bumiputra menyertai bidang ini dan juga mendaftarkan kapal-kapal mereka di Malaysia. Setahu saya pada masa ini tuan-tuan punya kapal yang berdaftar di Malaysia diarahkan oleh Pengarah Laut Malaysia mesti menggunakan pelaut-pelaut mahir Malaysia yang sukar didapati dan mahal pula. Jika hendak menggunakan kapal atau menggunakan pelaut-pelaut mahir dari luar negeri tuan punya kapal mestilah mendapatkan surat akuan dari kelab-kelab pelaut Pulau Pinang yang menerangkan mereka tidak dapat memberi pelaut yang mahir yang dikehendaki.

Arahan ini tidak akan menyusahkan MISC, Gaya Shipping ataupun tuan-tuan punya

kapal barang tetapi bagi pihak tuan punya kapal yang menjalankan perkhidmatan perkapalan tangki minyak perairan pantai (coastal oil tankers) Malaysia dengan cara pajak masa (time charter) kepada Syarikat Shell:

- (i) Arahan ini akan merugikan mereka oleh kerana satu daripadanya pelaut-pelaut mahir Malaysia sukar didapati dan meminta gaji 30% lebih tinggi dari pelaut-pelaut Indonesia.
- (ii) Urusan mendapat pelaut-pelaut ini memakan masa dan masa yang hilang itu di mana kapal tidak belayar akan ditolak dari wang pajakan masa.
- (iii) Sambil itu tuan punya kapal tangki minyak dari negara jiran yang tidak mendaftarkan di Malaysia bebas menggunakan pelaut-pelaut dari mana juga dengan bayaran yang murah untuk bertanding dengan syarikat bumiputra dalam bidang ini.

Faktor ketiga ini amatlah mustahak di mana pihak Kerajaan mestilah memberi perlindungan kepada tuan-tuan punya kapal bumiputra dengan menguatkuasakan Akta Perkapalan yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Dalam usaha Kerajaan menguatkuasakan Akta ini pihak Kerajaan mestilah tegas dan teliti di mana kehendak-kehendak Akta itu dipatuhi sepenuhnya.

Ada beberapa syarikat luar negeri yang menggunakan orang-orang kenamaan dari kaum bumiputra untuk memenuhi syarat-syarat hakmilik bumiputra dalam syarikat mereka supaya melayakkan syarikat mereka sebagai sebuah syarikat bumiputra walhal orang-orang kenamaan bumiputra ini hanya meminjamkan namanya sahaja. Ini ternyata dalam bidang perkapalan tangki minyak perairan pantai di mana lebih kurang 40 buah kapal tangki minyak berkhidmat dengan beberapa buah syarikat minyak di Malaysia dan dari jumlah ini hanya sebuah sahaja iaitu Zaman Baharu Tiga dimiliki oleh Bumiputra

Tankers Sdn. Bhd. syarikat perkapalan bumiputra. Tetapi apabila disemak penyata memajukan hampir 25% penyertaan bumiputra terdapat dalam bidang ini walaupun kesemua syarikat-syarikat ini dikendalikan oleh orang luar negeri dan semua kapal-kapal mereka berdaftar di luar negeri.

Oleh itu, pihak Kerajaan hendaklah menyelidik dengan teliti samada syarikat-syarikat yang mengaku mereka ini syarikat bumiputra benar-benar dimiliki oleh bumiputra dan dikendalikan sendiri oleh bumiputra. Juga pihak Kerajaan hendaklah mengarahkan semua syarikat-syarikat minyak di negara ini menggunakan kapal-kapal kepunyaan syarikat bumiputra yang dimiliki 100% oleh bumiputra dan dikendalikan oleh bumiputra. Walaupun kita telah mencapai sedikit-sebanyak kejayaan dalam bidang perkapalan pengangkutan barang antarabangsa di perairan pantai dengan penyertaan MISC Coastal Shipping dan Gaya Shipping tetapi bidang ini masih luas lagi untuk penyertaan bumiputra terutamanya dalam bidang perkapalan tangki minyak perairan pantai. Selagi pihak Kerajaan tidak bertindak tegas, selama itulah matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan tidak tercapai.

5.26 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya bangun bagi menyokong peruntukan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan di dalam Dewan ini. Saya ingin menyentuh mengenai Penerbangan Awam di bawah Kepala B. 56.

Di dalam hal ini, Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut berkenaan dengan kapal-terbang Concorde daripada London ke Singapura. Saya suka mengambil peluang di dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan yang telah mengambil tindakan tegas supaya kapal-terbang yang berkenaan ini tidak dibenarkan lalu di ruang Malaysia. Ini sudah sesuai ataupun sudah selaras dengan

Kerajaan Malaysia yang sudah merdeka. Kita bukan lagi menjadi sebuah negara seperti 20 tahun dahulu. Kita sudah berada sebagai sebuah negara merdeka dan Kerajaan British patut sedar di atas kemerdekaan kita ini. Oleh sebab itulah maka saya mengambil peluang mengucapkan tahniah di atas hal ini. Saya dapat tahu oleh kerana ketegasan yang ada pada Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan menyebabkan satu rombongan daripada syarikat penerbangan ini berada di Malaysia pada masa ini dan sedang memujuk pihak Kerajaan.

Jika ini benar saya harap sangat-sangat supaya perundingan yang akan diadakan dengan pihak syarikat ini hendaklah berhati-hati sebabnya Yang Berhormat Menteri tentu ingat pada masa yang telah lalu pada masa penerbangan awam dimiliki oleh Kerajaan Boeing 707 yang hendak menggantikan DC-10 untuk mendarat di London pada masa tersebut, bukan main susah pihak kita hendak berunding, hendak menyelesaikan masalah untuk mendapat penerbangan sama setaraf seperti negara-negara lain di dalam dunia. Kita diberitahu ada negara-negara lain mudah diberi kemudahan oleh pihak Kerajaan British mendarat di negaranya, tetapi saya telah diberitahu apabila rancangan DC-10 hendak mendarat di London pada masa tersebut bukan main susah bagi kita mendapatkannya. Dan saya pula dimaklumkan kapal-terbang DC-10 yang kita miliki ini boleh memuat penumpang yang ramai tetapi kita diberitahu juga kemungkinan ada satu syarat telah diberi oleh pihak yang berkenaan supaya tidak membenarkan kita membawa penumpang sepenuhnya sepertimana untuk memenuhi sebuah kapal-terbang yang berkenaan. Jadi, saya ingin bertanya jika ini benar kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kapal-terbang DC-10 ini boleh diisi penumpang sepenuhnya sepertimana yang kita kehendaki apabila hendak mendarat di negara British. Selain daripada itu, adakah pula bayaran-bayaran tertentu yang dikenakan kepada kita untuk kita mendarat di Lapangan-terbang London. Jadi, dengan ketegasan yang ada saya berharap

Yang Berhormat Menteri tidak akan gentar, jika sekiranya rombongan yang ada ini membuat beberapa masaalah yang menyebabkan kita pula mudah mempersetujui supaya ruang angkasa kita yang kita jaga ini dilalui dengan begitu mudah bukan sahaja kapalterbang Concorde daripada England ini bahkan mana-mana juga kapalterbang lain yang akan melalui ruang angkasa kita. Jadi di dalam hak mendarat DC-10 yang saya katakan di London dan pada masa ini pula Concorde yang begitu hendak mudah untuk melalui di ruang angkasa kita untuk mendarat di negara jiran, saya rasa amat dukacita jika perkara ini diteruskan, dibenarkan dengan begitu mudah oleh negara kita. Oleh sebab itu, saya berharap sangat-sangat hal-hal yang seperti ini hendaklah kita memandang dengan serius, dengan begitu berat supaya taraf ataupun hak kemerdekaan negara kita ini dapat benar-benar dibuktikan kepada negara-negara lain di dalam dunia bahkan kepada negara yang biasa memerintah kita di satu masa dulu.

Oleh sebab itu, saya mengambil peluang lagi sekali di dalam Dewan ini kepada Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan supaya berhati-hati betul mengenai masaalah ini dan dipersetujui benar-benar oleh kerana Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan telah melarang kapalterbang yang berkenaan ini melalui di angkasa kita dengan tidak mendapat persetujuan kita.

5.33 ptg.

Tuan Lee Boon Peng (Mantin): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Anggaran Perbelanjaan Kementerian Perhubungan.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 407, Butiran 38 mengenai Pelabuhan Kelang. Masaalah yang mustahak saya ingin mengemukakan ialah kesesakan di pelabuhan negara iaitu di Kelang, dalam hampir tiap-tiap tahun kita boleh menambah kesesakan itu. Kesesakan tahunan di Pelabuhan Kelang itu telah menimbulkan satu

imej yang kurang baik antara bidang perkapalan dunia. Semasa kesesakan pelabuhan itu kapal-kapal yang dijadualkan berhenti di Pelabuhan Kelang menukar jalannya.....

Tuan Pengerusi: Pelabuhan apa itu, Yang Berhormat?

Tuan Lee Boon Peng: Muka surat 407, Butiran.....

Tuan Pengerusi: Pelabuhan Kelang! Terus-kan.

Tuan Lee Boon Peng: Semasa kesesakan pelabuhan itu kapal-kapal yang dijadualkan berhenti di Pelabuhan Kelang menukar jalannya ke pelabuhan jiran lain supaya diturunkan barang-barang mereka. Sebab-sebabnya adalah kapal itu tidak mampu menunggu lama supaya menurunkan barang-barang di Pelabuhan Kelang, jika tidak jadual pelayaran akan diganggu. Kesesakan itu telah menimbulkan masaalah-masaalah yang serius dalam perniagaan pembuat dan perdagangan. Barang-barang itu tidak dapat dikutipkan dan itu telah mengganggu perjalanan perniagaan dan perdagangan dan juga akan menjejaskan operasi kilang. Pertambahan bayaran iaitu demurrage akan dikenakan, penerima kiriman, consignee terpaksa membayar semua bayaran yang lebih seperti sewa godown pelabuhan dan sebagainya. Kos-kos operasi itu akan bertambah dan kos pertambahan itu akhirnya akan ditanggung oleh pengguna-pengguna secara kenaikan harga.

Biarlah kita menyelesaikan kesesakan di tempat kontena di Pelabuhan Kelang tahun ini. Masaalah itu sangat rumit tetapi dengan kerjasama yang lebih rapat dengan semua pihak berkenaan saya percaya kesulitan-kesulitan itu akan diringankan. Adalah diketahui bahawa pengaduan oleh penerima kiriman itu adalah antara selama 2 hingga 20 minggu barulah kontena-kontena mereka itu dikeluarkan. Sebenarnya ada seorang wakil

perkapalan menyatakan bahawa ianya mengambil lebih banyak masa bagi kontena dikeluarkan dari pelabuhan ke tempat penerima kiriman itu lebih lama dari tempat eksport asal ke Pelabuhan Kelang.

Dari berbagai punca adalah diperhatikan bahawa sebab-sebab utama yang menyebabkan kesesakan terbaru ini ialah seperti berikut: Kekurangan perhubungan industrial yang baik antara pengurusan dan pekerja-pekerja pelabuhan itu. Ini telah menyebabkan pentadbiran yang lemah seperti keengganan bekerja lebih masa, salah faham yang kecil selalu diperbesarkan dan lain-lainnya. Penyelenggaraan jentera yang lemah seperti straddle carriers dan forklift dan perkara ini telah menyebabkan kekurangan perkakas dijalankan di pelabuhan itu. Saya sedar ada sebanyak lebih 15 buah straddle carriers di sana tetapi hanya sebanyak 3 atau 4 buah berjalan tiap-tiap kali. Ini bermakna lebih kurang 12 buah berhenti di sana. Patutlah diperhatikan mengapa banyak jentera tidak berkhidmat. Sebenarnya ini adalah satu kerugian yang lebih besar kerana sebuah jentera itu berharga lebih kurang sebanyak \$½ juta. Saya mengetahui bahawa seorang pakar dari United Kingdom akan dijemput menolong mengorganisasikan pelabuhan itu. Saya tidak percaya bahawa ini sahaja akan selesaikan masalah yang sedia ada. Organisasi semula akan menolong membetulkan keadaan itu.

Walau bagaimanapun, perkara yang utama adalah menjamin pelaksanaan berkenaan rancangan-rancangan, procedure-procedure supaya dapat mencapai satu taraf yang memuaskan. Sebab itu saya percaya solusi itu bergantung ke atas pentadbiran lebih berkesan dan lebih teratur di pelabuhan itu, pengawasan lebih baik, juruteknik lebih berdisiplin dan diberi cukup latihan. Kekurangan penyelarasan yang sesuai antara semua pihak yang berkenaan, pentadbiran pelabuhan Kastam, Kontena Nasional, pengirim, penerima kiriman dan lain-lainnya.

Oleh sebab itu, ia menyebabkan satu keadaan yang tidak sihat iaitu tiap-tiap pihak mendakwa pihak yang lain misalnya Kontena Nasional mendakwa menerima kiriman kita bekerjasama kerana tidak mengambil kontena-kontena mereka selepas masa pejabat tetapi sebaliknya penerima kiriman mendakwa bahawa Kontena Nasional tidak mengeluarkan kontena-kontena itu sebagaimana yang dijanjikan kerana mereka membuka pintu kilang-kilang pada masa hujung minggu tanpa menerima sebarang kontena-kontena itu. Perkara ini akan menambahkan kos-kos yang berlebihan.

Walau bagaimanapun, kita menyentuh peranan yang dimainkan oleh Kontena Nasional. Adalah dipercayai bahawa Kontena Nasional tidak boleh berjalan sejajar dengan keadaan itu dan mereka tidak mampu mengeluarkan kontena-kontena yang cukup laju ini telah menyebabkan kesesakan kontena-kontena itu.

Saya sedar Kontena Nasional mempunyai kenderaan-kenderaan yang cukup banyak bagi membawa kontena-kontena itu. Walau bagaimanapun, perkhidmatan mereka tidak memuaskan dan sehingga hari ini mereka masih tidak dapat memenuhi tugas-tugas mereka. Adalah dipercayai Kontena Nasional sedang merancang memberi lebih banyak kenderaan-kenderaan kereta sangkut dan lain-lain. Adalah diketahui dengan terbukenya bahawa penerima-penerima kiriman selalu menghadapi kesulitan mengadakan kontena-kontena mereka dihantar kepada kilang-kilang atau tempat-tempat perniagaan mereka dengan secepat-cepatnya. Setengah penerima kiriman menggunakan perkhidmatan Kere-tapi Tanah Melayu supaya mengadakan kontena-kontena mereka supaya mengatasi kelewatan itu tetapi kebanyakan penerima kiriman tidak ada cabang jalan keretapi di kilang-kilang mereka sebab itu mereka terpaksa menggunakan Kontena Nasional.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sudah bercakap 10 minit.

Tuan Lee Boon Peng: Baik. Kontena Nasional menghadapi satu keadaan monopoli kerana ianya adalah sebuah pertubuhan tunggal yang diberi kuasa mengadakan kontena-kontena. Tetapi keadaan monopoli itu boleh disalahgunakan dan boleh mengakibatkan keadaan ekonomi yang tidak sihat berikutan tidak berkesannya bayaran pengangkutan yang tinggi dan tidak bertanggungjawab dan lain-lain. Memandangkan keadaan ini.....

Tuan Pengerusi: Cukuplah!

5.43 ptg.

Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk (Simunjan): Tuan Pengerusi, saya bangun turut bersama dengan rakan sejawat saya yang lain di dalam Dewan yang mulia ini menyokong peruntukan yang dikemukakan oleh Kementerian Perhubungan.

Tuan Pengerusi, saya suka membawa pandangan Kementerian ini mengenai Kepala P. 55, Butiran 15 Pembangunan Pelabuhan Kuching.

Apa yang saya suka menggesa Kerajaan dalam perkara ini ialah membesarkan lagi pelabuhan Kuching di Pendin kerana whaf-whaf yang ada sekarang dengan keadaan kemajuan negara kita yang begitu pesat telah menjadikannya sempit atau kecil dan kebanyakan kapal-kapal yang hendak memunggah barang-barang di Pendin ini terpaksa menunggu satu atau dua minggu baru dapat peluang memungghannya. Kiranya perkara trafik jam di pelabuhan ini berpanjangan maka bermakna pedagang-pedagang di Sarawak terutama sekali di ibu negeri — Kuching yang akan mendapat kerugian dan kerugiannya itu akan disalurkan kepada rakyat yang tidak berdosa. Kiranya tidak keberatan bagi Kementerian ini membesarkan lagi pelabuhan Kuching ini. Boleh jadi harga barang-barang dapat diturunkan sedikit kerana kapal-kapal tidak terpaksa menunggu begitu lama untuk mendapat gilirannya memungghah barang-barang.

Saya berharap Kerajaan akan mengambil perhatian yang serius dalam perkara ini. Biarlah saya beralih kepada B. 57, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pengurusan dan Pengendalian Lapanganterbang.

Perkara yang saya suka bawa di sini ialah mengenai pengurusan Lapanganterbang Kuching supaya dapat dibesarkan lagi bilik VIP di Lapanganterbang itu kerana kerap kali ada orang-orang kenamaan menggunakan bilik VIP ini sentiasa tidak mencukupi kerana kecil. Bukanlah maksud saya hendak membesarkan bilik VIP ini kerana di Sarawak banyak orang-orang VIP tetapi penghormatan yang kita beri kepada orang-orang kenamaan yang berulang alik di situ. Tempat letak keretapun adalah didapati terlalu kecil untuk menampung kereta-kereta kerana pada masa sekarang orang-orang menggunakan perhubungan pesawat ini makin bertambah dan penerbangannya pun makin bertambah juga. Oleh itu, kemajuan Lapanganterbang Kuching ini hendaklah sama dengan aliran kemajuan yang kita buat pada masa sekarang untuk masa hadapan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada Kepala B. 57, Butiran 2300, Perhubungan — Aktiviti (1) Pengurusan dan Pengendalian.

Bagi rakyat di Negeri Sarawak perhubungannya adalah dengan menggunakan kapalterbang dan jalan yang dekat kepada mereka ini dengan jalan penerbangan ekonomi antara Sarawak dan Semenanjung iaitu di Kuala Lumpur. Pada masa sekarang penerbangan ekonomi ini hanya diadakan tiga kali sahaja seminggu. Oleh kerana dengan adanya galakan dan penerbangan yang begitu luas maka banyak rakyat Semenanjung dan juga rakyat Sarawak begitu giat benar-benar hendak melawat antara satu sama lain. Maka jalan yang paling mereka ini gemari sekali ialah dengan menggunakan kapalterbang ekonomi, maka penerbangan ekonomi yang ada sekarang iaitu tiga kali seminggu hendaklah ditambah menjadi tujuh kali seminggu supaya banyak lagi lawatan dapat dibuat.

Penerbangan yang ada sekarang ini susah hendak dapat tempat duduk kerana masing-masing bergesa-gesa hendak membuat lawatan dengan tidak berlengah-lengah lagi. Saya harap penerbangan ekonomi ini yang banyak menfaat hendaklah ditambah menjadi setiap hari ke Sarawak dari Kuala Lumpur dan sebaliknya dan begitu juga penerbangan ekonomi antara Kuching dan Kota Kinabalu hendaklah dijadual dari sekarang. Cuma ini sahaja jalan untuk merapatkan perpaduan rakyat dalam negara kita, kerana dari Sarawak ke Semenanjung tidak mungkin kita menggunakan sampan atau motobot yang mengambil masa yang begitu panjang. Cuma dengan penerbangan ekonomi sahaja dapat menjalankan perhubungan persaudaraan antara rakyat kita di Malaysia Timur dengan Semenanjung.

Dengan ini saya sekali lagi menyokong bekal yang diminta oleh Kementerian Perhubungan.

5.50 ptg.

Tuan Farn Seong Than (Sungei Besi): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan di atas Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Perhubungan dan saya ingin menyentuh Kepala B. 56 di bawah tajuk Perkhidmatan Penerbangan Awam (Civil Aviation Services).

Tuan Pengerusi, satu daripada bukti kurang kecekapan yang nyata dan menjadikan perkhidmatan Kementerian ini ialah keselamatan di semua lapanganterbang kita di negara ini. Sebelum trajidi kapalterbang MAS yang berlaku akibat rampasan pada 4hb Disember tahun ini dekat dengan Johor Bahru. Pada 11hb November tepat 23 hari sebelum berlakunya trajidi udara ini yang menelan 100 nyawa di Tanjong Kupang Johor. Pada 4hb Disember tahun ini terdapat satu laporan muka hadapan akhbar Malay Mail yang berbunyi: "Let's make Subang Safer" berikutan dengan satu rancangan rampasan kapalterbang yang berlaku di Eropah di mana juruterbangnya telah dibunuh oleh perampas-

perampas itu menurut laporan akhbar Malay Mail itu. Syarikat-syarikat penerbangan di Subang mereka bimbang dan apa yang dikatakan sebagai lax security di Lapanganterbang itu. Jurucakap syarikat penerbangan telah memberi amaran bahawa Malaysia mestilahkan menunggu sehingga berlaku rampasan kapalterbang atau lain-lain perbuatan merompak barulah hendak mengemukakan undang-undang yang tetap memandangkan rampasan kapalterbang dan langkah keselamatan yang lebih ketat.

Tuan Pengerusi, saya minta izin quote sedikit daripada laporan Malay Mail itu.

Tuan Pengerusi: Berapa panjang?

Tuan Farn Seong Than: Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Sedikit tidak apa, tetapi termasuk dalam 10 minit yang diberikan kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Farn Seong Than: I quote: Malay Mail, Kuala Lumpur, Friday —

"Airlines operating out of Subang are concerned over what they described as lax security at the airport. Air industry spokesman said that Malaysia should not wait for hijackings and other acts of piracy to happen here before introducing stern anti-hijack laws and tighter airport security. 'It should be done now when we still have time,' said an airline official."

Pegawai-pegawai syarikat penerbangan juga menyatakan pendapat yang sama iaitu Malaysia tidak akan dapat bergantung kepada mana-mana negara kerana Malaysia tidak menjadi anggota keselamatan antarabangsa mengenai perampasan kapalterbang, oleh kerana mereka ini bertugas di syarikat penerbangan yang bertempat di negara asing. Mereka merasa mereka tidak patut memulakan sebarang tindakan untuk mengambil sebarang langkah keselamatan kerana ini adalah tanggungjawab pihak yang berkuasa lapanganterbang itu. Mereka juga berpendapat

bahawa alat mengesan besi atau metal detector untuk mengesan penumpang-penumpang yang membawa senjata di lounge tempat bertolak adalah tidak baik kerana alat yang digunakan adalah alat yang lama atau out-of-date dan cara untuk mengawasi atau screening penumpang-penumpang adalah tidak begitu berkesan.

Tuan Pengerusi, mereka mencadangkan pula supaya alat yang lebih sophisticated hendaklah dipasang untuk memeriksa barang muatan dalam bag tangan, brief cases atau menempatkan anjing yang terlatih. Satu desakan yang segera telah dibuat sementara masa masih ada, semua amaran dan cadangan ini seperti yang tertulis di akhbar Malay Mail itu yang telah sampai ke telinga yang tidak dengar tetapi telah tidak diendahkan oleh pihak yang berkuasa kerana dua hari kemudian iaitu pada 13hb November akhbar Sunday Mail melaporkan satu temuramah dengan Encik Abdul Rahim Kecut, Pengarah Keselamatan dan Kecemasan dari Jabatan Penerbangan Awam yang telah menafikan adanya lax security di lapanganterbang kita. Menurut laporan itu berbunyi: "We are ready for any hijacking" dia dengan megah mengaku bahawa Lapanganterbang kita mempunyai keselamatan lapanganterbang yang terbaik di kawasan ini. Dia juga turut menyatakan bahawa Malaysia mempunyai rancangan luar jangkanya yang tersendiri untuk mengatasi sebarang perampasan kapalterbang atau sebarang tindakan merompak. Encik Abdul Rahim Kecut seterusnya menyatakan bahawa Malaysia bersedia menghadapi sebarang kemungkinan seperti ini pada bila-bila masa. Adalah jelas sekarang apa yang dicakapkan oleh pegawai yang berkenaan itu semata-mata tidak benar atau dia tidak tahu apa yang dicakapnya.

Selepas trajidi udara yang menelan 100 nyawa orang yang tidak berdosa, termasuk bekas Menteri Pertanian kita, pegawai-pegawai kanan Kerajaan, ahli-ahli profesional dan lain-lain segala cadangan yang dibuat oleh

Persatuan Juruterbang Malaysia mengesahkan bahawa amaran dan cadangan yang dibuat oleh Persatuan Juruterbang Malaysia mengesahkan bahawa amaran dan cadangan yang dibuat oleh pegawai-pegawai penerbangan adalah benar seperti yang dilaporkan oleh Malay Mail pada 11hb November tahun ini. Malangnya, semua ini telah tidak diendahkan dan tidak ada sebarang langkah positif dari Kementerian ini untuk memperbaiki keadaan di Lapanganterbang Subang atau lain-lain Lapanganterbang di negara ini. Sikap endah tidak endah oleh pihak yang berkuasa yang berkenaan adalah bertanggungjawab atas trajidi ini, saya suka hendak menjelaskan bahawa kami dari DAP memandang bahawa Yang Berhormat Menteri adalah bertanggungjawab dan kami ingin menyatakan rasa tidak puas hati kami terhadap sikap yang begini dan kekurangan disiplin di kebanyakan Jabatan Kerajaan. Kekurangan disiplin yang nyata di kebanyakan Jabatan Kerajaan adalah bertanggungjawab atas taraf perkhidmatan di kebanyakan jentera Kerajaan. Sudah sampai masanya.....

Tuan Pengerusi: Masa sudah sampai!

Tuan Farn Seong Than: Sedikit sahaja — dua perenggan lagi.

Tuan Pengerusi: Semua hendak minta, dua perenggan pun sudah jadi panjang — cukuplah itu.

Tuan Farn Seong Than: Sedikit sahaja. Sudah sampai masanya.....

Tuan Pengerusi: Ya, sudah sampai masanya! (*Ketawa*)

Tuan Farn Seong Than: Terima kasih.

6.00 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, saya sokong peruntukan Kementerian yang berkenaan, Kepala P. 55 berkenaan dengan Keretapi Tanah Melayu.

Saya mengucapkan terima kasih kerana banyak perubahan dan peruntukan untuk membaiki Keretapi Tanah Melayu, di samping itu saya berharap kerana Keretapi Tanah Melayu saya dapati hari ini bukan lagi anak tiri kami di bahagian utara tetapi bagi pihak utara ini banyak ketinggalan. Jadi saya berharap apa yang dapat di pihak sebelah selatan seperti Keretapi Diesel, Keretapi Ekspres Rakyat dan sebagainya hendaklah juga diberi keistimewaan kepada utara Malaysia.

Dalam bahagian ini, Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam Butiran 26 — Rumah-rumah. Saya ucapkan terima kasih juga kerana peruntukan ini ditambah daripada \$500,000 kalau tidak silap saya kepada \$3 juta untuk membina rumah-rumah.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Saya faham rumah-rumah ini adalah rumah-rumah untuk pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai. Didapati rumah-rumah ini boleh dikatakan kesemuanya rumah-rumah yang dibina sebelum daripada perang dahulu, bermakna masa pemerintah Inggeris lagi, jadi tidak bersesuaian sangatlah dengan kedudukan masa hari ini. Jadi tidaklah begitu pelik kalau kita kata pekerja-pekerja keretapi ada setengahnya yang sanggup cuai kerana keistimewaan pun kita beri kepada mereka tidak begitu mendapat setaraf ataupun setanding dengan pekerja-pekerja di tempat lain. Saya berharap sangat kepada Kementerian yang berkenaan tentang perumahan ini secepat-cepatnya dibuat dan apa yang kita tulis ini kita dapat laksanakan. Kalau boleh dengan \$5 juta ini sampai tahun 1980 seboleh-bolehnya dibuat dalam tahun ini juga, iaitu tahun 1978 dan 1979, tidak usahlah sampai tahun 1980.

Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam Kepala B. 56, muka surat 410. Apa yang dicakapkan oleh saudara-saudara saya tadi saya amatlah sokong berkenaan penerbangan

awam. Ajal dan maut di tangan Tuhan tetapi satu benda itu tidak jadi kalau tidak bersebab tetapi saya tidak bersetuju kalau kerana kapalterbang jatuh, motokar terbalik, orang tidak lulus pelajaran — Menteri kena berhenti. Kalau dalam perhubungan, kapalterbangkah, keretapi tergelincir — Menteri kena berhenti, ini jarang hendak cari Menteri yang tidak kena berhenti, begitu juga kalau dalam kerjanya, motokar terbalik, hendak kata jalan tidak baik, hendak suruh pula Menteri Kerjaraya berhenti, kalau dalam pelajaran boleh jadi seorang dua murid tidak lulus — suruh Menteri Pelajaran berhenti. Ini kerja tidak menasabah, saya tidak bersetuju tetapi walau macam manapun, tiap-tiap satu kejadian tentulah ada sebab-musababnya. Kita sebagai manusia apa yang telah jadi itu kita faham tentulah ada sebab-musabab. Memperbaiki dan mengawasi betul-betul di lapanganterbang ini saya harap sangat kerana saya sendiri biasa dapat ada setengah pengawas-pengawas di lapanganterbang saya sendiri pun tidak mengerti benda-benda yang dibubuh di baju dan saya dapati juga ada setengahnya tidak diambil test, adakah orang ini menasabah atau tidak atau samada boleh atau tidak boleh masuk. Saya berharap benda ini kita mana tahu musang berbulu ayam, jangan disangka air yang jernih itu tidak ada buaya. Kita harap dengan kejadian macam ini awasi tiap-tiap detik, jangan jadi tahun 1975 lepas itu kita agak lapang sekali kita buat lega balik — jangan, biar tiap-tiap detik kita berwaspada — itu harapan saya. Tentang apa yang jadi itu apa hendak buat, ajal dan maut di tangan Tuhan tetapi saya tegaskan sekali lagi tentulah ini bersebab.

Tuan Pengerusi, saya berharap sangat berkenaan bahagian peminjaman kepada penerbangan awam ini kalau boleh, bukanlah untuk Perlis, Perlis saya tidak suruh buat kerana negeri kecil, di lapanganterbang utara terutama di Alor Setar diperbesarlah sedikit supaya janganlah untuk kapalterbang-kapal-terbang yang kecil seperti Fokker dan sebagainya, biarlah kapalterbang yang besar juga boleh mendarat di Lapanganterbang Kepala

Batas, Alor Setar supaya dapatlah naik dengan tidak payah lagi memakan masa sampai dua jam. Bagi orang di Perlis dan utara Kedah hendak naik kapalterbang terpaksa dua jam kalau hendak naik kapalterbang yang begitu selisa sedikit. Saya haraplah sudah sampailah masanya pihak utara pun patutlah diadakan lapanganterbang yang sesuai seperti saya kata tadi untuk dapat mendarat sebarang kapalterbang.

Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam Kepala B. 61, muka surat 440 berkenaan dengan Perkhidmatan Pos. Saya berpendapat pakaian kakitangan Pejabat Pos ini patut diubah sedikit dan rambut mereka itupun jangan terlampau panjang sampai tak nampak telinga, kadang-kadang mereka tidak dengar dan tidak tahu. Jadi patutlah ada cara special sedikit mengikut keadaan zaman, itu satu saya minta. Yang kedua, saya minta juga dalam Pejabat Pos ini kalau tidak ada orang kita khabar tidak ada, jangan orang hantar wang melalui Money Order dan sebagainya kadang-kadang Pejabat Pos tidak cukup wang, terpaksa hendak pergi ambil di bank pula. Jadi terpaksa orang yang dapat kiriman itu kena tunggu sehari ataupun dua hari baru boleh ambil. Jadi kita buatlah tegas, kalau betul-betul kita tidak cukup wang kerana kurang security — wang ini cukup, kalau kurang security kita agak tidak berani sanggup, kita khabar kata tidak boleh sanggup.

Satu perkara lagi mengenai Pejabat Pos ini, Tuan Pengerusi, tentang surat ekspres. Mana ekspres ini lompat, sampai cepat tetapi kadang-kadang lambat juga. Perkara inipun saya berharap buat kalau kita maksudkan ekspres, ekspres betul-betul, jangan ekspres macam tak ekspres, jadi tak ada bererti apa yang dikatakan ekspres.

Tuan Pengerusi, saya bercakap Kepala B. 62, muka surat 446 berkenaan dengan Talikom. Talikom ini ada dua tiga perkara, satu tentang pentadbiran talikom, tentang

tipu talikom, ada jenis pusing pula yang tidak payah kena duit. Jadi saya tidak mahulah ceritakan di sini, ini surat orang itu beri kepada saya, saya hendak baca pun tidak sempat, saudara saya dalam Dewan tadi tak ada masa, dia suruh saya baca, dia ada sedangkan Pegawai Talikom sendiri nampak. Ini saya berharap kalau hendak tengok, tengok di luarlah, ini saya beri masa kerana dalam Dewan masa cukup singkat untuk kebaikan kita bersama. Ada setengah orang ajar pusing talipon ini cara tipu Kerajaan. Jadi saya harap benda ini patut diawasi betul-betul. Yang satu lagi dalam soal talikom ini ada sejenis lanun Talikom, bukan kata lanun di dalam laut sahaja, di dalam Talikom pun ada lanun.

Tuan Pengerusi: Ada apa?

Tuan Shaari bin Jusoh: Lanun Talikom. Makna lanun ini penjahat talikom. Kalau di laut orang kata lanun laut, pencuri dalam laut tetapi dalam talikom inipun ada lanun — pencuri, perompak.

Tuan Pengerusi: Lanun! Fahamlah (*Ke tawa*).

Tuan Shaari bin Jusoh: Yalah, saya kata lanun. Tuan Pengerusi, yang dikatakan lanun Talikom ini pencuri masa kita bercakap. Kadang-kadang pihak Talikom ini sendiri bila kita bercakap dia tidak sambung ke lain, dia suruh kita tunggu, sambil kita pegang talipon ada manusia lain pula yang pergi cucuk dia ambil kesempatan itu, jadi pandai sangat dalam Talikom ini. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan awasilah betul-betul perkara ini.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya bercakap dengan cara ringkas mengenai Operator Talikom. Kalau hendak marah pun berasa pelik, tidak hendak marah pun benda ini betul. Dia bercakap kita pun bercakap juga, inipun bercakap juga. Masa kita minta kadang-kadang yang terutama sekali pelik saya hendak cakap tetapi terpaksa saya

bercakap jenis hawa ini bila kita minta satu-satu panggilan cukup lengah, leceh dan acuh tak acuh sehingga dalam Bangunan Parlimen kita inipun saya tidak pernah pilih hamba Allah Operator Talipon dalam Parlimen ini, saya minta maaf yang satu itu bernama "Din"; yang satu lagi nama apa saya tidak tahu. Yang saya tahu seorang suara lelaki dan seorang suara perempuan. Kalau diminta kepada suara laki-laki — sedap perut saya; saya kata sekejap lagi jawapan itu aku tetap dapat tetapi kalau yang perempuan itu 80% jarang-jarang sangat hendak dapat cepat. Kalau-kalaulah saya kata saya ini kurang ataupun kerana Shaari ini kerap bercakap, saya bertanya kepada beberapa orang kawan-kawan saya lagi mengiakan apa yang saya kata. Jadi bukanlah sahaja dalam Parlimen, di luar Parlimen, di mana-mana pun begitu juga halnya. Saya berharaplah Kementerian-kementerian yang berkenaan tolong beri kursus kepada operator ini. Apa erti kita hendak cakap melalui talipon kalau hendak bercakap itupun lambat, baik kita pergi dengan motokar dan sebagainya, guna talipon hendak digunakan secepat-cepat yang boleh, seboleh-bolehnya 5 minit dapat berhubung. Kalau sampai berjam, acuh tak acuh, kadangkadangkad ada benda yang penting, orang accident, kalau sudah biasa macam itu maka begitulah keadaannya dan ada setengahnya dia hendak ambil suara siapa yang bercakap. Jadi benda ini untuk kepentingan orang ramai, maka diharaplah Kementerian yang berkenaan ambil perhatian yang sungguh-sungguh.

Akhirnya, saya menyokong peruntukan yang diminta.

6.10 ptg.

Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah (Silam): Tuan Pengerusi, saya bangun turut menyokong peruntukan yang dipohon untuk Kementerian Perhubungan yang dibawa oleh Menteri bagi Kementerian ini. Pertama sekali saya suka menyentuh muka surat 416, Kepala P. 57, Projek 37 —

Memperbaiki Lapanganterbang Kudat dan Tawau.

Tuan Pengerusi, MAS telah berjanji kepada rakyat di Sabah untuk mendarat pesawat Boeing 737nya ke Tawau pada bulan April 1977 tetapi rancangan tersebut terpaksa dibatalkan oleh kerana Lapanganterbang di Tawau tidak mengizinkan untuk pesawat Boeing 737 ini mendarat. Mengikut berita yang boleh dipercayai bahawa landasan di Tawau harus dipanjangkan lagi untuk membolehkan Boeing 737 mendarat, tetapi rancangan tujuan Kerajaan hendak memanjangkan landasan itu mungkin memakan masa yang panjang 4 atau 5 tahun. Perkembangan Sosial dan Perdagangan bergiat sangat dan bertambah pesat di Tawau sekarang dan didapati rakyat kita menggunakan penerbangan meningkat tinggi dan ramai. Dengan keadaan yang demikian penerbangan MAS ke Tawau sering kali tidak mampu mengatasi perkara ini. Ini adalah kerana sebab MAS tidak boleh mendaratkan di Lapanganterbang Tawau selepas pukul 6 petang. Ada satu perkara yang saya suka syorkan di sini sebagai mengatasi kesulitan ini, saya mencadangkan supaya Kerajaan melengkapkan Lapanganterbang Tawau dengan sistem memasang lampu di landasan atau alat-alat bagi membolehkan pesawat MAS seperti Fokker 27 mendarat di waktu malam. Sekiranya penerbangan MAS Fokker boleh mendapat di waktu malam, maka saya percaya keadaan sekarang akan dapat diatasi dan saya berharap supaya perkara ini dibuat dengan segera.

Perkara kedua saya suka menyentuh di muka surat 440, Kod 1100, Aktiviti (1) — Bahagian Pentadbiran Am dan Perkhidmatan Pengurusan. Apa yang rakyat Sabah merasa musykil sekarang tentang perkhidmatan ini, ialah apabila mengirim barang-barang dari Semenanjung. Memang Kerajaan galakkan trading yang begini tetapi Perkhidmatan Pos yang dikatakan tip-top itu sudah menjadi terbalik. Barang-barang yang dihantar kapal

laut sudah sampai ke pelabuhan yang ditujukan tetapi dokumennya yang dihantar melalui Pos Udara serta dengan Ekspres belum sampai lagi dan ini menimbulkan kekeliruan tentang Perkhidmatan Pos. Dan ada pula terjadi surat-surat yang dihantar dengan Pos Berdaftar hilang dan apabila dibuat aduan, diberitahu jalan-jalan yang susah untuk mengklaim surat mustahak yang berdaftar itu. Itulah saya harap dengan adanya Menteri yang bekerja keras, melawat sana-sini untuk memperbaiki pentadbiran dan pengurusan ini, jangan lupa kepada orang-orang yang berjauhan, susah dengan segala perhubungan, hendaklah hubungan surat-menyurat ini diberi keutamaan, kalau tidak mereka ini akan hampa hidup mereka — hendak menikmati Perkhidmatan Pos yang lebih baik sedikit daripada masa lalu, mereka diabaikan. Kalau kita kirim surat ekspres daripada Tawau ke Kuala Lumpur akan mengambil masa 4—5 hari, ini dikatakan ekspres ala-Malaysia. Kalau tidak dengan menggunakan perkhidmatan ekspres ada cepat sedikit atau kebanyakannya sama harinya. Jadi di manakah rakyat hendak meletakkan kepercayaan perkhidmatan tip-top pejabat pos kita, bukan sahaja di Sabah, bahkan di seluruh Malaysia kita ini.

Tuan Pengerusi, saya suka beralih muka surat 444, projek 31 — Pejabat Pos dan Rumah-rumah Kediaman. Saya suka membawa perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, berkenaan dengan rumah pejabat pos di Semporna yang sudah uzur dan tua benar, sepatutnya sudah sampai masanya, setelah kita merdeka hampir 20 tahun, diganti dengan bangunan baru dan nampaknya tidak sesuai dengan keadaan masa sekarang. Kalau tidak silap saya bangunan pejabat pos itu dibawa masa Sherlock Holmes dahulu dan perhatian yang berat patutlah diberi kepada negeri-negeri yang baru hendak membangun, jangan dikira di Semenanjung sahaja, di sana pun berkehendakkan post office modern, rakyat di sana juga tidak kurang lebihnya dari sini, membayar income tax yang serupa tidak satu sen pun dikurangkan dari apa yang

dibayar di sebelah sini, bayaran setem pun serupa juga, mengapa pula Perkhidmatan Pos di sebelah sana kurang diambil berat.

Mengenai muka surat 446, Bekalan 62 — Perkhidmatan Talikom. Kita akuilah bahawa Jabatan ini telah memainkan peranan penting dalam menjalankan hubungan rapat dan dapat bertutur antara satu dengan lain, yang jauh boleh didekatkan. Apa yang saya suka bangkitkan di sini ialah Jabatan ini berjalan tidak mengikut kemajuan, kebanyakannya ditumpukan di bandar-bandar besar sahaja. Kalau di Kuala Lumpur Jabatan ini mengorek jalan, menanam cable sehingga tidak terkambus lagi dan membuat abuk berterbangan dan lobang di sana sini dan menjadikan Kuala Lumpur ini kota abuk (pollution). Di luar bandar perkara kemajuan ini diabaikan sama sekali oleh Jabatan ini. Saya suka membawa pandangan keadaan di Kunak, perkhidmatan taliponnya hanya dapat digunakan dari jam 9 pagi hingga jam 9 malam sahaja, lepas itu perkhidmatannya dimatikan hinggalah ke esok harinya. Saya fikir Kementerian ini dalam merencanakan kemajuan, rakyat yang berjauhan ini sengaja ditinggalkan, biar jahanamlah mereka. Tetapi sebaliknya tiap-tiap kali Kerajaan membuat kenyataan, semuanya best in this region, everything best, sehinggakan rakyat kita di Kunak itu terlupa sama sekali. Saya harap dengan adanya perkara yang saya bawa ini Kerajaan akan ambil tindakan memperbaiki perkhidmatan talipon di Kunak itu.

Satu lagi di Daerah Semporna cuma ada 6 lines sahaja untuk keluar dan masuk perkhidmatan talipon di sana. Adakah Kerajaan sedar bahawa keadaan rakyat, dagang dan kegunaan talipon sudah meningkat dari semasa ke semasa. Cuma dibekalkan 6 lines sahaja untuk rakyat Semporna yang berpuluh ribu itu menikmati, yang lain cuma seperti intercom sahaja, cuma boleh bercakap dalam Daerah Semporna. Kementerian ini tentu sedar bahawa Kerajaan telah menyediakan kemudahan dial terus, tetapi kegunaan line untuk keluar tidak bertambah, begitu

juga semenjak kita merdeka. Tidakkah disadari dengan adanya kemudahan dial terus ini telah menambahkan kegunaan talipon keluar dan masuk dari Semporna terutama sekali kaum-kaum dagang kita yang kian bertambah dewasa ini?

Yang akhir sekali berkenaan dengan talipon ini, apa yang kita semua harapkan sistem dial terus antara semua negeri dalam Malaysia kita ini patut dirancangkan dan pada hari ini didapati kita boleh mendial terus dengan negara yang bukan dalam Malaysia tetapi di antara negeri-negeri dalam negara kita, kita terpaksa melalui international dan ini boleh melemahkan semangat perjuangan asas kita. Sistem mendial terus antara negeri-negeri dalam Malaysia ini patut digalakkan supaya jurang perbezaan yang besar antara Malaysia Semenanjung dengan negeri Sabah dan Sarawak dapat dirapatkan melalui perhubungan talipon ini.

6.17 ptg.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Pengerusi, saya turut menyokong perbelanjaan kepada Kementerian Perhubungan yang diperuntukkan bagi tahun 1978 dan mengucapkan tahniah dan terima kasih di atas langkah-langkah, usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian ini dengan baiknya yang membaikkan nama baik negara dan memberi kemudahan kepada orang ramai di seluruh negara kita ini.

Walaupun baru-baru ini kejadian kapal-terbang telah dibangkit-bangkitkan sebagaimana sahabat saya dari Kangar tadi menyatakan kemalangan-kemalangan ini adalah di tangan Tuhan. Tetapi sebagai ikhtiar pada masa yang akan datang rasa saya Kementerian ini tidak akan berdiam diri dari mengawal serta menjaga dengan sebaik-baiknya. Bagi pihak parti Pembangkang memang adalah, mereka membangkang, menunggu kelemahan-kelemahan yang dijadikan oleh Tuhan — kalau pokok itu sudah jatuh kura-kura pun boleh meniti, kata orang tua-tua.

Saya hendak membangkitkan B. 62 dan P. 62 Maksud Bekalan daripada Jabatan Talikom. Saya hendak sentuh daripada satu Kepala berkenaan Talikom iaitu berkenaan Talikom kita ini nampaknya sistemnya berubah-ubah. Belum habis satu sistem, satu sistem datang tetapi keadaan lebih teruk lagi. Kalau hendak bercakap daripada Kuala Lumpur ke Petaling Jaya lebih baik kita ambil kereta pergi dahulu. Fasal apa? Lambat sangat. Jadi kita sebagai pelanggan yang rasa siksa hendak menunggukan Talikom ini.

Lagi satu kalau kita bertanya — bagaimana kata sahabat saya tadi kepada Operator. Operator inipun kasar-kasar belaka. Maklumlah bila hendak minta kerja lembek tengku mereka. Sudah dapat, Oh! busy — sibuk, ada orang bila kita tanya sudah. Buat kata sahabat saya kalau kemalangan, kalau kematian. Dia bukan nampak Wakil Rakyatkah, polisakah. Dia tidak peduli. Oh! busy, busy. Inilah perkataan-perkataan yang dikeluarkan. Kadang-kadang dia lebih seronok beromen lagi dengan talipon daripada orang hendak minta call itu. Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh juga Jabatan Talikom yang mana kalau kita bercakap ke Pantai Timur bila hujan sedikit tak boleh bercakap lagi. Saya teringat kepada pengaduan seorang sahabat saya beberapa minggu lalu berkenaan Talikom ini, bila hendak memasang talipon ini menunggu beberapa tahun, alasannya alat-alat tak cukup, dalam order lagi dan sebagainya. Tetapi kalau rosak, bukan main lambat untuk dibaiki tetapi kalau tak bayar bil dalam tempoh 14 hari hendak dipotong, akhirnya sebagaimana kata Timbalan Menteri menyatakan kalau sekian hari lewat diberi arahan supaya dipotong talipon itu sehingga hendak dibawa ke mahkamah tetapi kalau lambat pemasangan tidak dibawa ke mahkamah. Saya rasa perkara ini tidak seimbang dan selari tindakannya.

Tuan Pengerusi, saya rasa kalau Talikom dijadikan macam LLN atau Lembaga kita katakan Lembaga Talikom Negara (LTN), mungkin kita tak susah sebagaimana dengan

Kerajaan kita hendak menunggu General Orders, Financial Order, arahan Menteri dan sebagainya. Tubuhkan LTN, saya percaya akan berjalan dengan cekap. Kalau ada kerosakan talipon kita hentam Lembaga ini. Sebab itulah saya syorkan supaya ditubuhkan LTN. Saya tidak hendak bercakap panjang dan saya harap rumah pekerja-pekerja Talikom di bawah Kementerian ini seperti kata sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kangar tadi berkenaan rumah-rumah Talikom tolonglah tengok sedikit, kerana didapati di situlah hall, tempat makan, tempat tidur dan anak-anak diletak ke tepi sahaja. Inilah patut kita perhatikan dengan sungguh-sungguh untuk tahun 1978 peruntukannya kita berilah supaya dapat membaiki rumah-rumah untuk Talikom yang begitu buruk, begitu kecil dan didirikan semasa penjajah dahulu.

Selain dari itu bekalan pondok-pondok talipon ke kampung-kampung atau desa yang jauh dari bandar, eloklah disertakan atau diberi tambahan pula jalanraya kita sudah molek maka kalau talipon kita sudah molek, maka negara kita bolehlah dikatakan negara yang sedang membangun dan berkemajuan.

Akhirnya, saya menyokong peruntukan Kementerian Perhubungan ini bagi maksud perbelanjaan tahun 1978 dan mengucapkan tahniah dan terima kasih.

6.24 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perhubungan. Terlebih dahulu saya menyentuh muka surat 440, Kepala B. 61, Kod 1100, Aktiviti (1), (2), (3) dan (6). Saya ucapkan terima kasih di atas usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian ini bagi memudahkan orang ramai. Di samping itu urusan biasa ada terdapat Pegawai-pegawai Pos yang memberikan khidmat ada yang menjadi penulis borang-borang yang disediakan, jadi pula terlalu

sibuk kadang-kadang pegawai itu boleh jadi tidak sempat makan. Kejadian ini ada berlaku terutama sekali di pusat-pusat bandar yang mana pegawai dan kakitangannya kurang. Bagi Pegawai-pegawai Pos di luar bandar yang mana ada ditempatkan seorang sahaja rasanya patutlah dipinda waktu mereka itu bekerja kerana pada hari Sabtu misalnya patutlah disamakan khidmatnya dengan Jabatan lain, tamatkan sahaja pukul satu tengahari. Jadi itulah saguhati kepada Pegawai Pos yang seorang sahaja di luar bandar.

Pada tempat-tempatnya yang sibuk patut juga ditambah pegawai seperti apa yang terjadi di pusat pengajian tinggi yang mana kakitangan di situ 2,000 orang dan pelajar-pelajar 7,000 — 10,000 seperti yang terdapat di ITM ataupun di mana-mana juga pusat pengajian tinggi kerana pegawai yang menguruskan itu kadang-kadang tak sempat hendak bergeler-geler hendak pergi makan. Di samping itu juga pihak perkhidmatan pos patutlah memberi bekalan kepada pejabat-pejabat untuk kegunaan orang ramai semasa membuat urusan seperti gam, pengesat kertas dan selain daripada itu bekalan wang yang cukup kerana ada terdapat pejabat pos itu tak ada orang menyimpan wang. Jadi bila datang sahaja kiriman wang juga tak ada wang yang hendak dikeluarkan oleh pejabat pos. Tambahan pula baru-baru ini telah diisytiharkan kepada orang ramai tidak digalakkan lagi mengirim wang melalui surat berdaftar kerana dikuatirkan hilang dan merugikan pihak-pihak pengirim dan pihak penerima. Atas kesedaran Kementerian berkenaan kerana penyelewengan atau kecurangan kakitangan yang membuat jenayah itu patutlah dapat pujian.

Selain dari itu, saya sukalah menyatakan bahawa beberapa jawatan di dalam perkhidmatan pos banyak yang kosong tetapi dipangku sahaja oleh beberapa pegawai tertentu. Jawatan itu dipangku ada yang memakan masa 1 — 4 tahun. Sukalah saya cadangkan supaya jawatan pemangku itu diberi tugas, jangan tunggu supaya pegawai

itu memberikan perkhidmatannya yang betul-betul di dalam jabatan itu. Janganlah amalkan lagi memangku jawatan itu.

Saya dapati pada masa ini beberapa wakil pos telah dan sedang akan ditubuhkan tetapi posmen tidak ditambah. Oleh itu, saya suka cadangkan di mana juga ada pejabat atau wakil pos dibuka, sediakanlah seorang posman supaya surat-surat dapat disampaikan dengan seberapa segera dan dapat sampai ke alamat yang sebenarnya, tidaklah ditinggal di kepala parit, di kedai kopi ataupun di mana-mana juga melalui kiriman orang-orang yang tidak bertanggungjawab kerana dikuatirkan ada surat-surat daripada pejabat-pejabat yang dihantar kepada orang-orang berkenaan ataupun surat-surat untuk memanggil temuduga mendapat tawaran pekerjaan dan sebagainya kepada pelajar-pelajar yang baru lepas sekolah, surat-surat itu selalu lambat sampai dan orang yang tidak bertanggungjawab itu campakkan surat itu. Maka tawaran untuk menerima pekerjaan itu terlepas.

Baru-baru ini telahpun dibangkitkan supaya seorang posman dapat diadakan bagi satu kawasan yang baru dibuka iaitu Perak Tengah untuk menyampaikan surat-surat di kawasan Rancangan Tanah Seberang Perak dan telah dibawa di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah Perak Tengah tetapi Ketua Pos Daerah itu mengatakan peruntukan untuk mengadakan posman itu tak ada, cuma beliau sanggup bolehlah diberi wang sakuhati \$20 sebulan. Pada pandangan saya kalau \$20 sebulan hendak beli sabun pun tak cukup. Sebab pakaian hendak dibasuh, perjalanan sehari 7 batu, oleh itu saya sukalah cadangkan supaya diperuntukkan seorang posman ke kawasan itu kerana bilangan penduduk di sekitarnya adalah telah bertambah dari semasa ke semasa. Di samping itu juga tugas di Pejabat Pos yang besar pada masa ini mengikut pandangan saya telah bertambah, kerana pada masa yang lalu urusan simpanan wang adalah dibuat oleh Pejabat Pos tetapi sekarang ini telah ada pula satu badan hendak menambahkan simpanan wang iaitu Bank

Simpanan Nasional. Dengan adanya ini cara memasukkan dan mengeluarkan wang adalah mengikut satu cara yang baharu, menulis borang dan dengan demikian saya rasa kalau di luar-luar bandar ini yang menulis borang itu Ketua Pos atau Pegawai Pos di satu-satu tempat itu. Saya suka mencadangkan di mana juga tempat-tempat yang sibuk supaya seorang pegawai ataupun sesiapa yang menguruskan Bahagian Bank Simpanan Nasional ini ditentukan di mana-mana Pejabat Pos yang banyak urusan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala P. 61, muka surat 444, Butiran 1 yakni berhubung dengan Pejabat Pos dan Rumah-rumah Kediaman. Saya telahpun membangkitkan di Dewan yang mulia ini beberapa kali berhubung dengan kesukaran yang berlaku di kawasan saya terutama sekali di Kampung Gajah. Pada tempat-tempat yang lain selalunya untuk mendapatkan tapak ini adalah sukar tetapi di Kampung Gajah ini mengikut fahaman saya telahpun diluluskan pada tahun 1973 tetapi hingga hari ini belum lagi nampaknya ada ura-ura atau tanda bahawa Pejabat Pos ini akan didirikan. Oleh itu untuk makluman Yang Berhormat Menteri kawasan ini di sekelilingnya ada sebuah Pejabat Daerah Kecil. Segala urusan menyimpan wang dan sebagainya daripada kawasan ini mereka akan pergi ke Parit atau Telok Anson. Di atas kesukaran ini saya rasa dapat pihak Yang Berhormat Menteri menimbangkan seberapa segera yang boleh kerana di samping memberi perkhidmatan kepada orang ramai, boleh menggalakkan penduduk-penduduk di kawasan ini mengamalkan jimat cermat dengan mengadakan simpanan wang di Pejabat Pos yang akan dibuka nanti.

Dengan itu saya akhiri menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perhubungan ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas yang akhir, kemudian saya akan menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.33 ptg.

Tuan Mohd. Sovie bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, saya cuma hendak menegur satu dua perkara. Pertama ialah berkenaan dengan buku panduan talipon (telephone directory). Ini bukan perkara baharu, perkara yang saya selalu sebut dalam perbahasan di Dewan ini. Saya rasa keadaan panduan talipon yang terdapat hari ini tidak memuaskan dan amalan yang dibuat pada permulaan tahun ini membahagikan panduan talipon ini mengikut daerah-daerah tidak menguntungkan, tidak menjadi faedah kepada subscriber tetapi sebaliknya dilakukan semata-mata untuk keuntungan pihak peniaga pihak yang pada hari ini telah mendapat monopoly untuk mencetak dan mengeluarkan telephone directory ini.

Sungguhpun kita telah diberi janji bahawa apabila buku panduan talipon ini dibahagikan kepada beberapa kawasan dan diedarkan kepada pengguna-pengguna, saya tahu banyak sungutan di merata-rata negeri pengguna (subscriber) belum lagi menerima semua edisi (edition) regional buku-buku panduan talipon ini, kadang-kadang hendak cari nombor talipon kerana hendak talipon ke Ipoh atau ke Kedah tidak dapat atau hendak talipon ke Johor pun tidak dapat buku panduan talipon yang ada di rumah kita cuma untuk kawasan tengah. Entahlah samada Pejabat Talikom sudah siap atau sudah edarkan barangkali orang ramai tidak tahu tetapi sungutan orang ramai rata-rata tidak puas hati terhadap perbuatan yang telah dilakukan untuk memecahkan telephone directory ini menjadi tiga, empat, lima yang telah dilakukan. Saya ulangkan semata-mata untuk membolehkan syarikat luar negeri (foreign company) mengeksploitkan lagi, menduitkan lebih semata-mata supaya dapat kutipan iklan dan sebagainya seperti Yellow Pages itu dan bukan untuk kepentingan, kesenangan (benefit) subscribers. Dengan rayuan atas nama rakyat saya suka membuat rayuan kepada pihak yang berkuasa mengulangkaji balik kepada yang asal iaitu supaya mengadakan satu telephone

directory yang dapat dipakai keseluruhannya termasuk Sabah dan Sarawak. Tidak perlu asingkan Sabah dan tidak perlu asingkan Sarawak dan tidak perlu asingkan Semenanjung. Bilangan talipon yang terdapat dalam negeri ini pada hari ini tidak begitu banyak dan boleh diisi dalam satu buku yang lengkap. Kalau kerana hendak mencari duit, mahu mendapat keuntungan yang lebih, mahu menambahkan pula beribu-ribu helai "Yellow Pages", itu perkara lain iaitu perkara perdagangan, bukan perkara convenience ataupun kegunaan kepada pengguna. Saya harap maksud saya ini terang iaitu bilangan talipon yang terdapat di negeri ini tidak begitu banyak, boleh lengkap masuk dalam satu volume telephone directory itu. Tetapi sekiranya hendak dipecah-pecahkan jadi beberapa volume asalkan volume-volume ini dibekal secukupnya dan sempurna untuk semua, jangan macam keadaan yang terdapat pada hari ini.

Kedua saya ulang juga bertanya seperti saya biasa bertanya dahulu, kenapa kita mesti terus mengekalkan monopoli yang terdapat pada hari ini yang satu komparti dagang luar negeri (foreign company) diberi monopoli mencetak buku panduan talipon kita. Ini menunjukkan kita tidak mempunyai maruah. Saya tidak percaya yang syarikat anak negeri tidak berkemampuan untuk menjalankan kerja untuk mencetak dan mengeluarkan telephone directory ini. Saya tidak tahu setakat mana kita terikat. Perjanjian atau kontrak apakah yang mengikat kita? Tetapi kalau kita dapat membebaskan dan memerdekakan kita daripada ikatan kontrak yang terdapat supaya buku panduan talipon ini boleh dikeluarkan dengan tenaga anak negeri sendiri, diusahakan oleh syarikat anak negeri sendiri dan syarikat yang luar negeri ini diminta pulang sahaja ke tempat mereka. Ini bukan anti-foreign tetapi saya menganggap sebagai satu penghinaan tentang ability anak negeri menjalankan kerja yang begitu senang. Dia menjejaskan kebanggaan kita, sentimen kita, tambahan pula dia hendak memperbodohkan kita dan dari masa ke semasa menambahkan bilangan

pengguna iaitu kita sebagai anak-anak negeri demi kepentingan dan keuntungan dia sendiri sahaja.

Satu perkara lagi yang saya suka tegur ialah berkenaan dengan Perkhidmatan Kotak-kotak Surat (Post Box Service). Ini saya telah terima banyak sungutan daripada orang ramai di merata tempat, boleh dikatakan tiap-tiap bandar setiap-tiap post office orang pergi minta post box dan selalu dikatakan tidak ada.

Saya rasa perkhidmatan post box ini bukan sahaja dari perkhidmatan orang ramai memang diiktiraf akan tetapi dari segi hasil (income/revenue) kepada perkhidmatan pos juga patut diperhatikan. Saya rasa kalau ada demand dan ternyata ada demandnya tetapi kalau pihak pentadbiran pos tidak dapat menemui permintaan ini, tidak boleh melengkapkan, tidak boleh tambah bilangan post box, ini juga menjadi satu halangan kepada kemajuan yang kita perlukan. Kita hantar rombongan keluar negeri minta orang datang melaburkan (investment) di sini, bila datang syarikat itu minta post box tidak ada, tidak cukup post box. Ini saya rasa daripada timbangan asas, daripada perkara yang kecil semacam inipun menunjukkan barangkali kita mesti membaiki segala basic service macam ini.

Begitu juga talipon. Banyak orang yang datang melaburkan modal, banyak orang luar negeri yang datang hendak bentuk rumah tetapi di merata-rata tempat tidak dapat talipon samada untuk perniagaannya, untuk kediamannya atau untuk perhubungan biasa. Saya rasa untuk kemajuan negara kita ini, kita cuba seberapa boleh. Saya tahu kita telah mewarisi atau keadaan dahulu di mana barangkali tidak dapat kita atasi tetapi kita cuba beri priority kepada tempat-tempat yang kena pada tempatnya dan kalau kita terpaksa menyatukan bilangan lain yang kita sediakan, cara-cara priority itu patutlah ditimbang dari segi kepentingan nasional, dari segi kepentingan negara, dari segi kepentingan

tujuan-tujuan yang kita kerjakan dan yang tidak begitu perlu, yang tidak begitu penting patut dikemudiankan. Pihak-pihak yang memerlukan mestilah diberi keutamaan supaya mengelakkan mereka yang mahu menjalankan kemajuan ini dapat memajukan selaras dengan tujuan kita.

Saya tegur ini bukanlah dengan maksud ataupun kerana saya tidak anggap kerja segala jabatan itu adalah baik. Pendeknya yang saya tidak tegur itu banyak yang baik belaka, semuanya betul. Saya pilih satu dua perkara yang saya titikberatkan bukan sebagai general criticism tetapi bila saya tidak bangkitkan perkara lain menunjukkan dari segi lain itu nampaknya di Kementerian ini sudah baik dan saya harap akan terus menjalankan khidmatnya dengan cemerlang dan lebih lagi.

6.45 ptg.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan dan idea-idea yang constructive. Saya mengambil peluang di sini menerangkan beberapa masalah dan juga menjawab beberapa soalan yang dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Pertama, saya hendak menjawab atas beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor. Ahli Yang Berhormat itu berkata ada orang dari luar negeri iaitu jurutera daripada Australia dan East Africa yang tidak ada mempunyai cukup pengalaman ataupun tidak mempunyai lesen diberi kerja di sini. Itu tidaklah benar. Mereka semua diperiksa oleh Pegawai Jabatan Penerbangan Awam dan diberi lesen. Mereka mesti ada kebolehan dan juga ada pengalaman baharulah boleh mendapat lesen. Jika Ahli Yang Berhormat boleh memberi saya nama-nama ataupun butir-butir itu kepada pejabat saya, saya boleh siasat perkara itu. Tetapi setahu saya ada banyak jurutera-jurutera kita

daripada berbagai jurusan seperti jurutera letrik, metal, enjin dan berbagai jurusan lagi. Warganegara kita mendapat latihan bukan sahaja di luar negeri tetapi juga di dalam negeri ini dan apabila pelatih-pelatih itu mendapat latihan yang mencukupi, orang asing ataupun orang yang datang dari luar negeri itu memang kita tidak gunakan lagi setelah kita mencukupi dengan orang-orang kita sendiri. Tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat mestilah sedar MAS baru empat tahun memberikan khidmatnya dan dalam masa empat tahun ini MAS yang pada mulanya menjadi satu organisasi yang memberikan perkhidmatan di dalam negeri dan kawasan ini telah sekarang ini menjadi satu syarikat penerbangan antarabangsa yang memberikan perkhidmatannya sampai ke beberapa buah negeri luar. Dan daripada kapalterbang jenis Fokker Friendship kita sekarang mempunyai Boeing-737, Boeing-707 dan DC-10. Ini semua ialah hendak menjaga keselamatan penumpang-penumpang di dalam kapalterbang kita, dan yang mustahak ialah kita mesti menjaga keselamatan penumpang-penumpang itu. Inilah tujuan yang pertama dan orang-orang yang menjalankan tugas di dalam kapalterbang ini mesti mempunyai experience yang cukup dan sebab itulah kita menggunakan pada masa ini buat sementara waktu orang luar samada menjadi pilot ataupun jurutera-jurutera dan lain-lain kerja. Tetapi apabila kita sendiri sudah mencukupi warganegara memang orang luar negeri kita tidak gunakan lagi. Pada masa sekarang kita mesti mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang warganegara asing yang bekerja dengan baik. Saya sendiri sedia maklum sungguhpun orang-orang ini tidak menjadi warganegara, mereka memang dapat gaji dan menjalankan tugasnya dengan baik dan kita mengucapkan terima kasih kepada mereka.

Ada juga kadangkala di dalam beberapa orang itu satu dua orang tidak menjalankan tugasnya dengan baik. Ini bukan sahaja orang asing tetapi seperti Ahli-ahli Yang Berhormat suarakan di sini Pejabat Pos dan pejabat-

pejabat lain memang ada warganegara kita pun yang tidak menjalankan tugasnya dengan betul ataupun seperti Ahli Yang Berhormat kata tidak memberi tugas yang mencukupi, memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita adalah dari semasa ke semasa memikirkan hal ini dan memang MAS ada progreem untuk membetulkan keadaan ini dan jika sudah sampai masanya kita tidak perlu lagi menggunakan orang-orang luar, kita memang tidak akan gunakan mereka.

Atas tuduhan berkenaan seorang Australia yang Ahli Yang Berhormat sebutkan nama tadi, saya dapat tahu orang itu telah memberi arahan yang salah dan ianya telah didisiplin dan sudahpun dihantar balik ke negerinya. Jadi, bukan MAS diam sahaja tetapi mana yang salah, baik orang tempatan ataupun luar mestilah mengikut polisi dan disiplin kompani itu.

Jadi atas perkara spare parts ini, saya dapat tahu bukan sahaja kita beli daripada Australia, kita ada beli juga dari tempat-tempat lain. Kalau boleh dapat bukti ada orang tengah dapat keuntungan dan ada mana-mana pihak buat salah, sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh beri keterangan yang lanjut, kita boleh siasat perkara itu.

Mengenai catering section MAS, memang mana-mana kontrektor pun kalau boleh cari duit, dia cari duit; bukan sahaja MAS tetapi lain-lain badan pun kalau dia lemah sedikit, dia boleh cari duit. Ini bukannya orang MAS ataupun storekeeper MAS buang barang itu di dalam tong sampah, tetapi pegawai yang bertanggungjawab tidak hendak gunakan barang-barang itu dan dia barangkali hantar barang itu ke market, nasib tidak baik Ahli Yang Berhormat dapat ayam itu.

Tuan Pengerusi: Ayam itu ada cap MAS!

Tan Sri V. Manickavasagam: Kalau ada bukti yang cukup saya boleh siasat, daripada manakah ayam itu datang, daripada kontrektorkah daripada setorkah ataupun daripada mana, kita hendak siasat.

Selain daripada itu, ada satu tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang menyebutkan tadi mengenai pembelian kapal-terbang DC-10. Tuduhan ini adalah amat serius. Pada pandangan saya ini adalah amat serius. Ini melibatkan imej MAS, bukan sahaja pihak MAS terlibat di dalam pembelian ini bahkan beberapa badan Kerajaan sebelum membeli disiasat keadaan dan lain-lain. Jikalau Ahli Yang Berhormat ada bukti dan boleh beri kepada BSN biarlah Yang Berhormat itu beritahu sebab ini sangat serius dan saya mintalah kepada Ahli Yang Berhormat jika boleh beri kepada saya, saya berjanji akan hantar kepada BSN siasat perkara ini sebab jikalau ada seorang atau dua orang yang buat salah kita tidak boleh benarkan nama MAS digunakan keseluruhannya.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat ada mengatakan apa yang saya kata dalam Parlimen berkenaan tape apa yang saya dapati daripada Control Tower iaitu "Hijacker on board". Ini saya baca daripada apa yang saya dapat daripada tape kapalterbang dalam perjalanan dari Pulau Pinang pada hari itu. Selain daripada itu siapakah yang bercakap itu kita boleh tahu apabila kita dapat Voice Box yang ada dalam kapalterbang itu. Saya bukan seorang juruteknik ataupun pakar dalam alat-alat kapalterbang tetapi saya sekarang sedang belajar sedikit untuk hendak tahu keadaan kapalterbang. Saya sendiri hendak tahu manakah Black Box. Saya selalu ingat Black Box ini box hitam tetapi saya dapat tahu bukan hitam, nama sahaja Box Hitam. Yang sebenar ada dua peti; satu, data flight information dan lain-lain, itu kita sudah dapat dan kita sudah hantar peti itu ke United Kingdom untuk dianalisa. Ada lagi satu box ataupun Voice Box di mana ada semua tape ataupun recording suara yang ada dalam cockpit itu.

(Dengan izin) If I may be permitted, Mr. Chairman, Sir, the Voice Box contains the conversation within the cockpit and it is the Box that we are looking for now. A team of experts is working right now at the site to get

this Box in order to ascertain as to what happened within the cockpit, who were those who took part in the conversation and so on. That would probably give us some clues as to who were the hijackers and who were doing other things. I hope Honourable Members will be a bit patient because the Government takes this matter very seriously and we would assure that we will keep the House informed and we will keep the public informed apabila sahaja kita dapat Voice Box ini. Jadi, pada masa sekarang....

Raja Nasron bin Raja Ishak: Untuk penerangan sahaja, apa yang saya minta adalah suara Kapten itu

Tuan Pengerusi: Teguran ini berkenaan on a point of orderkah atau hendak menerangkan Yang Berhormat bercakap disalah ertikan oleh Yang Berhormat Menteri?

Raja Nasron bin Raja Ishak: Saya minta izin Yang Berhormat Menteri memberi jalan untuk saya memberi penerangan.

Tuan Pengerusi: Penerangan macam mana? Jikalau sekiranya Menteri menyalahfahamkan apa Ahli Yang Berhormat cakap dengan Menteri memberi jalan, boleh menerangkan.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Saya minta kerana Menteri silap faham. Saya minta Menteri memberi jalan untuk saya menerangkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri beri jalan?

Tan Sri V. Manickavasagam: Boleh.

Raja Nasron bin Raja Ishak: Tuan Pengerusi, apa yang saya maksudkan adalah samada suara Kapten itu yang mengatakan "Hijacker on board" dikenali oleh isterinya, dicamkan oleh isterinya atau next-of-kin atau rakan-rakannya. Itu sahaja yang saya hendak tahu.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Pengerusi, saya percaya apabila Voice Box itu kita dapati, kita boleh dapat tahu kandungannya. Jadi itulah sebabnya kita menunggu Voice Box itu. Sehingga kita dapat saya mintalah sama-sama kita menunggu dan kita mempunyai harapan Voice Box itu boleh didapati sebab orang yang bekerja di Johor pada masa sekarang sudahpun dapat sedikit barang-barang daripada kapalterbang itu dan mungkin kita boleh juga dapat Voice Box itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ada kata berkenaan landasan keretapi. Sayapun sedar beberapa kali landasan ini tergelincir berlaku dekat Tampin. Jadi ada beberapa sebab ia berlaku dan Railway authorities pada masa sekarang sedang siasat perkara ini dan dengan seberapa boleh hendak mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan sebarang gelinciran di seluruh sistem ini. Jadi bukan sahaja di negara kita, di mana-mana pun ada, tetapi memang di Tampin kerap kali terjadi saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat. Kita sedang siasat dan tidak berapa lama lagi kita boleh dapat bukti ataupun kita boleh membaiki keadaan ini.

Atas tuduhan Talikom tidak beri proper services, Ahli-ahli Yang Berhormat banyak membangkitkan perkara ini dan saya ingin menjawab kepada semua Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan perkara Jabatan Talikom ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum perkembangan ataupun kemajuan di dalam negara kita di dalam beberapa tahun ini banyak telah bertambah dan bila kita kehendaki banyak orang bekerja dan banyak alat-alat, ekonomi negara kita merosot dan ada job freeze pada tahun 1974 — 1975. Jadi ini menjadi satu masalah kepada Jabatan Talikom pada masa sekarang. Jikalau kita hendak gunakan seorang pekerja ataupun technician di dalam Jabatan Talikom ataupun lain-lain jabatan kita terpaksa beri latihan kepada dia beberapa tahun. Jadi itulah masalah yang dihadapi oleh Kerajaan dan saya sendiri pun sedar bukan sahaja Ahli Yang

Berhormat kadangkala tidak dapat talipon hendak bercakap dari satu tempat ke satu tempat yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat tadi kata dari Kuala Lumpur ke Petaling Jaya pun susah. Saya sendiri sedar. Bukan sahaja ke Petaling Jaya, di Kuala Lumpur pun begitu juga. Saya sendiri dari pejabat saya hendak bercakap di mana-mana pun ada pernah berlaku tetapi ini bukan semua Jabatan Talikom tidak baik, ini adalah kerana beberapa masaalah, masaalah ini bukan setakat masaalah sahaja dan kita mesti mengatasi masaalah ini. Dan saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat bersabar sedikit, tidak berapa lama lagi kita mungkin membaiki perkhidmatan talipon di dalam negeri ini. Saya menjawab kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kita sedar ini, sebab saya sendiri ada pergi ke beberapa tempat, bukan saya duduk di dalam pejabat sahaja, saya dan rakan-rakan saya, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen serta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian ada membuat lawatan dan membawa perkara ini ke perhatian pejabat.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor kata Pengurus Besar MAS bertanggungjawab atau Menteri bertanggungjawab. Nampaknya seorang kata Pengurus Besar kena letak jawatan; DAP kata Menteri kena letak jawatan. Jadi saya ingat ini satu cabaran kepada kita semua sekali. Saya tidak boleh letak jawatan. Saya ada tanggungjawab menjalankan tugas saya sehingga saya sendiri atau conscience saya kata saya tidak boleh kerja lagi. Sebab DAP kata kalau saya letak sahaja jawatan, sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Mukah kalau ada lain landasan tergelincir Menteri kena letak jawatan, atau Pengurus Besar kena letak jawatan. Jadi lain kali tidak ada siapa pun boleh head satu-satu organisation.

Memang kita sedih atas trajidi itu. Saya sendiri telah berkata di dalam Dewan ini. Kita susah hati lebih-lebih lagi rakan-rakan saya

dan saya sendiri yang ada pergi ke tempat kejadian itu, tengok manusia tidak ada badan lagi, tidak ada tulang lagi, hanya tinggal daging sahaja. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat atau sesiapa yang ada pergi tahu kesusahan itu. Jadi saya sendiri menganggap perkara itu sebagai satu cabaran untuk memperbaiki keadaan, bukan sahaja pada masa sekarang tetapi pada masa-masa yang akan datang. Saya boleh letak jawatan tetapi apa akan jadi. Pengurus Besar boleh letak jawatan. Sudahkah habis perkara ini? Kita mesti ingat, kita boleh mengatakan Kerajaan bertanggungjawab (collective responsibility) tetapi sudahkah kita selesaikan tanggungjawab kita, tanggungjawab hendak cari siapakah buat perkara ini. Apakah sebab trajidi ini terjadi. Macam mana kita hendak mengatasi supaya perkara macam ini tidak lagi terjadi lain kali. Inilah cabaran yang ada di hadapan kita dan di dalam pada ini saya minta kepada semua pihak, bukan sahaja pihak Kerajaan, tetapi juga Ahli-ahli Pembangkang, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan semua Pegawai-pegawai Kerajaan dan kepada seluruh warganegara di dalam negara kita supaya menghadapi perkara ini dan mengingati sebagai satu cabaran kepada negara kita dan mestilah menghadapi challenge ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Mukah yang telah memberi beberapa pandangan. Ahli-ahli Yang Berhormat barangkali sedia maklum di dalam negara kita sungguhpun kita ada empat International Airport sahaja tetapi kita ada lebih 90 Lapanganterbang besar dan kecil yang menjalankan Fokker Friendship, dan Cessna dan lain-lain. Jadi sungguhpun begitu kita ada beri arahan mengadakan cukup keselamatan di seluruh tempat. Jadi memang susah hendak menjaga semua tempat tetapi kita terpaksa jaga juga. Kita mesti menjaga semua dan tidak hanya tertumpu di Kuala Lumpur ataupun lain-lain tempat, kita hendak menjaga seluruh tempat-tempat ini. Jadi tidak seperti sebuah negara lain yang hanya ada sebuah airport sahaja, kita boleh mengadakan alat-alat yang termoden sekali, boleh screen-

ing yang cukup, tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kita ada lebih daripada 90 Airport di seluruh negara. Semua ini kita hendak jaga, keselamatan di seluruh tempat dan saya sudah beri arahan dan di samping itu kita dapat kerjasama daripada pihak polis dan jabatan-jabatan yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Parit ada menyentuh soal bumiputra dalam bidang perkapalan. Tidak berapa lama lagi dalam Dewan ini juga akan dibawa satu pindaan Rang Undang-undang yang boleh beri coastal shipping ataupun cabotage policy bagi mengadakan coastal shipping di dalam negara. Ini bolehlah diberi peluang lebih-lebih lagi orang-orang tempat khususnya golongan bumiputra dan saya mestilah pertimbangkan perkara ini.

Ada suara mengatakan MAS ada mendapat profit. Ahli Yang Berhormat dari Mukah kata MAS ada untung. Beliau berkata tidak usahlah ingat daripada pekan sahaja ataupun bandar besar sahaja tetapi mesti ingat juga luar bandar pun. Memang begitulah tujuan MAS. Polisi Kerajaan dan MAS bukan hendak menjalankan perkhidmatan di peringkat International sahaja tetapi mestilah menyempurnakan ataupun beri juga cukup perkhidmatan di dalam negeri lebih-lebih lagi di luar bandar. MAS ada tiga principles.

- (1) Service.
- (2) Beri peluang kerja kepada orang-orang kita. Lebih daripada 6,000 pekerja warganegara ada di dalam perkhidmatan MAS.
- (3) Memang kita hendak cari untung dan tidak hendak rugi.

Jadi semua ini adalah bergantung kepada polisi. Pekerjaan, service dan buat untung. Memang ini semua susah sekali hendak buat, tetapi MAS buat juga. Ketiga-tiga ini dia buat.

Ahli Yang Berhormat dari Matang ada beri pandangan dan saya ucapkan terima kasihlah

kepada Ahli Yang Berhormat itu yang telah memberi pandangan berhubung dengan Concorde yang mana katanya Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka tidaklah beri mana-mana negara take for granted. Itulah yang kita buat pada masa sekarang, mana-mana negeri pun samada yang besar ataupun kecil di mana-mana Lapanganterbang kita tidak boleh ingat Malaysia sebuah negara kecil and take for granted. Kita mesti menjalankan polisi bagi faedah rakyat dan juga bagi kebaikan penduduk-penduduk negara kita.

Hari ini High Commissioner British ada berjumpa saya atas perkara ini dan baru-baru ini saya percaya ada pakar-pakar daripada United Kingdom dan pegawai-pegawai daripada Kementerian saya ada berunding dan bermesyuarat. Apabila sudah bermesyuarat pegawai saya akan balik dan memberi report kepada saya di atas apa yang telah dibincangkan. Apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Matang tadi saya akan ambil perhatian yang cukup.

Ahli Yang Berhormat dari Mantin ialah seorang yang specialised on port. Saya ucapkan terima kasih atas pandangan daripada Ahli Yang Berhormat itu. Saya sedar Port Kelang ada menghadapi beberapa masalah. Saya lebih sedar tentang masalah itu sebab tempat berkenaan adalah dalam kawasan pilihanraya saya sendiri. Sungguhpun ada timbul masalah pekerja-pekerja, masalah Kontena Nasional dan masalah lain, tetapi tonnage semakin bertambah lagi. Baru petang tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan telah menjawab soalan mengenai Pelabuhan Kelang. Apabila kita bandingkan impot dan eksport daripada Pelabuhan Kelang tahun ini kita boleh dapati lebih daripada 12% lebih impot-eksport dari pada tahun lalu. Ini adalah menunjukkan orang memang suka menggunakan Port Kelang dan port ini bukanlah port yang tidak baik. Saya tahu mereka telah menggunakan pelabuhan itu, tetapi saya tidak mengatakan bahawa di sini tidak terdapat masalah.

Memang ada beberapa straddle carrier tidak berjalan dan saya sedar ada juga industrial dispute.

Saya juga menyedari adanya pihak perkapalan di mana barang sudah sampai di Port Kelang tetapi invoice dan lain-lain belum sampai. Saya telah berjumpa dengan task force di mana ada pegawai-pegawai daripada Port Kelang, Kementerian, Railway, Kontena Nasional dan juga pihak importers, exporters dan international chambers. Baru-baru ini saya sudah memberitahu kepada Port Authority jikalau sesiapa tidak mengambil barang-barangnya dengan cepat kita akan impose certain penalty sebab port hanya dibuka untuk beberapa jam sahaja dan pekerja-pekerja bertugas sehingga pukul 4.30 petang sahaja, selepas pukul 4.30 petang mereka tidak mahu mengangkat barang. Masalah ini memang tidak pernah disiarkan dalam suratkhobar, tetapi baru-baru ini saya mendapat sepucuk surat, surat itu saya tidak bawa di sini yang datangnya daripada International Chamber of Commerce mengatakan dia cukup berpuas hati pada masa sekarang di atas perjalanan di Pelabuhan Kelang dan dia juga mengatakan dialog yang ada pada masa sekarang mestilah dijalankan dengan baik dan saya percaya bukan sahaja saya akan adakan task force ini di Pelabuhan Kelang, tetapi saya akan gunakan task force seumpama ini di seluruh port di dalam negara kita.

Mengenai Kontena Nasional, ada orang mengatakan disebabkan monopoli dia tidak menjalankan kerja dengan betul, sebab itu port tidak bekerja dengan betul. Dan kadangkadang pihak pelabuhan dan Kontena Nasional jadi 'whipping boy' dia dapat semua, orang lain yang membuat salah pun mereka dapat juga. Tetapi saya sedar keadaan Port Kelang memang terdapat kesusahan pada masa dahulu, pada masa sekarang sukacita saya memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa keadaannya telah baik.

Ahli Yang Berhormat dari Simunjan menyentuh berkenaan Pelabuhan Kuching.

Pelabuhan Kuching ini adalah perkara State tetapi bagaimanapun kita akan bawa perkara ini kepada Kerajaan Negeri. Sungguhpun polisi nasional tetapi duit dan Port Authority adalah di bawah pentadbiran State. Perkara ini kita akan siasat dan perbaiki.

VIP Lounge di Kuching Airport memang hendak diperbaiki dan saya telah bercakap mengenai perkara ini pada masa saya mengemukakan belanjawan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sungei Besi menyuarakan perkara yang serupa dengan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Kita bukan sahaja jaga Subang Airport tetapi kita sebagaimana saya terangkan tadi hendak jaga semua airport, dan saya percaya jawapan yang saya jelaskan ini adalah memuaskan hati Ahli Yang Berhormat itu dan saya tidak mahu cakap lebih lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar menyentuh berkenaan dengan rumah-rumah pekerja Railway. Railway Authorities memang akan menyediakan rumah-rumah bagi pekerja-pekerja di Sentul dan lain-lain tempat. Saya ingat tidak lama lagi kita akan bina rumah ini. Pada masa ini di Sentul hendak dijalankan projek perumahan dan juga di lain-lain tempat akan dijalankan juga. Beliau juga mahukan banyak kapalterbang mendarat di Kepala Batas, Alor Setar, memang itulah tujuan kita. Saya percaya kalau ada penumpang lebih memang kita boleh mendapat kapalterbang jenis besar pergi ke sana.

Ahli Yang Berhormat dari Silam mengatakan fasal Lapanganterbang Tawau. Saya sedar baru beberapa hari dahulu saya dapat briefing mengenai padang kapalterbang yang ada dan pada masa sekarang tidak boleh dipasang lampu dan Kapalterbang Boeing 737 tidak boleh mendarat. Ini adalah disebabkan dekat dengan bukit dan lain-lain, mereka kata technically tidak boleh digunakan. Ini menyebabkan kita hendak menggunakan wang yang banyak untuk memperbaiki keadaan ini,

sungguhpun begitu kita sudah siasat perkara ini untuk memperbaiki runway supaya kapalterbang jenis B-737 dapat mendarat di sana.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang ada membuat tuduhan ke atas operators. Perkara ini saya sudah jawab dan saya sendiri maklum, manakala saya membuat panggilan kadang-kadang saya marah juga, tetapi apabila saya dengar suara perempuan itu hati saya sudah jadi lembut sedikit — apa boleh buat. Tetapi hati saya susah sedikit dan dia pun ada mengatakan: “Tuan, apa saya boleh buat sebab banyak call, semua lampu merah.” Pada masa sekarang kita ada recruit ramai operators dan saya percaya kita ada improvement dan saya sedia maklum perkhidmatan Talikom pada masa sekarang tidak memuaskan, tetapi berilah peluang lebih sedikit untuk kita memperbaiki keadaan ini. Begitu juga pondok talipon kita hendak beri lebih sedikit di luar bandar di mana yang kita boleh.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak berkata berkenaan pegawai atau posman berkurangan dan lain-lain, ini memang sudah saya jawab seperti saya kata tadi berkenaan job freezing, memang kita ada mengalami kesusahan. Ahli-ahli Yang Berhormat barangkali sedia maklum tiap-tiap pejabat di Kementerian Perhubungan ada berapa ribu pekerja. Di dalam Jabatan Talikom ada lebih 20,000 pekerja dan kita hendak menambahkan jumlahnya lagi dan dalam beberapa tahun sekarang kita ada 300,000 talian dan kita hendak tambah sampai 600,000 talian, itupun barangkali mungkin tidak cukup kita hendak tambah lebih lagi. Peruntukan kita di dalam Rancangan Malaysia Ketiga sejumlah \$1,080 juta sampai sekarang sudah habis, tidak cukup duit lagi. Kita hendak minta duit lagi sebab pengguna-pengguna talipon sekarang bertambah oleh sebab bayaran talipon tidak sampai harga secawan kopi semua orang mahu menggunakan talipon. Orang rumah pun mahu gunakan talipon hendak cari di mana suaminya pergi, murid dalam sekolah hendak buat homework gunakan talipon, bukan sahaja homework, ada orang mahu

dengar nyanyian, musik, recording pun dalam talipon sebab harga menggunakan talipon murah, jadi orang banyak hendak gunakan, itupun kita ada timbangkan sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas beritahu atas perkara Buku Panduan Talipon. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat itu sebab saya sendiri pun apabila hendak tengok nombor talipon susah juga. Kita tengoklah macam mana kita boleh perbaiki sistem buku ini.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, saya hendak menjawab dengan ringkas. Mengenai detail saya adalah mengambil catitan dan kita memberi pertimbangan yang sewajarnya. Lagi sekali saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan dan boleh saya katakan di sini Kementerian dan pegawai-pegawai saya adalah cukup menjaga tanggungjawab mereka, bukan sahaja Pejabat Kementerian tetapi semua badan berkanun dan keadaan saya sendiri Tuhan telah memelihara kesihatan saya sekarang dan sekarang saya telah banyak berjalan dan saya percaya dengan kerjasama rakan-rakan saya bolehlah kita jalankan tugas kita dengan lebih baik dan kerana itu, saya tidak boleh letak jawatan.

Tuan Pengerusi: Semoga berterusan sihatnya (*Ketawa*).

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,369,000 untuk Kepala B. 55, \$10 untuk Kepala B. 56, \$7,703,600 untuk Kepala B. 57, \$7,820,500 untuk Kepala B. 58, \$5,654,600 untuk Kepala B. 59, \$7,424,800 untuk Kepala B. 60, \$77,796,900 untuk Kepala B. 61 dan \$10 untuk Kepala B. 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$93,553,754 untuk Kepala P. 55, \$18,078,910 untuk Kepala P. 56, \$24,829,980 untuk Kepala P. 57, \$2,174,030 untuk Kepala P. 58, \$5,590,170

untuk Kepala P. 59, \$830,040 untuk Kepala P. 60, \$7,745,570 untuk Kepala P. 61 dan \$140,000,000 untuk Kepala P. 62 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

Kepala B. 63 (Jadual) —

Kepala P. 63 (Anggaran Pembangunan, 1978)

7.24 mlm.

Menteri Kebajikan Am (Dato Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Belanja Mengurus berjumlah \$25,669,400 yang ditunjukkan di bawah Kepala B. 63 dan Belanja Pembangunan berjumlah \$4,978,050 yang ditunjukkan di bawah Kepala P. 63 diluluskan.

Tuan Pengerusi, tugas Kementerian saya bukan sahaja ditumpukan bagi memberi jagaan dan perlindungan kepada ahli-ahli masyarakat yang kurang bernasib baik tetapi juga untuk membantu, melatih dan mendorong ahli-ahli masyarakat yang kurang berkemampuan itu supaya dapat berdikari dan membaiki diri sendiri. Untuk tujuan ini Kementerian Kebajikan Am memberi perkhidmatan di bawah enam tajuk, iaitu Perkhidmatan Pentadbiran Am, Perkhidmatan Pencegahan, Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak, Perkhidmatan Pemulihan Am, Perkhidmatan Pemulihan Akhlak, dan Perkhidmatan Penyelidikan, Perancangan dan Penilaian.

Izinkan saya untuk menjelaskan dengan serba ringkas jumlah anggaran yang dikehendaki bagi tiap-tiap perkhidmatan ini.

Perkhidmatan Pentadbiran

Perkhidmatan ini berkaitan dengan penyelarasan aktiviti-aktiviti Jabatan-jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri supaya berjalan dengan baik dan lancar. Ia juga berkaitan dengan urusan-urusan perkhidmatan dan perjawatan, kewangan, pentadbiran, serta

latihan bagi pegawai-pegawai kebajikan masyarakat. Di bawah perkhidmatan ini, Bahagian Latihan menyelenggarakan kursus-kursus serta lawatan sambil belajar, samada dalam atau luar negeri, bagi kakitangan-kakitangan supaya mereka dapat kemahiran, pengalaman dan pengetahuan iktisas yang perlu untuk melaksanakan rancangan-rancangan Kementerian dengan berkesan. Bahagian Latihan juga mengatur pegawai-pegawai mengikuti kursus di Universiti-universiti dalam dan luar negeri dan bertanggungjawab bagi menyelenggarakan peperiksaan pegawai-pegawai. Dalam tahun 1978 seramai 625 pegawai dirancangan diberi kursus, dan sebuah Pusat Latihan Kakitangan bagi melatih Pegawai-pegawai yang dianggarkan berharga \$1,200,000 dijangka akan siap dibina di Kuala Lumpur pada akhir tahun 1978.

Perkhidmatan ini memerlukan perbelanjaan sebanyak \$1,179,900 untuk Belanja Mengurus dan sebanyak \$800,500 untuk Belanja Pembangunan.

Perkhidmatan Pencegahan

Di bawah Perkhidmatan ini terdapat rancangan-rancangan yang bercorak pembangunan dan penasihat (counselling) berasaskan prinsip memperkukuhkan yunit keluarga supaya mereka tidak berpecah-pecah dan terpaksa memasuki yayasan-yayasan kebajikan. Rancangan-rancangan ini antara lain termasuk bantuan kepada kanak-kanak, bantuan cermin mata bagi murid-murid serta Rancangan Kebajikan Sekolah untuk mengurangkan lagi keciciran. Aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Kebajikan Budak-budak di tiap-tiap daerah akan juga dipergiatkan untuk mencegah kejenayahan budak-budak dan mengurangkan berlakunya penyalahgunaan dadah di kalangan budak-budak dan orang-orang muda. Di samping itu, rancangan penasihat keluarga akan diteruskan dengan lebih giat lagi untuk menolong keluarga-keluarga yang mengalami masaalah sosial.

Dalam bidang pemulihan orang-orang cacat yang tidak tinggal dalam yayasan-yayasan, rancangan bantuan bagi mereka itu akan diperluaskan supaya mereka dapat hidup berdikari tanpa bergantung sangat kepada Kerajaan.

Dalam bidang kebajikan untuk orang-orang tua, Bahagian Pencegahan akan meneruskan rancangan bantuan kepada orang-orang tua yang miskin, yang dhaif untuk mengelakkan mereka yang tua dan terlantar menjadi mengemis, dan supaya mereka dapat tinggal bersama-sama masyarakat mereka sendiri.

Bagi maksud ini, Perkhidmatan Pencegahan memerlukan peruntukan yang berjumlah sebanyak \$6,937,800 untuk Belanja Mengurus.

Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak

Di bawah Perkhidmatan ini kanak-kanak, orang-orang tua, orang-orang papa dan pesakit-pesakit melarat diberi jagaan dan perlindungan di dalam yayasan-yayasan.

Mutu didikan dan pelajaran di Rumah Kanak-kanak akan terus diperbaiki dan latihan vokesyenal akan diperkembang dan dimodenkan anak-anak ini dapat pekerjaan yang baik apabila mereka keluar kelak. Dari tiga buah Rumah Pesakit Melarat yang boleh menampung 960 orang penghuni, 520 tempat telah diasingkan untuk penagih-penagih dadah. Pada tahun 1978 seramai 440 orang pesakit melarat dijangka akan dapat diberi rawatan dan perlindungan. Pada tahun 1978 perkhidmatan ini akan mengambilalih Pusat Pemulihan Pengemis, Mersing dan dengan ini jumlah Rumah Orang-orang Tua akan bertambah menjadi 9 buah untuk menampung seramai 2,715 orang tua dan orang papa. Sebuah Rumah Orang-orang Tua untuk 200 orang di Sibu yang dianggarkan \$800,000 sedang dalam pembinaan di Sibu, Sarawak.

Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak memerlukan peruntukan sebanyak \$8,679,800

bagi Belanja Mengurus dan \$400,020 bagi Perbelanjaan Pembangunan.

Perkhidmatan Pemulihan Am

Perkhidmatan ini memberi perlindungan dan pemulihan kepada orang-orang cacat akal dan orang-orang cacat anggota.

Dalam tahun 1978, Rumah Kanak-kanak Jubli Johor akan menampung seramai 180 orang, Taman Sinar Harapan Tampoi 175 orang dan Pusat Pemulihan Orang-orang Cacat Anggota di Cheras 150 orang.

Bengkel Perlindungan Kementerian yang pertama di Kelang yang dianggarkan berharga \$1,000,000 dijangka akan siap dan dibuka pada tahun 1978 untuk memberi latihan dan pekerjaan kepada orang-orang miskin serta orang-orang cacat yang menganggur dan yang tidak mampu bertanding dengan pekerja biasa. Bengkel ini akan memberi kemudahan latihan kepada 50 orang pekerja di dalam asramanya dan 100 orang lagi yang tinggal di luar. Dua buah bengkel lagi di Kuala Trengganu dan Sungei Petani akan mula dibina pada akhir tahun 1978.

Perkhidmatan ini memerlukan peruntukan sebanyak \$2,195,300 bagi Belanja Mengurus dan sebanyak \$950,020 bagi Perbelanjaan Pembangunan.

Perkhidmatan Pemulihan Akhlak

Perkhidmatan Pemulihan Akhlak pula ialah satu perkhidmatan yang memberi pemulihan akhlak kepada yang memerlukannya di Sekolah Akhlak, Rumah Tahansentara/Asrama Akhlak, Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis, dan Pusat Pemulihan Dadah. Dalam tahun 1978 seramai 739 orang budak akan ditempatkan di tujuh buah Sekolah Akhlak. Muatan di sembilan buah Rumah Tahansentara/Asrama Akhlak akan bertambah menjadi 283 tempat daripada 265. Sebuah lagi Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis untuk 200 orang di Batu Gajah, Perak yang berharga \$1.5 juta akan siap dibina pada

tahun 1978. Dengan ini Kementerian saya akan mentadbir empat buah Pusat Perlindungan Wanita dan Gadis yang boleh menampung seramai 510 orang wanita berbanding dengan 310 dalam tahun 1977.

Ketiga-tiga buah Pusat Pemulihan Dadah yang ada sekarang di Rumah Pesakit Melarat Bukit Mertajam, Kuala Kubu Bahru dan Johor Bahru yang pada asalnya boleh menampung 240 orang akan dapat menempatkan 380 orang pada tahun 1978. Oleh sebab masalah penyalahgunaan dadah sekarang telah dipandang sebagai satu gejala yang besar yang akan menjejaskan ketahanan rakyat, Pusat baru sedang dibina di Besut, Trengganu yang boleh menampung seramai 133 penghuni lagi. Pusat Pemulihan Dadah Kuala Kubu Bahru juga sedang diubahsuai untuk menjadi sebuah pusat yang lengkap untuk 300 penagih dalam tahun 1979.

Perkhidmatan Pemulihan Akhlak memerlukan peruntukan sebanyak \$6,503,600 bagi Belanja Mengurus dan sebanyak \$2,827,510 bagi Perbelanjaan Pembangunan.

Perkhidmatan Penyelidikan, Perancangan dan Penilaian

Perkhidmatan penyelidikan, perancangan dan penilaian ialah perkhidmatan yang akan terus menumpukan perhatiannya terhadap urusan mengemaskinikan sistem pelaporan terutama sekali yang bersangkutan dengan perangkaan. Selain daripada itu menyediakan data, statistik, laporan serta petunjuk sosial dan perkhidmatan sokongan, perkhidmatan ini juga akan menjalankan kajian mengenai kesan sistem penyeliaan akhlak dan sekolah akhlak ke atas mereka yang terlibat dalam penjenayahan budak-budak. Satu kajian semula akan dijalankan mengenai cara pelaksanaan sistem pendaftaran sukarela di kalangan orang cacat dengan tujuan memperbaikinya lagi demi kepentingan perkhidmatan pemulihan yang lebih berkesan.

Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan, Perancangan dan Penilaian ini memerlukan

peruntukan sebanyak \$173,000 untuk Belanja Mengurusnya.

Tuan Pengerusi, saya pohon mencadangkan iaitu peruntukan di bawah Kepala B. 63 dan juga di bawah Kepala P. 63 diluluskan.

7.32 mlm.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 63, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan Aktiviti (2) Perkhidmatan Pencegahan dan Aktiviti (3) Perkhidmatan Keluarga dan Kanak-kanak, muka surat 451.

Tuan Pengerusi, Kementerian ini telah mendapat peruntukan nombor tiga paling kecil daripada jumlah Kementerian-kementerian yang lain. Yang pertama, Kementerian Undang-undang, yang kedua Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dan yang ketiga ialah Kementerian Kebajikan Am. Walaupun namanya Kementerian Kebajikan Am, tetapi rancangan-rancangannya seperti bantuan, perkhidmatan keluarga, pemulihan akhlak adalah berjalan begitu teratur dan tersusun. Namun begitu, saya ingin menarik perhatian Menteri yang berkenaan tentang rancangan bantuan kepada orang-orang tua yang miskin untuk mengelakkan mereka yang tua dan terlantar mengemis di merata tempat.

Tuan Pengerusi, pada tahun yang lepas saya telah menyentuh juga tentang bagaimana Kementerian ini boleh mendapat bantuan yang lebih daripada kalangan swasta, dan ini tidak semestinya dikeluarkan daripada peruntukan Kerajaan, walaupun ianya perlu diberi peruntukan tersebut.

Tuan Pengerusi, kita mempunyai berbagai-bagai agensi yang boleh membantu Kerajaan khususnya Kementerian Kebajikan Am ini. Saya tujukan kepada badan-badan swasta, seperti Empat Nombor Ekor, TOTO, Lumba Kuda dan Loteri Kebajikan Masyarakat dan

berbagai-bagai badan perniagaan swasta lagi yang boleh membantu Kerajaan.

Saya tahu bahawa dalam mendapatkan bantuan ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu memberi persetujuannya untuk mendapatkan bantuan tersebut. Saya rasa dalam masaalah Loteri Kebajikan Masyarakat ini walaupun boleh dikatakan namanya Loteri Kebajikan Masyarakat tetapi segala keuntungan daripada Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat itu ialah dimasukkan kepada Tabung Kerajaan. Jadi eloklah rasa saya dengan namanya Loteri Kebajikan Masyarakat supaya diberi sedikit peruntukan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat supaya boleh membantu dan membuat aktiviti-aktiviti Kementeriannya. Bantuan yang hendak diberi ini yang saya fikir sangat mustahak kepada mereka yang miskin dan terlantar, maka wang-wang yang tersimpan, iaitu Wang Yang Tidak Dituntut (unclaimed money), sedikit sebanyaknya boleh diperuntukkan kepada Kementerian ini untuk bantuan khasnya kepada mereka yang sangat-sangat memerlukannya. Sumber kewangan yang lain, saya rasa boleh didapati, dengan syarat bahawa bantuan yang diberi itu hendaklah mendapat pengecualian Income Tax. Ini tentulah dapat memberi galakan kepada para penderma.

Tuan Pengerusi, kita mengharapkan bahawa bantuan yang berupa galakan dengan mendapat pengecualian pelepasan cukai ini adalah difikirkan satu-satunya jalan untuk mendapat sumber kewangan bagi bantuan tersebut. Mudah-mudahan perkara ini mendapat pertimbangan yang sewajarnya dari pihak yang berkenaan dan sekali lagi saya dengan sesungguhnya menyokong peruntukan Kementerian ini.

7.38 mlm.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong bekalan kepada Kementerian Kebajikan Am dan izinkan saya menyentuh Kepala B. 63, Aktiviti 2, 3, 4 dan 6.

Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengubah sikap Kementerian ini pada masa akan datang. Janganlah pada saban tahun keadaan Kementerian ini dengan peruntukan yang begitu kecil pada hal tanggungjawab Kementerian ini dari setahun ke setahun dan keadaan pada hari ini adalah sangat besar dan rakyat banyak mengharapkan kemudahan dan bantuan kepada Kementerian ini. Terutamanya saya tengok di sini iaitu Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Penilaian. Dari situ kita nampak peruntukan yang begitu kecil tidak ada aktiviti yang dapat diutarakan oleh Kementerian ini padahal banyak perkara-perkara yang patut diperluaskan lagi. Umpamanya macam bencana alam. Bencana alam pada keadaan sekarang yang dapat bantuan dan dapat pandangan daripada Kementerian ini banyak pada banjir tetapi ada perkara seperti ribut taufan yang melanda rumah tangga, pokok-pokok getah dan pokok-pokok padi dan begitu juga seperti di tempat saya baru-baru ini datang malapetaka seperti Bena Perang yang begitu dahsyat melanda pokok-pokok padi yang menghilangkan hasil tanaman dan kerugian yang begitu besar kepada petani. Ini semua aktiviti yang begitu luas yang begitu rupa yang patut diperluaskan. Jadi dapatlah rakyat mengharapkan bantuan daripada Kementerian yang tertentu iaitu Kementerian Kebajikan Am ini kemudahan-kemudahan yang berpatutan. Seperti juga macam bantuan bulanan yang dibuat pada hari ini \$15 sebulan itu tidak setimpal pada keadaan sara hidup pada hari ini. Saya tak tahu dasar mana yang dibuat membolehkan bantuan \$15 itu memberi puas hati penerimanya. Pada hal \$15 dalam keadaan sekarang ini tidaklah sesuai kerana sudah lama bantuan semacam ini patut diubah dari keadaan begitu. Begitu juga dalam perkara lain seperti bantuan kepada negeri-negeri pun tak begitu banyak. Macam ada Majlis Penyelia Daerah cuma ada majlis tetapi kewangannya tak ada. Bila datang sesuatu kejadian terpaksa mereka membawa tabung ke sana-sini, ini satu kehinaan juga kalau tidak ada asas kepada kita hendak memberikan Jawatankuasa itu dorongan

mencari derma dan sebagainya. Kalau tak ada pokok untuk menjalankan itu pun satu kesusahan dan tidak dapat menjalankan tugas sepertimana yang patut dijalankan.

Begitu juga ada suatu kejadian, ini satu musykil juga pada diri saya di kawasan saya terdapat baru-baru ini seorang menikah bangsa asing kemudian bercerai dan perempuan itu pergi ke sana ke mari membuat kelakuan nakal dan runtuh akhlak, kemudian balik kepada masyarakat, tidak ada tempat hendak dihantarkan. Tolak kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, dikatakan bukan tanggungjawabnya. Jadi kemana hendak dihantarkan manusia semacam ini, tidak ada tempat, sedangkan budak-budak nakal ada tempatnya. Tetapi mengenai mereka yang runtuh akhlak tak ada tempat. Inilah pandangan saya serba sedikit sebagai garisan saya menekankan supaya Kementerian ini membesarkan aktiviti-nya dan meminta pihak Kerajaan supaya dapat peruntukan yang lebih banyak lagi dengan membuat penyelidikan yang tertentu supaya rakyat dapat kemudahan yang baik.

7.43 *mlm.*

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diminta dan saya berharap sebagaimana kawan-kawan saya yang lain juga di atas Kementerian Kebajikan ini patutlah kita tambahkan peruntukan kerana terlampau sedikit.

Bercakap dalam Kepala B. 63 muka surat 451, Aktiviti (2), (3) dan (4). Pertama mengenai Perkhidmatan Pencegahan. Walaupun kita ada Akta Pengemis, saya amat dukacita yang mana masih berkeliaran, masih banyak pengemis meminta sedekah di jalanraya. Kalau kita tak beri itu berlawanan dengan kehendak hati kecil kita kerana kita berasa kasihan tetapi kalau kita beri berlawanan dengan kehendak Akta Pengemis. Dengan sebab itu saya berharap kepada Kementerian berkenaan akan melaksanakan sungguh-sungguh supaya jangan ada pengemis begitu banyak di bandar-bandar.

Kedua, dari segi perkhidmatan keluarga dan kanak-kanak, saya dapati juga peruntukan tidak cukup, saya berharap dapat tambahan khususnya di Perlis. Bila kita minta satu-satu peruntukan wang kepada Pegawai Kebajikan dia kata wangnya tak cukup. Apabila diminta dari pusat, tak cukup, hendak minta kepada Negeri Perlis pun tak cukup. Saya berharap akan mendapat peruntukan yang lebih banyak.

Ketiga, pegawai-pegawai patut ditambah kerana tugas pegawai-pegawai kebajikan dan pemulihan akhlak itu banyak. Sekarang pegawai tak cukup. Itulah pegawai hendak repot, hendak pergi banci di mana rumah orang yang susah dan dia juga hendak menasihatkan akhlak dan sebagainya. Saya berharap sangat mendapat lebih pegawai tambahan.

Keempat, dalam perkhidmatan pemulihan saya berharap kalau hendak diadakan bengkel-bengkel selain daripada swasta yang akan diminta oleh wakil Tumpat saya berpendapat banyak orang dalam Malaysia yang kaya atau jutawan yang harus mereka itu hendak minta kecuali dari cukai. Kalau hendak buat satu rumah pemulihan, Menteri berkenaan berikhtiar kalau ada orang-orang kaya minta orang-orang itu membuat satu rumah tempat pemulihan akhlak seperti di Kajang dan sebagainya dan dinamakan rumah itu dengan penderma berkenaan. Saya yakin ini salah satu jalan bagi manusia yang inginkan nama di samping ia juga ingin mendapat pahala. Apatah lagi kalau seorang Islam dan kalau bukan orang Islam mereka itu ada yang ingin membuat kebaikan.

Tuan Pengerusi: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.45 mlm.

Dato Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan pandangan-

pandangan berkenaan dengan Kementerian saya. Pada keseluruhannya Ahli-ahli Yang Berhormat merasakan Kementerian saya tidak mendapat peruntukan yang secukupnya. Ini mungkin ada juga benarnya.

Walau bagaimanapun, ingin saya menearangkan berkenaan dengan memberikan bantuan kebajikan ini bukanlah sahaja datang dari Kementerian Kebajikan Am tetapi saya beri contoh umpamanya bantuan berupa wang kepada orang miskin, Kerajaan Negeri juga ada mempunyai peruntukan. Oleh kerana itulah, Tuan Pengerusi, ada kalanya peruntukan yang sangat kecil itu sebenarnya bukanlah datang dari Kementerian Kebajikan Am, tetapi ialah daripada peruntukan Kerajaan Negeri. Ini bergantung pula setengah negeri ada lebih kemampuan dapat memberi peruntukan agak besar tetapi mana negeri yang kecil tentulah tak upaya sehinggakan ada yang mendapat \$5 atau \$10 sebulan. Sukalah saya tegaskan di sini bantuan \$15, \$10 atau \$5 sebulan itu bukan datang dari Kementerian saya tetapi adalah datang dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri wangnya sendiri datang daripada state fund ataupun Kerajaan Negeri. Ini saya telah terangkan dalam Dewan ini berkali-kali tetapi masih ada lagi nampak saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang agak keliru dalam masaalah ini.

Ada beberapa perkara yang saya ingin jelaskan iaitu berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat wakil Tumpat iaitu minta supaya pihak swasta juga membantu usaha ataupun aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian saya. Sungguhpun kita tidak ada secara direct meminta pihak swasta membantu Kementerian Kebajikan Am tetapi pihak Kementerian saya sentiasa menggalakkan pihak swasta menyokong ataupun membantu pihak persatuan-persatuan sukarela menjalankan kerja-kerja kebajikan. Umpama sukalah saya memberi contoh kita yang menggalakkan misalnya Syarikat Empat Nombor Ekor memberi derma kepada

Majlis Kebajikan Pusat untuk membangunkan mini-mini asrama yang telah banyak dibuat di merata-rata tempat dalam negara kita ini. Walau bagaimanapun, pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat yang baik itu memanglah pihak Kementerian saya menyatakan terima kasih di mana barangkali dirasakan boleh kita jalankan tentulah kita akan jalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi menyatakan hendaklah Kementerian ini mengubah sikap kerana peruntukan kecil. Bukanlah Kementerian saya yang patut mengubah sikap, pihak yang memberikan peruntukan patut mengubah sikap supaya diberilah Kementerian ini peruntukan yang lebih besar supaya dapatlah meluaskan kegiatan-kegiatan kita.

Selain daripada itu ada juga ditimbulkan masaalah berkenaan dengan bangsa asing yang sudah menikah lepas itu bercerai, tak tahu ke mana hendak dibawa. Ini memanglah Kementerian saya sudah menentukan bidang tugasnya, yang manakah bidang-bidang yang diambil tanggungjawab oleh Kementerian saya misalnya anak-anak yang di bawah umur 21 tahun. Itulah yang selalu kita ambil berat dan itulah yang kita adakan yayasan untuk menempatkan mereka. Walau bagaimanapun, Kementerian saya memberikan apa cara juga pertolongan sekiranya kes itu dibawa kepada kami.

Berkenaan dengan pengemis yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar, pihak Kementerian memang cukup menyedari masaalah pengemis ini. Hanya yang kita harapkan setelah berjalan undang-undang yang kita telah luluskan ini kelak dapatlah kita sedikit-sebanyak masaalah pengemis ini kita atasi. Walau bagaimanapun, sukalah saya menegaskan dalam Dewan ini masaalah-masaalah sosial yang kita hadapi ini tidaklah hanya dapat diatasi oleh satu-satu Kementerian ataupun juga pihak Kerajaan semata-mata, tetapi juga memerlukan kerjasama daripada masyarakat seluruhnya.

Selain daripada itu, tidak adalah perkara-perkara besar, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tadi yang telah menyatakan sokongan dan pandangan-pandangannya berkenaan dengan Kementerian saya.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$25,669,400 untuk Kepala B. 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$4,978,050 untuk Kepala P. 63 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1978.

Kepala B. 64 dan B. 65 (Jadual) —

Kepala P. 64 dan P. 65 (Anggaran Pembangunan, 1978) —

7.52 m/m.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya peruntukan yang disenaraikan di bawah Kepala B. 64/P. 64 dan Kepala B. 65/P. 65 bagi Kementerian saya diluluskan dan menjadi sebahagian daripada Jadual. Anggaran di bawah Kepala-kepala tersebut di atas adalah berjumlah \$735,521,768 (tujuh ratus tiga puluh lima juta, lima ratus dua puluh satu ribu, tujuh ratus enam puluh lapan ringgit). Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian saya adalah bertanggungjawab menyelaraskan kerja yang dijalankan oleh Jabatan Kerjaraya, Lembaga Letrik Negara dan Jabatan Pengangkutan Jalan. Oleh yang demikian, bagi menjalankan kerja-kerja ini pada tahun 1978, Kementerian saya memerlukan peruntukan-peruntukan yang disenaraikan di bawah kepala seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Belanja Bekalan

Menyentuh tentang peruntukan belanja bekalan dahulu (B. 64 dan B. 65) Kementerian saya menghendaki peruntukan sebanyak

\$117,498,200 (satu ratus tujuh belas juta, empat ratus sembilan puluh lapan ribu, dua ratus ringgit). Jika dibandingkan dengan peruntukan tahun lepas terdapat tambahan peruntukan sebanyak \$35,851,800 (tiga puluh lima juta, lapan ratus lima puluh satu ribu, lapan ratus ringgit) dan tambahan ini sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh pertambahan kakitangan untuk melaksanakan projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga di samping Sekim Gaji Baru dan juga kenaikan gaji tahunan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedia ada.

Belanja Pembangunan

Kepala P. 64 dan P. 65 menyenaraikan peruntukan yang diminta untuk kerja-kerja pembangunan yang akan dijalankan oleh Kementerian ini dan jumlah yang diminta bagi kedua-dua kepala itu adalah \$618,023,568 (enam ratus lapan belas juta, dua puluh tiga ribu, lima ratus enam puluh lapan ringgit).

Jalanraya dan Jambatan

Seperti pada tahun-tahun lepas jumlah peruntukan yang terbesar di bawah kepala pembangunan Kementerian ini adalah peruntukan jalanraya dan jambatan. Pada tahun 1978, Jalanraya dan jambatan menghendaki sejumlah \$355,763,420 (tiga ratus lima puluh lima juta, tujuh ratus enam puluh tiga ribu, empat ratus dua puluh ringgit) dan dari jumlah itu sebanyak \$211,842,420 (dua ratus sebelas juta, lapan ratus empat puluh dua ribu, empat ratus dua puluh ringgit) diminta bagi Semenanjung Malaysia, \$38,590,000 (tiga puluh lapan juta, lima ratus sembilan puluh ribu ringgit) bagi Negeri Sarawak dan \$105,331,000 (satu ratus lima juta, tiga ratus tiga puluh satu ribu ringgit) bagi Negeri Sabah.

Peruntukan ini dikehendaki bagi memenuhi matlamat-matlamat yang berkaitan dengan program jalanraya dan jambatan, iaitu untuk mengujudkan satu infrastruktur pengangkutan yang dapat memenuhi kehendak-kehendak perkembangan perindustrian dan pertanian dalam proses pembangunan negara. Di sam-

ping itu program jalanraya dan jambatan juga diberi perhatian yang utama supaya masyarakat keseluruhannya menikmati faedah daripadanya.

Untuk mencapai matlamat seperti tersebut di atas, Kementerian ini mengambil langkah-langkah yang boleh diringkaskan seperti berikut:—

- (i) menyenggara dan membaiki jalanraya;
- (ii) membina jalan-jalanraya baru;
- (iii) membaiki dan membina jalan dalam kawasan pembangunan istimewa di rancangan-rancangan kemajuan tanah;
- (iv) memberi bantuan (grant) kewangan kepada Kerajaan Negeri dan Tempatan;
- (v) menjalankan penyelidikan dan menyediakan rekabentuk kejuruteraan.

Bagi Semenanjung Malaysia kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan jalanraya adalah seperti yang terdapat di bawah Pecahan Kepala 1, 2, 3 dan 4 di mana jumlah yang diminta adalah sebanyak \$39,800,000 (tiga puluh sembilan juta, lapan ratus ribu ringgit). Jalan-jalan yang diselenggarakan ini dapatlah diringkaskan sebagai Jalan I dan jambatan, Jalan II dan jambatan, Jalan III dan jambatan dan lain-lain jalan dan jambatan Persekutuan. Selain daripada peruntukan tersebut, sebanyak \$9.0 juta lagi adalah dikehendaki bagi penyenggaraan Lebuhraya yang akan dijalankan di Negeri Perak, Johor dan Kelantan. Bagi Negeri Sarawak, sebanyak \$10 juta adalah dikehendaki bagi memperbaiki lain-lain jalan besar dan sebanyak \$5 juta adalah dikehendaki di Sabah bagi tujuan yang sama.

Pembinaan jalanraya baru adalah satu perkara yang tidak payah saya huraikan lagi di mana kebanyakan kerja-kerja yang akan dijalankan adalah sambungan kerja-kerja pembinaan jalan baru yang tidak dapat disiapkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Dalam tahun 1978, sebanyak \$42 juta dikehendaki bagi Jalanraya Jerangau/Jabor, \$25 juta untuk hubungan lalulintas dan lorong-lorong bas di

Kuala Lumpur/Petaling Jaya, \$21,800,000 (dua puluh satu juta, lapan ratus ribu ringgit) bagi Jalanraya Timur/Barat, \$20 juta bagi menguruskan projek pembinaan Jalanraya Kuantan/Segamat, \$17,800,000 (tujuh belas juta, lapan ratus ribu ringgit) bagi rancangan membaiki lalulintas di Kuala Lumpur, \$13,900,000 (tiga belas juta, sembilan ratus ribu ringgit) bagi memperbaiki bahagian-bahagian tertentu pada Jalan I.

Bagi Negeri Sabah pula sebanyak \$37 juta adalah dikehendaki bagi pembinaan Jalanraya Besar. \$24,431,000 (dua puluh empat juta, empat ratus tiga puluh satu ribu ringgit) bagi projek Jalanraya Sempurna/Lahat Datu, \$19,500,000 (sembilan belas juta, lima ratus ribu ringgit) bagi projek Jalanraya Papar/Sindumin dan \$19,000,000 (sembilan belas juta ringgit) bagi Jalanraya Tamparuli/Ranau.

Pembinaan jalanraya baru di Sarawak menghendaki \$21 juta. \$6,990,000 (enam juta, sembilan ratus sembilan puluh ribu ringgit) ialah bagi pembinaan jalan pembangunan. Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kajian mengenai satu lagi rangkaian Jalan Persekutuan sedang dijalankan di Sarawak.

Selain daripada membina jalanraya baru, Kementerian ini juga bertanggungjawab meninggikan lagi mutu jalanraya di negara ini iaitu dengan cara memberi bantuan (grant) kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Dengan tujuan ini sebanyak \$1,842,380 (satu juta, lapan ratus empat puluh dua ribu, tiga ratus lapan puluh ringgit) dikehendaki. Kementerian ini juga menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan rekabentuk serta kajian kemungkinan. Sebanyak \$300,000 (tiga ratus ribu ringgit) bagi tujuan banci jalanraya, \$600,000 (enam ratus ribu ringgit) bagi penyiasatan jalanraya di Sarawak dan \$400,000 (empat ratus ribu ringgit) di Sabah adalah dikehendaki.

Bekalan Air

Kementerian ini juga melaksanakan program bekalan air. Dalam hal ini Kementerian

merupakan badan yang bertanggungjawab untuk membekalkan air untuk menunaikan keperluan air yang semakin meningkat di kawasan-kawasan bandar, luarbandar dan kawasan-kawasan Rancangan Kemajuan Tanah seperti FELDA, Pahang Tenggara, Jengka Tiga Segi dan Trengganu Tengah. Kementerian ini juga meneruskan usaha-usaha penyelidikan untuk membekalkan air yang bersih kepada pengguna-pengguna yang semakin ramai.

Pelaksanaan projek-projek bekalan air merupakan usaha Kerajaan Negeri. Oleh itu sebahagian besar peruntukan yang diminta merupakan peruntukan pinjaman. Jumlah peruntukan yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek bekalan air ialah:—

Semenanjung— Malaysia	\$103, 840,289 (satu ratus tiga juta, lapan ratus empat puluh ribu dan dua ratus lapan puluh sembilan ringgit)
Sarawak	— \$2,870,000 (dua juta, lapan ratus tujuh puluh ribu ringgit).
Sabah	— \$3,000,000 (tiga juta ringgit).

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, daripada jumlah tersebut di atas, bekalan air luarbandar bagi Semenanjung Malaysia menghendaki sebanyak \$43 juta, bagi Negeri Sarawak sebanyak \$2 juta dan bagi Negeri Sabah sebanyak \$3 juta. Peruntukan ini akan dibahagi-bahagikan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri di Semenanjung Malaysia dan kepada Bahagian-bahagian dan Residensi-residensi di Sarawak dan Sabah.

Bangunan-bangunan Kerajaan (selain daripada perumahan)

Kementerian ini juga adalah dibebankan dengan tugas-tugas untuk menjalankan aktiviti-aktiviti merancang, mereka bentuk, membina dan menyelidik pembinaan dan penyenggaraan bangunan-bangunan dan

rumah-rumah kediaman Kerajaan Persekutuan. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menempatkan semua pejabat-pejabat Kerajaan dalam bangunan mereka sendiri. Dasar ini adalah untuk menjimatkan perbelanjaan negara daripada digunakan untuk membayar sewa yang tinggi untuk menempatkan jabatan-jabatan yang pada masa ini tidak mempunyai bangunannya sendiri.

Di samping itu Kementerian ini juga bertanggungjawab bagi melaksanakan beberapa projek-projek pembangunan Kerajaan selain daripada bangunan-bangunan pejabat seperti Pusat Pentadbiran Pembangunan Wilayah Asia, Instituti Tadbiran Awam Negara dan lain-lain. Kementerian ini juga bertugas mengawas dan melaksanakan projek-projek bangunan di bawah Kementerian-kementerian lain seperti Pelajaran, Kesihatan, Polis dan Tentera.

Untuk mencapai matlamat ini, sebanyak \$4,290,020 (empat juta, dua ratus sembilan puluh ribu dan dua puluh ringgit) adalah dikehendaki bagi meneruskan pembinaan pejabat-pejabat baru Kerajaan Persekutuan di Kuala Lumpur dan luar Kuala Lumpur. \$3,020,000 (tiga juta, dua puluh ribu ringgit) dikehendaki bagi kerja-kerja pembinaan Instituti Tadbiran Awam Negara dan \$3 juta bagi pembinaan Pusat Pentadbiran Pembangunan Wilayah. Bagi Negeri Sabah pula sebanyak \$6,050,020 (enam juta, lima puluh ribu dan dua puluh ringgit) adalah dikehendaki bagi bangunan-bangunan Kerajaan dan di Sarawak sebanyak \$2,694,020 (dua juta, enam ratus sembilan puluh empat ribu dan dua puluh ringgit).

Perumahan Kerajaan

Dalam program pembinaan, Kementerian ini juga adalah bertanggungjawab menyediakan rancangan-rancangan perumahan untuk kakitangan Kerajaan. Peruntukan yang diminta bagi tujuan ini adalah seperti berikut:—

Semenanjung—	\$5,250,000 (lima juta, dua ratus lima puluh ribu ringgit).
Sarawak	— \$6,200,000 (enam juta, dua ratus ribu ringgit).
Sabah	— \$2,000,000 (dua juta ringgit).

Pada keseluruhannya dapat dikatakan bahawa permohonan itu diminta bagi merengankan masalah kakitangan Kerajaan dalam hal perumahan terutama di bandar-bandar di negara kita ini.

Jentera-jentera Kerjaraya

Selain daripada program-program seperti yang disebutkan di atas, untuk melicinkan projek-projek pembangunan seperti pembinaan jalanraya, bangunan dan bekalan air, Kementerian ini bertanggungjawab untuk membekalkan jentera-jentera untuk melicinkan kerja-kerja pembinaan tersebut. Bagi tujuan ini Semenanjung Malaysia berkehendakan sebanyak \$22,885,010 (dua puluh dua juta, lapan ratus lapan puluh lima ribu dan sepuluh ringgit). Sarawak \$3,400,000 (tiga juta, empat ratus ribu ringgit) dan peruntukan tanda \$10 dikehendaki di Negeri Sabah.

Tenaga

Kementerian ini juga adalah bertanggungjawab dalam hal-hal bersabit dengan Lembaga Letrik Negara. Jumlah peruntukan (cara langsung dan pinjaman) yang diminta bagi tujuan ini adalah sebanyak \$91,368,739 (sembilan puluh satu juta, tiga ratus enam puluh lapan ribu, tujuh ratus tiga puluh sembilan ringgit). Dari jumlah ini, sebanyak \$20,000,000 (dua puluh juta ringgit) adalah diminta untuk bekalan letrik luarbandar Semenanjung Malaysia. Peruntukan ini akan diberi kepada negeri-negeri untuk membekalkan tenaga letrik ke kawasan-kawasan luarbandar negeri-negeri tersebut. Bagi bekalan letrik luarbandar Negeri Sabah, sebanyak

\$700,000 (tujuh ratus ribu ringgit) adalah diminta dan bagi Negeri Sarawak \$900,000 (sembilan ratus ribu ringgit).

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Bagi peruntukan pinjaman pula, antara projek besar yang akan dijalankan pada tahun 1978 ialah sambungan Stesyen Janaelektrik Perai Kedua yang memerlukan \$50,200,000 (lima puluh juta, dua ratus ribu ringgit). Projek ini akan dapat menambah kuasa sebanyak 360 megawatt kepada system janaelektrik Lembaga Elektrik Negara yang ada sekarang.

Sebanyak \$10,016,000 (sepuluh juta, enam belas ribu ringgit) pinjaman adalah diminta bagi kemajuan Temenggong Peringkat I. Adalah dijangka apabila siap ampangan ini akan dapat menghasilkan 900 juta yunit setahun.

Sebanyak \$1,700,000 (satu juta, tujuh ratus ribu ringgit) adalah diminta bagi perkhidmatan kejuruteraan Haidero-Elektrik Kenering dan Bersia. Kos bagi projek Haidero-Elektrik Kenering adalah sebanyak \$224 juta (dua ratus dua puluh empat juta) dan \$118 juta (satu ratus lapan belas juta) bagi projek Bersia dan dijangka keupayaan bagi kedua-dua ampangan ini adalah sebanyak 700 juta yunit setahun.

Jabatan Pengangkutan Jalan

Sebanyak \$1,182,020 (satu juta, satu ratus lapan puluh dua ribu dan dua puluh ringgit) adalah diminta bagi pembangunan Jabatan Pengangkutan Jalan. Ini adalah perlu bagi memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan bermutu kepada orang ramai. Jumlah ini adalah diperlukan bagi pembinaan dan pengambilan tanah bagi pejabat-pejabat baru RIMV di Wilayah Persekutuan, Butterworth, Negeri Sembilan, Kedah dan Melaka. Selain daripada pembinaan pejabat-pejabat baru, Kementerian ini sedang membuat kajian untuk mendapatkan perkhidmatan komputer yang

bertujuan untuk memperbaiki rekod-rekod jabatan itu.

Tuan Pengerusi, saya mohon peruntukan belanja mengurus tahun 1978 bagi Kementerian saya sebanyak \$117,498,200 (satu ratus tujuh belas juta, empat ratus sembilan puluh lapan ribu dan dua ratus ringgit) dan peruntukan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1978 sebanyak \$618,023,568 (enam ratus lapan belas juta, dua puluh tiga ribu dan lima ratus enam puluh lapan ringgit) diluluskan dan dijadikan sebahagian dari jadual kepada Rang Undang-undang Perbekalan 1978.

8.08 mlm.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, bercakap di bawah Kepala P. 64, Butiran 40 hingga 43 bagi Negeri Sarawak di muka surat 468 yang mendapat peruntukan ke empat-empat Butiran ini sebanyak \$38,590,000 bagi tahun 1978, lebih sebanyak \$3,490,000 daripada peruntukan tahun 1977.

Semua peruntukan tahun 1978 ini diuntukkan secara langsung kepada Jabatan Kerjaya Negeri Sarawak bagi maksud pembangunan. Peruntukan yang besar berjumlah \$21 juta bagi pembinaan jalanraya baharu. Apa yang saya harapkan kepada pihak yang berkenaan samada di peringkat Persekutuan atau Negeri Sarawak mengenai untung nasib jalanraya di antara pekan Kuala Oyak ke pekan Kuala Mukah di tepi pantai sejauh lebih kurang 17 batu diberi perhatian berat oleh pihak yang bertanggungjawab.

Perkara jalanraya ini telah beberapa kali ke-dengaran rayuan dan permohonan diperkatakan di dalam Dewan yang mulia ini untuk mendapat perhatian dan pertimbangan yang sewajar supaya jalanraya yang paling penting untuk kemudahan awam di kedua-dua buah daerah bagi rakyat di situ yang saya telah sebutkan itu diambil perhatian, malangnya nasib rakyat kedua buah daerah itu tidak mendapat perhatian oleh pihak yang berkenaan. Jalanraya yang agak baik setaraf dengan keadaan di luar bandar asalkan jangsan

di waktu hujan jalan berlumpur dan di waktu panas pula jangan berdebu. Itupun sudah cukup untuk kami. Kami memang sedar banyak masalah harus dikaji oleh Kementerian ini. Jalanraya ke Kuala Oyak, Kuala Mukah sebagai jalan peninggalan penjajah dahulu, jika saya diizinkan menyebut di sini keadaan jalan itu sekarang lebih buruk daripada waktu penjajah dahulu. Agaknya pihak yang berkenaanlah yang dapat memberi jawapan yang lebih tepat kepada rakyat. Kami sedar walaupun pihak JKR mempunyai peruntukan wang yang cukup tidak pasti dibelanja di situ sahaja. Apa yang kami minta dibuat atau diperbaiki cara berperingkat-peringkat umpamanya 2 atau 3 batu setahun. Misalnya, sekarang peruntukan bagi tahun 1978 sebanyak \$10 juta untuk memperbaiki jalan dapat dibelanja di jalan itu \$100,000. Jika dibuat dengan cara begini sekalipun rakyat berterima kasih kepada Kerajaan, jika sekiranya pihak Kerajaan tidak mengambil perhatian langsung dengan nasib jalan itu dimanakah rakyat hendak mengadunya. Terserahlah kepada kebijaksanaan Kerajaan yang dipilih rakyat untuk membelanjakan wang rakyat.

Penyiasatan untuk jalanraya baru adalah yang diperlukan untuk jangka panjang. Oleh itu, saya minta pihak yang berkenaan supaya menyiasat di antara Kampung Igan, Kuala Igan ke Kuala Oyak disiasat untuk jalanraya baru sejauh lebih kurang 10 batu bagi pembukaan tanah baru di situ untuk memberi peluang terutama kepada nelayan di sekitar itu memiliki tanah sendiri untuk pertanian supaya mereka boleh hidup tidak semata-mata sebagai nelayan yang miskin sehingga sampai ke anak cucu mereka. Saya berharap juga satu jambatan kayu dan jalan bagi menggantikan jambatan yang buruk di Kampung Kuala Sungai Tilian serta sebatang jalan sejauh lebih kurang $\frac{3}{4}$ batu menggantikan jalan Teluk Susur, ke Batang Air, Mukah disiapkan dalam tempoh tahun 1978 bagi mengatasi masalah rakyat di situ. Dengan memandang lebih 20 tahun sudah JKR Sarawak bertugas

mengorek bagi mendalamkan satu terusan Sungai Kut, Dalat sejauh 6 batu ke Batang Igan sebagai satu perhubungan sungai nampaknya tidak begitu berjaya. Sekarang di waktu air surut didapati air di pertengahan terusan itu tidak sampai 12 inci dalam, perahu-perahu kecil pun sukar untuk melalui di situ. Saya bercadang supaya pihak yang berkenaan menyiasat samada mengorek terusan itu patut dijalankan ataupun lebih baik diberhentikan diganti dengan pembinaan jalanraya di tebing terusan itu dari sebelah Batang Oyak ke Batang Igan yang boleh dilalui lori dan kereta motor bagi kepentingan pengangkutan di situ. Ini mungkin lebih sesuai lagi jika memandangkan daripada keadaan terusan pada masa ini.

Tuan Pengerusi, menyentuh Butiran 107 di muka surat 471 — Bekalan Air Luar Bandar, peruntukan sebanyak \$2 juta dikehendaki bagi tahun 1978. Dengan kelulusan peruntukan ini saya berharap projek bekalan air yang telah lama digantungkan seperti di Dalat dan Balingian serta Kuala Oyak dapat dilaksanakan dengan segera. Suka saya mengesyorkan di sini dengan siapnya satu tangki air dan pam air yang baru dibina sekarang di Mukah bekalan air dapat diperluaskan lagi ke Kampung Seberang dan Kampung Otanak yang tidak berapa jauh dari situ di mana sudah lama rakyat di situ berharap untuk mendapat bekalan air.

Menyentuh Bekalan Letrik Luar Bandar, Butiran 227 di muka surat 477 sebanyak \$900,000; ini nampaknya bertambah sebanyak \$520,000 daripada tahun 1977. Dengan tambahan yang ada ini maka lebih banyak lagi tempat yang dapat bekalan letrik di luar bandar. Saya juga merayu kepada pihak yang berkenaan supaya bayaran memasang letrik ke rumah-rumah seperti di kampung-kampung luar bandar janganlah dikenakan bayaran dengan mengira untung, mendapat hasil keuntungan yang berlebihan, sehingga tiang-tiang kayu letrik yang dipasang di tepi jalan itu juga dikenakan bayaran dengan harga yang mahal, jauh lebih mahal daripada yang

patut kepada pengguna-pengguna di kampung. Ini saya rasa tidak sepatutnya dibuat demikian dan saya berharap juga di Kampung Seberang dan Kampung Sungai Kerian Ulu dan Kampung Petanak dibekal dengan bekalan elektrik. Apa yang saya tahu rakyat di kampung yang saya sebut ini sudah lama berkehendakkan bekalan elektrik. Jika sekiranya kemampuan tenaga elektrik daerah Mukah itu tidak mencukupi memberi bekalan tenaganya meliputi sampai ke kawasan kampung-kampung yang saya sebut itu, eloklah elektrik itu diperbesarkan lagi kemampuan tenaganya. Semenjak 30 tahun sudah apa yang saya tahu tidak ada tambahan kepada kekuatan tenaga elektrik yang ada sekarang di Mukah. Oleh itu sampailah masanya perkara itu ditimbang semula bagi mengatasi kehendak rakyat di sekitar kawasan itu. Saya yakin Kementerian ini dapat bekerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri Sarawak terutama JKR bagi melaksanakan projek-projek seperti bekalan air, jalan-jalan kampung, bekalan elektrik yang patut diutamakan untuk rakyat luar bandar, tidak ditumpukan kepada daerah-daerah yang tertentu sahaja. Itulah harapan kami.

Akhirnya, saya menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian ini.

8.17 *mlm.*

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Pengerusi, di sini saya suka menyentuh sedikit di bawah Kepala B. 64, Butiran 1100 di bawah Aktiviti (1) iaitu Pentadbiran Am.

Saya suka menarik perhatian Kementerian ini kepada suatu masaalah iaitu masaalah pemborong-pemborong bumiputra yang telah memborong kerja-kerja Jabatan Kerjaraya yang sekarang ini menghadapi satu masaalah yang agak penting pada mereka. Saya tahu perkara ini ada penglibatan secara langsung dengan Kementerian Kewangan tetapi walaupun demikian Kementerian ini dan Jabatan Kerjaraya adalah memainkan peranan yang amat penting di dalam perkara ini dan dapat

membantu menyelesaikan masaalah pemborong-pemborong bumiputra ini.

Sebagaimana pihak Kementerian juga tahu bahawa di dalam tahun 1970 iaitu di dalam awal tahun 1970an apabila bahan-bahan pembinaan ini telah melambung naik harganya maka ramai di antara pemborong-pemborong bumiputra ini tidak dapat menjalankan kerja mereka dan dengan demikian mereka telah terpaksa tidak dapat mematuhi syarat-syarat perjanjian di dalam kontrak ataupun di dalam tender mereka itu. Jadi banyak kerja-kerja telah terbengkalai, akibatnya banyak daripada pemborong-pemborong ini telah diistiharkan bangkerap oleh mahkamah dan ada pula yang tidak diistiharkan bangkerap secara tidak rasmi mereka itu sebenarnya telah jatuh bangkerap kerana tidak ada upaya lagi. Jadi masaalahnya di sini ialah banyak di antara mereka ini telah dimodali oleh bank-bank, dan bank-bank ini memodali mereka kerana kekuatan jaminan ataupun guarantee daripada pihak MARA. Saya tahu MARA sahaja dalam hal ini barangkali akan menghadapi kerugian berpuluh-puluh million. Masaalah yang timbul sekarang ini banyak daripada antara kontraktor-kontraktor ini yang telah disaman di bawa ke mahkamah seperti saya katakan ada yang diistiharkan bangkerap dan banyak lagi yang mana kes-kes mereka ini sedang dibicarakan dan ada pula yang akan dibicarakan. Bank-bank juga telah menuntut kepada MARA sebagai penjamin. Akan tetapi, MARA nampaknya tidak boleh berbuat apa-apa, melainkan minta sefahaman daripada bank-bank ini supaya lambatkan kes mereka sementara menunggu jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masaalah ini.

Di sini saya difahamkan pihak Kerajaan telah memandang berat di atas perkara ini dan ini patutlah semua pihak yang berkenaan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan. Kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas di mana tiap-tiap kes ini telah dikaji dengan teliti iaitu samada seseorang kontraktor itu akan dibayar progress payment setakat

kerja yang disiapkan dan jikalau dibayar sebanyak mana. Di sinilah mustahaknya pula tugas Perbendaharaan.

Bank-bank sekarang ini merasa begitu curiga. Setengah daripada bank iaitu samada guarantee daripada MARA baik ataupun tidak baik samada dihormati oleh MARA atau tidak. Saya bimbang jikalau bank ini pada masa yang akan datang oleh kerana lambat menyelesaikan perkara ini dan enggan penjamin untuk membayar hutang-hutang bagi pihak yang telah berhubung, jadi bank mungkin tidak mahu lagi menerima guarantee daripada MARA. Saya berharap Kementerian ini untuk mengelakkan orang-orang perseorangan, setengah-setengahnya bekerja di dalam perkhidmatan Kerajaan pun ada yang telah memberi jaminan kepada pemborong-pemborong seperti ini daripada diambil tindakan mahkamah dan kita tahu mereka ini memberi jaminan dengan hati yang tulus ikhlas dan untuk memajukan bumiputra. Kementerian ini patutlah bekerjasama rapat dengan pihak Perbendaharaan dan memberikan recommendation sewajarnya dan kalau boleh janganlah Kementerian ini terlalu ketat hendak menguatkuasakan hak-hak mereka pada segi undang-undang dan tidak mahu ataupun membayar dengan cara agaknya mengikut peraturan di atas progress payment ini kepada kontraktor-kontraktor bumiputra itu tadi.

Sekarang ini ada banyak lagi bumiputra-bumiputra yang masih menunggu perbincangan. Saya berharap sebelum sampai masa dan ketika di mana mereka ini dibicarakan, di bangkerapkan, MARA terpaksa membayar sebagai guarantor supaya Kementerian ini juga dapat menolong menghubungi pihak Treasury dan memberi segala recommendation yang patut untuk membantu mereka ini. Kerana kita sayang kepada bumiputra yang ada berpengalaman tetapi telah bangkerap bukan kerana kemahuannya sendiri tetapi dengan keadaan. Saya ingat mereka ini patutlah diberi galakan dan diberi peluang kerana kalau kita hendak melahirkan kontraktor-kontraktor bumiputra di masa yang akan

datang, mereka yang tidak ada pengalaman mungkin akan mengambil masa yang begitu panjang dan kita takut jikalau Dasar Ekonomi Baru kita itu tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya.

Jadi itulah harapan saya dan pada akhirnya saya sukacitalah mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Menteri yang telah mengambil berat di atas rayuan masalah-masalah di dalam kawasan-kawasan saya dan saya berharap masalah yang telah saya kemukakan itu yang belum diselesaikan lagi itu dapatlah pihak Yang Berhormat Menteri selesaikan dalam masa tidak berapa lama lagi.

8.25 *mlm.*

Tengku Noor Asiah bt. Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 64, Butiran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan Aktiviti (2) Reka bentuk dan Penyenggaraan Jalan-jalan Raya, muka surat 461 dan Kepala Pembangunan P. 64, Butiran 1 — Memperbaiki Jalan Satu dan Jambatan, muka surat 466.

Tuan Pengerusi, pada tahun yang lepas saya telah menyentuh mengenai jalan-jalan raya di Pantai Timur khusus mengenai Jalanraya Persekutuan. Alhamdulillah nampaknya banyak jalan-jalan tersebut diperbaiki dan diperbetulkan. Namun begitu, saya mengharapkan bahawa pemberian penyelenggaraan ini hendaklah diberi mengikut jangka waktu yang dikehendaki supaya pihak Negeri tidak menunggu begitu lama terutama memandangkan musim tengkujuh, atau musim hujan pada tiap-tiap penghujung tahun. Sekiranya bantuan ini lambat diberi kepada pihak Negeri, maka adalah menjadi sukar kepada pengguna-pengguna jalanraya di Pantai Timur memandangkan jalan-jalan itu begitu berlubang-lubang sehingga sukar dilalui. Ini boleh membahayakan keselamatan jalanraya.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya ingin sentuh ialah mengenai Butiran 4 —

Memperbaiki Jalan Persekutuan dan Jambatan-jambatan, muka surat 466.

Adalah dihargai dapat kiranya Kerajaan Persekutuan mengambil daya-usaha untuk memperbaiki semula satu jalan daripada Pasir Pekan ke Tumpat dan Pangkalan Kubur yang sekarang ini di bawah jagaan Kerajaan Negeri, tetapi saya mengharapkan bahawa dengan jasa baik Yang Berhormat Menteri supaya jalan tersebut dapat diambil alih dan dijadikan sebagai Jalan Persekutuan dengan harapan bahawa ianya dapat diselenggarakan dengan sempurnanya oleh Kerajaan Persekutuan. Sebab saya bangkitkan mengenai jalan-jalan itu supaya diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan oleh sebab semasa lawatan Allahyarham Tun lagi yang mana Allahyarham telah menyatakan untuk menaikkan taraf-teraf jalan iaitu Jalan Penggawa kepada jalan Negeri dan jalan Negeri ke jalan Persekutuan jadi sehinggalah sampai ke hari ini nampaknya pengambilan alih untuk menaikkan taraf-teraf jalan itu belum lagi dilaksanakan. Jadi kami bagi pihak penduduk-penduduk khususnya di Pantai Timur ini berharap dengan bersungguh-sungguh kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya langkah-langkah yang sewajarnya dapat diambil memandangkan kesusahan orang-orang di Pantai Timur khususnya orang-orang di Kelantan untuk hendak menggunakan jalan-jalan raya baru ini.

Begitu jugalah, Tuan Pengerusi, mengenai dengan bekalan elektrik. Kalaulah kita memandangkan hari ini dengan kelambatan untuk menyiapkan satu projek bekalan elektrik khasnya di kawasan saya, sebagaimana saya telah berkali-kali membangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya elektrik yang dipasang pada masa dulu diputus-putuskan sekerat-sekerat itu hendaklah dilaksanakan dengan seberapa segera. Tetapi apabila kita bertanya, alasannya tidak ada juruteknik dan macam-macam lagi, maknanya tidak cukup kakitangan samada di LLN ataupun JKR di Kelantan hari ini. Saya berharaplah dengan

sungguh-sungguh kepada Menteri yang berkenaan dengan jasa baiknya supaya dapat ditambahkan pegawai-pegawai itu khususnya di Negeri Kelantan hari ini supaya dapatlah rakyat Negeri Kelantan di bawah pentadbiran Ala MAGERAN hari ini melihat rancangan-rancangan berjalan dengan lancarnya. Itulah harapan kami sebagai penduduk-penduduk di Negeri Kelantan hari ini. Mudah-mudahan dengan pengambilan alih jalan ini dapatlah dipertimbangkan oleh Kerajaan pada hari ini.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong dengan sepenuhnya.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: (*Bangun*).

Tuan Edwin anak Tangkun: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak dulu, kemudian Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar. Selepas itu saya akan jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

8.30 mlm.

Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Saya ingin menyentuh Kepala B. 64, muka surat 461, Butiran 1100, Aktiviti 4 — Reka bentuk, Pengujian dan Penyenggaraan Kerja-kerja Bekalan Air.

Saya ucapkan terima kasih di atas usaha Kerajaan bagi menyediakan sebuah loji air di Bukit Changkat Jong, Hilir Perak semenjak tahun 1966. Bila siap dibina dan dibuat ujian selama sebulan bagi mengisi empat juta gelen air, loji tersebut retak dan airnya terbuang, sehingga hari ini loji ini tidak boleh dipakai dan keadaannya adalah merupakan sebuah mini-studio. Oleh itu, saya ingin mendapat penjelasan apakah usaha Kerajaan untuk memulihkan loji ini supaya dapat digunakan

semula bagi bekalan air yang dibekalkan seluruh Hilir Perak khasnya Bagan Datoh, Hutan Melintang dan sekitarnya.

Rasanya perbelanjaan bagi menyiapkan loji ini hampir \$10 juta dan wang ini saya rasa kalau tidak digunakan loji ini adalah merupakan usaha yang sia-sia. Demikian juga loji air yang dibina di Changkat Lada dan Bahagian Perak Tengah telah dibuat pada tahun 60an yang lalu tetapi sehingga hari ini masih diabaikan begitu juga. Oleh itu, saya cadangkanlah kegunaannya supaya diisi air atau diperbaiki dan dapat diberikan bekalan dengan sebaik-baiknya kepada pengguna-pengguna yang berhajatkan bekalan air. Caranya catuan yang ada pada peringkat-peringkat yang tertentu seperti loji air yang ada di Changkat Lada itu disambungkan ke Selatan hinggalah terus ke satu kampung ke Sungai Jawi dan keseluruhan Mukim Sungai Durian, Persimpangan Cabang Kiri terus ke Sungai Renggam, Kota Setia ke kawasan Sungai Besar. Daripada Kota Setia kita boleh ke hilir lagi dan masuk ke kampung yang bernama Parit Jerman, Ladang Pragadia, Ladang Sepani dan Kayan terus ke Lumut ataupun kalau hendak beri bekalan ke kawasan ini daripada Lumut dimasukkan ke sebaliknya.

Semuanya ini adalah di bawah tadbiran Pejabat Daerah Dinding. Dengan terbekalnya air ini nanti tidaklah jadi kekeringan air yang berlaku baru-baru ini yang mana ada di antara penduduk-penduduk daripada Mukim Kota Setia iaitu dari Kota Setia, Sungai Besar, Kayan dan Parit Jerman terpaksa pergi ke seberang membeli air di Bagan Datoh dengan harga \$1.00 hingga \$1.50 satu tin minyak gas. Jadi saya rasa kesusahan dan kesempitan yang serupa ini patutlah Yang Berhormat Menteri dapat pertimbangkan dan kalau usaha ini dibuat saya rasa bekalan air yang ada di Bagan Datoh itu tidaklah dibahagi ke seberang sungai dan begitu juga bekalan air yang ada di Sungai Dulang tidaklah orang daerah Sungai Besar atau sebahagian daripada Kota Setia mengambil di Sungai Dulang.

Selain daripada itu, saya ingin menyentuh Kepala P. 64, muka surat 466, Butiran 6 — Jalan-jalan Raya Baru. Saya sukalah menyatakan jalan yang ada sekarang daripada Telok Sena ke Kota Setia keadaannya sangat kurang memuaskan sehingga Land Rover hendak lalu pun segan di kawasan ini. Jalan ini adalah melintasi satu rancangan kawasan persawahan yang mengikut pakar perundingnya tempoh hari kawasan ini tidak maju, tetapi bila dibuka sehingga sekarang keadaannya tidak dapat diselesaikan masalaahnya yang timbul. Jadi walaupun jalan ini namanya Jalan Negeri, tetapi rasanya patutlah Kerajaan Pusat memberi bantuan supaya jalan tersebut diperbaiki dahulu sebelum Jalan Pantai Barat Telok Anson—Lumut dilaksanakan kerana jalan yang ada sekarang telah digunakan dan dapat mendekatkan perhubungan Kota Setia—Telok Anson dan Pejabat Daerah Kecil dari Kampung Gajah dan Pejabat Daerah yang akan dibina di Seri Iskandar Bota. Dengan terbinanya jalan ini juga pada pandangan saya boleh menjimatkan belanja pengangkutan bahan untuk binaan Jalan Lumut ke Telok Anson, atau tanggihkan dahulu jalan ini adalah lebih baik.

Saya juga ingin menyentuh mengenai memperbaiki jalan-jalan yang telah dibina iaitu jalan yang disebutkan Jalan Kerajaan Pusat atau Jalan Federal iaitu daripada Telok Anson ke Bagan Datoh yang ada sekarang. Dalam ingatan saya sudah hampir tiga tahun jalan ini tidak pernah diperbaiki sedangkan pengguna-penggunanya adalah terlalu ramai dan pada kebiasaannya pengguna-pengguna itu selalunya tidak mengikut syarat yang telah diluluskan dan selalunya lori-lori membawa muatan yang lebih daripada yang dihadkan. Jadi, pada pandangan saya jalan ini patutlah diperbaiki kerana walaupun kawasan ini bukannya kawasan saya, tetapi saya menempuh jalan ini dahulu baru sampai ke kawasan saya.

Mengenai Kepala P. 64, muka surat 476, Butiran 201 — Bekalan Letrik Luar Bandar. Saya ucapkan terima kasih di atas usaha

Kementerian ini bagi memberikan bekalan letrik ke kampung-kampung, tetapi ada berlaku kelewatan dengan sebab-sebab yang tertentu. Sebab-sebab ini saya rasa boleh diatasi dengan cara bekalan tiang hendaklah dibukakan kepada pemborong-pemborong yang mampu dan kepada Perbadanan-perbadanan Negeri boleh juga merundingkan supaya dapat membekalkan tiang. Ada di antara rancangan yang telah diluluskan sejak tahun 1975, tetapi sehingga ini tidak dapat dilaksanakan.

Saya juga ingin mendapat penjelasan sebenar di Dewan yang mulia ini berhubung dengan pengendalian bekalan letrik di luar bandar ini, terutama di kawasan saya di sebelah Hilir Perak dikendalikan atau dilaksanakan projek-projek ini oleh Lembaga Letrik Negara dan juga telah dipersetujui dan telahpun sedia rancangan ini di kawasan Daerah Kecil Kampung Gajah, iaitu satu daerah baru dinamakan Daerah Perak Tengah. Tetapi pihak Pembekalan Letrik Kinta (Kinta Electrical Distribution) mengakui bahawa Perak Tengah adalah di bawah kelolaannya, tetapi tidak ada rancangan persediaan bagi membekalkan keseluruhan Perak Tengah. Dengan itu, saya sukalah mencadangkan persediaan rancangan bekalan letrik yang disediakan oleh Lembaga Letrik Negara itu hendaklah dijadikan asas kelolaan K.E.D. jika benar-benar K.E.D. hendak mengendalikan pembekalan di kawasan tersebut. Kawasan yang boleh dibekalkan itu adalah dicadangkan supaya disambung ibusawat daripada Pematang Pelanduk ke kawasan Mukim Pasir Panjang Hulu dan turun terus ke Kampung Gajah ataupun jika bekalan itu dikendalikan oleh K.E.D. hendaklah diusahakan daripada Kampung Gajah juga dengan mengusahakan atau menyambung talian hantaran Kampung Gajah, ke Kampung Pasir Panjang Hulu dan sekitarnya. Selain daripada itu, dicadangkan juga supaya diadakan rancangan bekalan bagi tebing sebelah kiri Sungai Perak dengan mengadakan atau menubuhkan sebuah alat tobah di Kampung Selat Pulau iaitu di sebelah Kam-

pung Gajah dengan menyambung talian atas hantaran Cameron Highlands—Lumut yang telahpun siap sedia dipasang sekarang. Daripada Selat Pulau boleh juga dibekalkan ke utara dan ke Kuala Pulau Pasir Putih dan sekitarnya sehinggalah ke selatan sampai ke satu rancangan pemulihan pertanian yang dibuat oleh FELCRA yang mana kampung itu telah disusun terus ke Kota Setia.

Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini.

8.40 mlm.

Tuan Edwin anak Tangkun (Batang Lupar):

Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong perbelanjaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Tuan Pengerusi, Kepala P. 64, muka surat 468 di bawah Tajuk — Jalanraya dan Jambatan di Negeri Sarawak. Di sini saya bercakap dengan ringkas Butiran 40 hingga 45. Wang yang diperuntukkan berjumlah \$38,590,000 untuk tahun 1978. Walaupun peruntukan ini nampak begitu besar untuk tahun 1978 akan tetapi jikalau dibandingkan dengan Negeri Sabah peruntukan ini terlampau kecil kerana mengikut anggaran-anggaran di dalam Butiran-butiran Negeri Sabah wang yang diperuntukkan berjumlah \$355,763,420 dan ini dijangka akan lebih 30 kali ganda lebih besar wang yang diperuntukkan di Negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu dalam Dewan yang mulia ini apakah sebab-sebab Negeri Sabah diperuntukkan begitu besar dan Negeri Sarawak begitu kecil tahun hadapan. Adakah ini disebabkan oleh kerana perhubungan Menteri berkenaan dengan Kerajaan Negeri Sarawak dalam tahun yang lepas tidak begitu rapat atau Negeri Sarawak tidak perlu membesarkan jalan di seluruh bahagian di negeri itu. Pada pendapat saya beberapa tahun yang lepas ataupun pada hari ini rakyat di Sarawak, khasnya di kawasan

luar bandar banyak sungutan-sungutan didapati oleh kerana banyak jalan-jalan yang dikehendaki oleh rakyat itu tidak diambil perhatian yang berat oleh Kementerian yang bertanggungjawab dan bila saya bercakap dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali dalam tahun yang lepas, Menteri berkenaan ada menjawab dan beliau berkata: Perkara jalanraya terpulanglah kepada Kerajaan Negeri. Bila perkara ini dibangkitkan dalam Dewan Undangan Negeri Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak memerlukan wang dari Kerajaan Pusat.

Pada petang ini ingin juga saya sekali lagi memberi pandangan dengan ringkas supaya Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab dapat mengambil perhatian yang berat kerana dalam beberapa bulan yang lepas Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak sudah bersetuju melantik Yang Berhormat Datuk Dunstan Endawie sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kerjaraya Sarawak dan atas lantikan beliau itu saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional dan juga kami sebagai Wakil Rakyat yang datang dari luar bandar berharap kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam Persekutuan akan dapat bekerjasama dengan Menteri yang baru itu dan berhubung rapat di antara satu sama lain, selain dari itu patutlah diadukan dengan segera supaya kemudahan-kemudahan yang ada sekarang dapat diatasi oleh Kerajaan Barisan Nasional di seluruh bahagian di Negeri Sarawak. Saya percaya Kementerian yang baru itu memanglah sanggup bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dan beliau juga faham apa kesusahan rakyat di luar bandar oleh kerana beliau sendiri mewakili rakyat dari luar bandar dan harapan rakyat sekarang dapatkah Kerajaan ini bekerjasama di antara satu sama lain, saya berharap Kementerian ini patutlah lebih lagi rapat berhubung supaya rancangan-rancangan jalanraya di Sarawak dapat dihapuskan.

Tuan Pengerusi, selain dari itu saya ingin menyentuh rancangan bekalan air di luar bandar, Butiran 107, muka surat 471. Wang yang diperuntukkan berjumlah \$2 juta. Peruntukan ini juga terlampau kecil kerana di Negeri Sarawak rancangan bekalan air masa sekarang di luar bandar saya diberitahu iaitu Jabatan Kesihatan yang bertanggungjawab, dan tanggungjawab itu Yang Berhormat Menteri Kesihatan dari Kerajaan Pusat. Saya di sini ingin mengesyorkan bahawa rakyat di luar bandar memerlukan air paip, perlu tank-tank, khasnya rakyat yang tinggal di pantai, di tepi laut. Saya dapati di Negeri Sarawak tiap-tiap tahun ada berlaku kekurangan air di musim kemarau di Sarawak dan Kerajaan Negeri sentiasa membantu rakyat, kadangkadangkang dengan helikopter menghantar air kepada rakyat yang tinggal di tepi pantai. Oleh yang demikian, saya harap Kementerian yang bertanggungjawab ini akan dapat menimbangkan dan memberi lebih lagi peruntukan wang di bawah Butiran 107.

8.45 mlm.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas teguran-teguran, cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya dan cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu mana yang difikirkan dapat dilaksanakan dengan terus, Kementerian saya ataupun Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya akan laksanakan dan mana yang perlu dibuat kajian mendalam saya akan berbuat demikian. Di sini saya tidak dapat menjawab satu persatu berkenaan dengan teguran-teguran yang diberi itu tetapi saya cuba menjawab dengan ringkas mana yang saya fikir perlu. Di mana yang saya tidak jawab saya akan ambil perhatian dan akan ambil tindakan di belakang nanti.

Saya ingin menjawab teguran yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Mukah

yang telah membangkitkan berkenaan dengan pembinaan jalanraya dan juga bekalan letrik luar bandar dan air di luar bandar. Di sini sekali lagi saya ingin menerangkan yang walaupun Kerajaan Pusat ada memberikan bantuan yang besar untuk mengadakan bekalan letrik luar bandar dan juga bekalan air luar bandar dan membina jalanraya luar bandar, tetapi yang menentukan di mana satu projek yang diberi priority perlaksanaannya adalah Kerajaan Negeri itu sendiri. Dengan sebab itu maka terpuanglah kepada Kerajaan Negeri itu untuk menentukan mana-mana projek yang harus dijalankan dahulu ataupun diberi priority dari semasa ke semasa. Walaupun demikian, mana-mana juga teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi itu saya sendiri akan cuba kemukakan kepada Menteri yang berkenaan dalam negeri yang berkenaan supaya Menteri yang berkenaan itu akan mengambil tindakan untuk memperbetulkan kedudukan tersebut.

Berkenaan dengan masalah yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Maran iaitu berkenaan dengan masalah pemborong-pemborong bumiputra yang menghadapi masalah kerana kerjanya tidak maju dan perniagaan tidak maju, Kementerian saya adalah sedar dengan masalah yang dihadapi di setengah-setengah pemborong bumiputra ini, dengan sebab inilah Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah ataupun tindakan untuk membantu mereka. Tetapi di samping itu tidaklah semua kontraktor bumiputra yang menghadapi masalah dapat kita bantu kerana ada juga taraf mereka itu yang tidak maju, bukan kerana mereka sudah bekerja dengan bersungguh-sungguh tetapi mereka tidak maju kerana mereka sendiri itu yang tidak menjalankan pekerjaan mereka dengan bersungguh-sungguh. Jadi dengan sebab inilah mereka menemui beberapa masalah dalam perkara ini kalau masalah itu mereka sendiri yang lebih kurang membuat sendiri maka adalah sangat payah bagi Kementerian ini ataupun mana-mana juga Kementerian untuk membantu mereka.

Tetapi jikalau Ahli Yang Berhormat dari Maran juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dapat membawa sesuatu kes yang tertentu yang pemborong itu seharusnya mendapat bantuan kerana pemborong itu bukanlah tidak maju kerana kesalahan mereka sendiri, tetapi sesuatu sebab yang mereka tidak boleh mengatasi sendiri ataupun ada pegawai yang menahankan kemajuan mereka ataupun tidak bekerjasama dengan mereka, maka saya sentiasa menerima pengaduan itu dan saya akan membuat penyiasatan yang teliti atas perkara itu supaya kontraktor yang menghadapi masalah seperti itu tidak akan menjadi mangsa kepada perbuatan pegawai yang cuai ataupun tidak bekerjasama dengan pemborong tersebut, tetapi adalah payah bagi Kementerian saya untuk berjanji yang semua kontraktor bumiputra yang mengalami masalah ataupun menghadapi tindakan bank kerana tidak membayar dapat dijamin untuk saya membantunya, ini adalah payah bagi saya untuk menjaminnya. Tetapi seperti yang saya katakan tadi jikalau ada seseorang kontraktor yang katakanlah bukan kesalahan mereka ataupun bukan kesalahan kontraktor itu sendiri melainkan kesalahan pegawai yang tidak memberi bantuan kepada mereka, maka dengan sebab itulah kontraktor itu tidak maju maka saya adalah sentiasa bersedia menerima pengaduan itu dan akan berikhtiar untuk mencari jalan bagaimana hendak membantunya sepertimana yang saya sudah buat di hari-hari yang sudah-sudah.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah membangkitkan soal bantuan membaiki jalan-jalanraya di tiap-tiap negeri pada tiap-tiap tahun. Ini ingin saya menjelaskan yang peruntukan ini adalah ditentukan pada tiap-tiap tahun dan tidak ada soal yang peruntukan ini dilambat-lambatkan kerana Kementerian saya adalah sentiasa memberi peruntukan ini pada tiap-tiap tahun dengan seberapa cepat yang boleh.

Berkenaan dengan jalanraya, Ahli Yang Berhormat itu meminta Kerajaan Pusat

supaya mengambilalih walaupun Yang Berhormat itu tidak menyentuhkan mana-mana satu jalan tetapi boleh jadi saya tahu juga di mana jalan itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu daripada jalan itu sudahpun kita mengambil keputusan untuk diambilalih oleh Kerajaan Pusat dan yang satu lagi sedang kita buat kajian pada waktu ini. Saya harap tidak berapa lama daripada sekarang kita akan dapat mengambil keputusan dalam soal ini.

Berkenaan dengan kakitangan baik JKR mahupun Lembaga Letrik Negara di Negeri Kelantan ini memang kita akui masih ada banyak kekurangan kerana banyak projek yang dilaksanakan kerana peruntukan yang begitu banyak diperuntukkan kepada Negeri Kelantan dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Tetapi walau bagaimanapun tambahan kepada kakitangan ataupun pegawai-pegawai yang ada di situ sudahpun kita buat dan tambahan ini akan kita teruskan dari masa-masa yang akan datang dan saya harap dalam awal tahun 1978 ini sebahagian besar daripada kakitangan yang kita kehendaki dapat kita berikan kepada Negeri Kelantan.

Berkenaan dengan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Hilir Perak ini saya akan ambil perhatian nanti dan saya harap tidak berapa lama dari sekarang kita akan dapat perbetulkan mana-mana masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut.

Berkenaan dengan soal yang lain seperti kelambatan melaksanakan letrik luar bandar, saya ingat saya pun sudah banyak kali terangkan perkara ini, jadi saya tidaklah payah lagi terangkan perkara ini.

Berkenaan dengan teguran daripada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar yang menyoal berkenaan dengan peruntukan pembinaan jalanraya di Negeri Sabah yang begitu banyak sedangkan peruntukan di

Negeri Sarawak begitu sedikit. Adakah ini kena mengena dengan sebab saya berada di Kementerian ini maka perhubungan di Sarawak tidak begitu baik. Saya ingin menerangkan kepada Yang Berhormat, ini adalah tidak ada kena mengena sama sekali dan di sini saya ingin menerangkan yang saya tidak ada mempunyai perhubungan yang jahat kepada sesiapa pun baik di Sarawak ataupun di mana-mana negeri. Boleh jadi ada sedikit perselisihan politik bagi Negeri Sabah tetapi saya bukan katakan ada perhubungan jahat dengan Sarawak ataupun mana-mana negeri.

Berkenaan dengan ada sedikit perselisihan di antara Sabah dan Sarawak untuk membina jalanraya pada tahun ini, ini adalah disebabkan pembinaan 3 jalanraya di Sabah yang baru sahaja siap kajian dan rekabentuknya dan sebagaimana yang saya terangkan awal-awal tadi di Sarawak juga kita sedang membuat kajian satu jalanraya (second trunk road) di Sarawak dan saya percaya bila ini sudah siap kajian dan rekabentuknya, peruntukan yang serupa atau boleh jadi lebih banyak daripada ini akan diperuntukkan juga kepada Sarawak.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$107,552,600 untuk Kepala B. 64 dan \$9,945,600 untuk Kepala B. 65 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$616,841,548 untuk Kepala P. 64 dan \$1,182,020 untuk Kepala P. 65 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok Jumaat, 16hb Disember, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.00 malam.